




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

75 Tahun

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan



75 Tahun

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan

75 TAHUN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA MERENTASI ZAMAN, MENGUKIR KEHIDUPAN

Cetakan Pertama, 2024
© Hak Cipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Presint 1,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Rekabentuk dan Dicetak oleh:

D'FA Print Sdn Bhd
No. 16, Jalan P10/21, Taman Perindustrian Selaman,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

ISBN 978-967-253-893-6







Perutusan

Perdana Menteri	1
Menteri Ekonomi	3
Ketua Setiausaha Negara	5
Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi	7
Ketua Perangkawan Malaysia	9

01	Evolusi Jabatan Perangkaan Malaysia dan Sistem Statistik Negara
BAHAGIAN	17-40

02	Maklumat Korporat
BAHAGIAN	43-50

03	Statistik Pemangkin Kesejahteraan dan Pembangunan Negara
BAHAGIAN	53-80

04	Pengukuhan Kapasiti Organisasi
BAHAGIAN	83-92

05	Di Persada Dunia
BAHAGIAN	95-98

06	Memartabatkan Statistik
BAHAGIAN	101-154

07	Aktiviti DOSM
BAHAGIAN	157-166

08	Pencapaian
BAHAGIAN	169-172

09	Penghargaan
BAHAGIAN	175-189

75 Tahun

Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan

Malaysia telah merentasi fasa pembangunan masyarakat dan negara yang begitu pesat sejak pembentukan negara ini pada 16 September 1963, malahan usaha membangunkan negara berlaku lebih awal daripada itu dengan Perisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 daripada pemerintahan British dan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

Pembentukan negara yang merdeka merupakan titik tolak kepada perubahan dan transformasi struktur ekonomi, masyarakat, kependudukan & demografi, sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan, hubungan antarabangsa, pembangunan negeri dan wilayah, tadbir urus kerajaan, pengurusan perkhidmatan awam termasuklah Sistem Statistik Negara yang diterajui oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sistem Statistik Negara (SSN) secara rasminya dibina pada tahun 1949 dengan tertubuhnya Biro Statistik di bawah peruntukan Ordinan Statistik tahun 1949 (*Statistics Ordinance*). Biro Statistik yang diketuai oleh seorang Pendaftar Statistik (*Registrar of Statistics*) berperanan untuk menjalankan tugas-tugas pungutan, pemprosesan dan penerbitan perangkaan yang berkaitan dengan data perdagangan luar negeri dan pengeluaran tanaman di estet. Melalui fungsi tersebut, bermulalah era pengurusan pengumpulan data yang komprehensif secara berpusat bagi Persekutuan Tanah Melayu.

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maklumat perangkaan amat diperlukan bagi penggubalan dasar pembangunan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Justeru, satu jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Mac 1960. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengkaji dan mengemukakan syor-syor berkaitan keperluan statistik dan perkembangan organisasi statistik kepada Kerajaan termasuklah mengkaji pengukuhan perundangan dan fungsi Biro Statistik.

Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 telah menyatukan perkhidmatan perangkaan di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1965, Akta Perangkaan 1965 telah diluluskan oleh Parlimen bagi menggantikan Ordinan Statistik yang telah dimansuhkan. Di bawah Akta ini, Biro Statistik telah dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan diketuai oleh Ketua Perangkawan. Akta baru ini lebih komprehensif dan memperkukuhkan lagi kuasa penyusunan perangkaan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Terkini, sejajar dengan keperluan negara terhadap data dan statistik yang lebih menyeluruh untuk merancang dan melaksanakan dasar pembangunan berpacuan data, Kerajaan pada tahun 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Penubuhan MSDN merupakan peristiwa bersejarah yang meletakkan Malaysia sebaris dengan negara maju yang mempunyai majlis statistik negara masing-masing. MSDN bertindak sebagai badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus Sistem Statistik Negara. Struktur Tadbir Urus MSDN juga disokong dengan pembentukan Jawatankuasa Eksekutif MSDN. Manakala di peringkat negeri, mekanisme Majlis Statistik dan Data Negeri dan Daerah akan dilaksanakan dengan penglibatan menyeluruh di peringkat Pihak Berkuasa Negeri.

Keamanan dan kemakmuran yang dinikmati oleh penduduk negara pada ketika ini tidak dicapai dengan mudah. Ia turut didokong oleh maklumat statistik terbitan DOSM yang telah dirujuk dan digunakan secara komprehensif dalam penyediaan pelbagai pelan pembangunan negara dan negeri sejak lebih tujuh dekad yang lalu. Data dan statistik teras seperti Penduduk & Demografi, Perumahan, Pertanian, Perlombongan, Pembuatan, Pembinaan, Perkhidmatan, Perakaunan Negara dan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan Antarabangsa, Imbangan Pembayaran, Petunjuk Ekonomi, Tenaga Buruh dan Pekerjaan, Indeks-indeks Harga, Alam Sekitar, Pengukuran Pertumbuhan Mampan dan lain-lain lagi telah berevolusi dan diperkasa seiring dengan piawaian statistik antarabangsa.

Revolusi data yang tercetus susulan kepantasan janaan data daripada lonjakan teknologi maklumat, Internet Pelbagai Benda (IoT), kecerdasan buatan, digitalisasi dan *interconnected world* telah membawa cabaran baharu kepada SSN dan Jabatan Perangkaan khususnya. Ia menuntut kepada pemerkasaan dan pembinaan kapasiti SSN, Jabatan Perangkaan dan warga kerja DOSM yang diterjemahkan kepada rangkaian dan rentetan modenisasi dan inovasi yang telah dilaksanakan kepada tadbir urus & pengurusan sumber data, proses pengeluaran statistik, pengurusan dan pelaksanaan banci/survei, analisis, penyebaran & komunikasi statistik telah dilaksanakan oleh DOSM sehingga ke usianya yang ke 75 tahun.

Kejayaan yang dikecapi oleh DOSM pada hari ini hanya dapat diraih dengan sokongan dan dorongan kepimpinan tertinggi negara, kerjasama Kementerian/Agensi/Jabatan di sektor awam, sinergi bersama sektor swasta khususnya persatuan perniagaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi pengajian tinggi, masyarakat, seluruh responden yang bekerjasama dalam memberikan maklumat yang diperlukan untuk penyusunan statistik dan seluruh warga kerja serta para pesara DOSM yang komited menjayakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada DOSM sejak tahun 1949. Tidak terkecuali ialah organisasi statistik antarabangsa yang telah mengiktiraf dan yakin kepada kemampuan DOSM untuk turut serta membangunkan Sistem Statistik Antarabangsa dengan menyumbang kepakaran dan penyertaan aktif dalam pelbagai aktiviti komuniti statistik antarabangsa.

Pasca 75 tahun DOSM, pastinya bidang perkhidmatan perangkaan lebih mencabar dan kompleks. Di peringkat antarabangsa, antara bidang baharu yang telah pun menjadi keutamaan statistik rasmi adalah Kepimpinan Data, Tadbir Urus dan Pengurusan Data, Statistik Bencana Alam & Perubahan Iklim, *System of National Accounts 2025*, *Balance of Payments Manual 2025*, Integrasi Statistik & maklumat Geospasial, Statistik berkaitan Penuaan dan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan 2030. Di peringkat nasional, lonjakan penjanaan data dan statistik yang lebih terperinci, terkini dan baharu oleh SSN diperlukan bagi menyokong kerangka dasar Malaysia, Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga dan lain-lain dasar yang sedang berkuatkuasa.

Justeru, bagi memacu perkhidmatan perangkaan pasca 75 tahun usia penubuhannya, DOSM komited untuk terus menerajui Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) bagi melaksanakan anjakan dalam meningkatkan keupayaan dalam membuat keputusan yang berkualiti dengan ketersediaan data yang berwibawa dan responsif.

Buku "75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan" ini bukan sahaja merakamkan imbasan kepada sejarah dan perkembangan Jabatan Perangkaan Malaysia sepanjang 75 tahun penubuhannya, malah akan menjadi rujukan kepada generasi akan datang. Naskhah ini juga merupakan manifestasi kepada iltizam seluruh warga DOSM sempena sambutan Jubli Intan 75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia untuk terus maju melakar kejayaan serta kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan perangkaan.





Perutusan

- Perdana Menteri
- Menteri Ekonomi
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Perangkawan Malaysia





Perutusan **PERDANA MENTERI**

Syukur Alhamdulillah, saya melafazkan setinggi-tinggi pujian dan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, buku khas Jabatan Perangkaan Malaysia “75 Tahun Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan” dapat diterbitkan bagi memaknai sambutan Jubli Intan 75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia.

Terbitan buku ini adalah suatu usaha penting untuk memahat peri pentingnya peranan dan sejarah Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tatapan rakyat dan generasi akan datang. Peranan Jabatan Perangkaan Malaysia yang pada sejarahnya adalah antara jabatan kerajaan terawal yang ditubuhkan untuk menyediakan data dan statistik rasmi negara telah memainkan peranan yang cukup besar kepada negara.

Selepas lebih tujuh dekad penubuhan, peranan Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini masih ditagih untuk menjadi antara komponen penting dalam segala usaha pembangunan dasar, memacu negara dan pada akhirnya untuk mengangkat kehidupan rakyat. Malah, mutakhir ini peranan Jabatan Perangkaan Malaysia telah diasak dan dicabar untuk bukan sahaja mengeluarkan data-data penting negara malah untuk mengeluarkan data dan statistik yang bukan sahaja lebih tepat tetapi lebih bermakna.

Atas usaha penting ini, kerajaan mengiktiraf dan menghargai peranan penting Jabatan Perangkaan Malaysia dalam memenuhi keperluan statistik negara. Jabatan ini bukan sahaja bertanggungjawab dalam pengumpulan data, tetapi juga berperanan sebagai peneraju dan penyelaras Sistem Statistik Negara.



Kerajaan pada hari ini teramatlah bergantung harap kepada usaha penting Jabatan Perangkaan Malaysia dalam menyediakan data sebenar agar dasar-dasar kerajaan itu bersifat cekap dan tepat untuk memastikan kerajaan pada hari ini berjaya membawa limpahan nikmat kekayaan negara kepada rakyat yang sebenar-benarnya layak.

Akhirulkalam, saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada warga Jabatan Perangkaan Malaysia atas sumbangan dan iltizam menjayakan aspirasi negara demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Semoga Jabatan Perangkaan Malaysia akan terus menjadi tunjang terpenting dalam usaha kita bersama membangun sebuah masyarakat Malaysia MADANI.

Anwar Ibrahim



Perutusan **MENTERI EKONOMI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Dengan penuh rasa syukur, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perangkaan Malaysia sempena Ulang Tahun Jubli Intan ke-75. Selama 75 tahun Jabatan ini telah mempamerkan komitmen dan iltizam yang tinggi sebagai peneraju Sistem Statistik Negara dengan menyediakan statistik yang diperlukan kerajaan untuk perancangan holistik pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1949, Jabatan Perangkaan Malaysia memainkan peranan penting dalam pembentukan dasar awam dengan menyediakan data dan statistik yang relevan dengan situasi semasa dan cabaran yang dihadapi negara. Data dan statistik yang dihasilkan telah digunakan bagi tujuan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pelbagai dasar pembangunan negara seperti Draf Pelan Pembangunan Malaya 1950, Pelan Malaya Pertama 1956, Rancangan Malaysia sejak tahun 1965, Rangka Rancangan Jangka Panjang, penyediaan belanjawan negara dan lain-lain dasar berkaitan ekonomi, sosial, alam sekitar dan pembangunan mampan.

Kini, Jabatan Perangkaan Malaysia sentiasa memberikan nafas baharu kepada perkhidmatan statistik negara dengan memanfaatkan inovasi dan kemajuan teknologi terkini bagi memodenkan proses pengeluaran statistik, penyebaran statistik yang lebih menyeluruh dan pantas, sekali gus memanfaatkan kemahiran sains data untuk melaksanakan pengintegrasian dan analisis data raya. Dengan kapasiti dan kepakaran yang dibina ini, Jabatan Perangkaan Malaysia akan mewujudkan *Central Repository of Statistics* bagi bidang statistik rasmi negara yang akan memberi manfaat dalam aspek tadbir urus, serta pengurusan data dan statistik negara yang sistematik.

Perkhidmatan statistik negara juga telah mencapai tahap lebih tinggi apabila Jabatan Perangkaan Malaysia diiktiraf kepakarannya di peringkat antarabangsa dengan memberikan perkhidmatan sebagai pakar rujuk dan perundingan teknikal kepada organisasi statistik antarabangsa seperti *System of National Accounts*, *Balance of Payments*, *International*

Merchandise Trade Statistics, *Population And Housing Census*, *Sustainable Development Goals (SDGs)*, *System of Environmental Economic Accounting (SEEA)*, Analitik Data Raya, Pasaran Buruh dan pelbagai bidang statistik lain.

Akhir sekali, saya merakamkan sekalung tahniah kepada Jabatan Perangkaan Malaysia atas usaha dan kejayaan menerbitkan buku khas Jabatan Perangkaan Malaysia dengan tema “75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan”. Semoga usaha, semangat dan iltizam yang telah ditunjukkan selama lebih tujuh dekad ini diteruskan supaya Jabatan Perangkaan Malaysia dapat memberikan perkhidmatan statistik negara yang unggul kepada negara demi kesejahteraan segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan sasar.

Rafizi Ramli

Perutusan **KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia sempena sambutan Jubli Intan, 75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia. Saya juga berbangga dengan penghasilan sebuah naskhah khas bertajuk **“75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan”** ini yang merakamkan imbasan sejarah dan perkembangan Jabatan Perangkaan Malaysia sepanjang 75 tahun penubuhannya. Dengan penerbitan buku ini, Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengorak langkah ke hadapan untuk meraikan ulang tahun ke-75 yang begitu besar ertinya kepada masyarakat dan negara.

Dalam menelusuri pelbagai cabaran dan persekitaran yang semakin kompleks dan pantas, penjana data dan statistik yang berakuntabiliti, analitik serta substantif pastinya memerlukan kerjasama strategik

dan sinergi dari pelbagai pihak sama ada di peringkat sektor awam, sektor swasta, komuniti perniagaan, Universiti dan termasuklah di peringkat Badan-badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Oleh kerana itu, sinergi ini juga sebahagian acuan penting dalam menyokong **agenda Reformasi Perkhidmatan Awam** dengan matlamat untuk mewujudkan Perkhidmatan Awam Malaysia yang Berprestasi Tinggi menjelang tahun 2030.

Malah, perkara penting yang perlu sentiasa diberi perhatian adalah kesahihan dan kredibiliti sumber data yang diperoleh serta penghasilan analisis statistik yang betul. Ini sekaligus dapat membantu pihak Kerajaan membuat keputusan yang cepat, jitu dan tepat. Kesemua elemen tersebut merupakan prakarsa penting yang diterjemahkan melalui **penerapan prinsip kemampuan, kesejahteraan dan elemen daya cipta yang terkandung dalam nilai Malaysia MADANI.**

Justeru, saya berkeyakinan Jabatan Perangkaan Malaysia akan menjadi peneraju yang memimpin pemerkasaan Sistem Statistik Negara dan dapat meneruskan legasi penyampaian perkhidmatan perangkaan yang mementingkan budaya kualiti dan integriti yang tinggi selaras dengan standard pengeluaran statistik yang diamalkan oleh komuniti statistik antarabangsa.

Saya percaya, pencapaian cemerlang Jabatan Perangkaan Malaysia adalah hasil daripada dedikasi seluruh warga kerja yang telah membina kapasiti organisasi yang kompeten dan responsif bagi memenuhi keperluan data, statistik dan maklumat yang diperlukan bagi menyokong pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia sempena sambutan 75 tahun ini. Semoga Jabatan Perangkaan Malaysia terus berkembang dan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar



Perutusan
**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN EKONOMI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya saya diberi peluang untuk merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah di dalam naskhah buku khas “75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan” yang diterbitkan khas sempena sambutan Jubli Intan, 75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia. Kejayaan menerbitkan buku khas ini merupakan rangkuman mercu tanda pencapaian cemerlang yang telah diraih oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sepanjang 75 tahun penubuhannya serta menjadi rujukan yang bermakna kepada semua yang terlibat dalam penyediaan statistik rasmi negara.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia atas kejayaan meletakkan Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai agensi utama dan terulung bagi perkhidmatan statistik di negara ini sejak penubuhannya pada tahun 1949. Data dan statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah digunakan secara meluas dalam proses membuat keputusan penting berhubung perancangan, pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar pembangunan negara bukan sahaja oleh pihak kerajaan, malahan oleh pelbagai pihak yang memerlukan fakta data untuk membuat keputusan yang tepat.



Menelusuri jejak pencapaian dan melangkah ke hadapan, perkhidmatan perangkaan yang kukuh, kompeten dan berdaya maju merupakan tunjang kepada penghasilan statistik rasmi berwibawa yang diperlukan oleh negara, merentasi pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, alam sekitar malahan mencakupi aspek kemampanan dan kesejahteraan negara, masyarakat dan komuniti sejagat. Era globalisasi, digitalisasi, kepesatan teknologi maklumat, kecerdasan buatan dan keperluan membuat keputusan berasaskan bukti menjadikan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia semakin penting dan kompleks untuk menghasilkan statistik yang relevan dengan keperluan semasa.

Dato' Nor Azmie bin Diron

Saya percaya dan yakin, Jabatan Perangkaan Malaysia akan terus menerajui tadbir urus Sistem Statistik Negara dengan memberikan perkhidmatan cemerlang menerusi pembinaan kapasiti organisasi, komitmen dan tahap profesionalisme yang tinggi oleh barisan kepimpinan dan seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia sempena sambutan Jubli Intan, 75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia. Semoga Jabatan Perangkaan Malaysia terus maju dalam memberikan perkhidmatan cemerlang yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Perutusan KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan inayat dan riayahnya, maka buku “75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan” dapat diterbitkan, bersempena sambutan Jubli Intan dan ulang tahun penubuhannya yang ke-75. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atas kejayaan dan usaha menerbitkan buku khas ini yang menghimpunkan rangkaian sejarah, perkembangan perkhidmatan perangkaan, aktiviti dan penglibatan organisasi ini di peringkat domestik dan global. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga DOSM yang sedang berkhidmat, para pesara dan semua pihak yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menakhodai transformasi dan kegemilangan perkhidmatan statistik sepanjang 75 tahun jabatan ini ditubuhkan.

Sepanjang tiga suku abad ini, DOSM telah membuktikan peranannya sebagai peneraju utama dalam memacu transformasi perkhidmatan statistik serta menyokong agenda pembangunan negara. Rentetan sejarah yang panjang dan gemilang ini terhasil daripada kualiti, dedikasi, dan semangat iltizam yang ditunjukkan bukan hanya oleh tokoh-tokoh DOSM terdahulu, tetapi juga seluruh warga DOSM yang ada sekarang dalam memainkan peranan yang besar untuk

menyediakan data dan statistik rasmi berwibawa serta mudah dicapai selaras dengan piawaian dan garis panduan penyediaan statistik rasmi antarabangsa.

Sesuai dengan usia emasnya, DOSM telah menunjukkan kematangannya dengan mencetuskan perubahan-perubahan positif dan drastik bagi mengukuhkan penyampaian sistem perkhidmatan statistik negara. Sepanjang tempoh 75 tahun ini, Jabatan telah menyaksikan evolusi perkhidmatan statistik negara, yang dinamik sesuai dengan peredaran zaman. Pencapaian ini termasuk mengukuhkan tadbir urus Sistem Statistik Negara menerusi penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara, Jawatankuasa Eksekutif Majlis Statistik dan Data Negara, Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah, Majlis Statistik dan Data Daerah; merintis pembangunan dan penyusunan indikator Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs 2030) negara; menyusun dan menerbitkan statistik terperinci di peringkat Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN) & Daerah Pentadbiran; membangun dan menyediakan Repositori Statistik Rasmi Negara; memodenkan proses pengeluaran statistik menggunakan pendekatan sains data dan data analitik; memperkasa modal insan dengan kepakaran sains data; meningkatkan penggunaan data pentadbiran daripada agensi; kajian dan analisis khas seperti statistik berkaitan kesan wabak COVID-19 kepada ekonomi, pasaran buruh & pendapatan isi rumah, statistik bencana alam; memperkasa Banci Penduduk dan Perumahan, Banci Ekonomi dan Banci Pertanian; meningkatkan

penyebaran dan capaian saluran penyebaran statistik menerusi platform data terbuka *OpenDOSM*, *Kawasanku*, dan banyak lagi aplikasi peranti Mudah Alih DOSM; penganjuran aktiviti statistik bertaraf dunia seperti *World Statistics Congress* ke-62 pada 2019, penglibatan aktif di *United Nations Statistical Commission* (UNSC), *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries* (SESRIC), *ASEANstats*, *World Data Forum* dan memperkukuhkan jalinan kerjasama pintar dan strategik dengan pelbagai organisasi dan komuniti statistik antarabangsa, agensi-agensi kerajaan dan swasta, institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan, pengamal media serta pelbagai lapisan masyarakat.

Mendepani ledakan teknologi dalam era digitalisasi yang turut meyakinkan peralihan terhadap penggunaan kecerdasan buatan (AI), sudah pastinya menuntut tahap kesediaan dan ketahanan yang tinggi pada setiap anggota DOSM. Justeru itu, mantra **“Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat”**, perlu sentiasa tersemat dan menjadi pegangan buat semua anggota DOSM supaya pembudayaan keputusan berasaskan bukti pada dasar-dasar Kerajaan dapat diterjemahkan dengan tindakan cekap dan pantas menerusi statistik yang berwibawa dan berintegriti. Sejajar dengan peningkatan ekspektasi dan harapan kepada data dan statistik yang lebih kompleks, DOSM komited membudayakan kemahiran, kecekapan dan nilai profesionalisme bagi mengoptimumkan bakat dan melahirkan modal insan yang berdaya saing bagi menghadapi cabaran mendatang.

Sekali lagi, jutaan terima kasih dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga DOSM atas jalinan kerjasama menghasilkan buku khas “75 Tahun Jabatan Perangkaan Malaysia Merentasi Zaman, Mengukir Kehidupan”. Saya berdoa agar tempoh 75 tahun akan datang dapat menyaksikan kejayaan demi kejayaan lagi buat Jabatan Perangkaan Malaysia. Statistik Segalanya Pasti.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin



PENERAJU

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



D. Sturrock, DY.



H.L. Barnett



C.H. Harvie



H. Fell

1966 -1977



**YBHG. DATUK
RAMESH CHANDER**

1992 -1995



**YBRS. ENCIK
KHOO SOO GIM**

**YBHG. DATO'
KHOO TEIK HUAT**



1978 -1992

**YBHG. DATO' SHAARI
ABDUL RAHMAN**



1995 -2004

2004 -2005



**YBRS. TUAN HAJI
AZIZ OTHMAN**

2007 -2011



**YBHG. DATO' HAJAH
WAN RAMLAH
WAN ABD. RAOF**

2017 - Kini



**YBHG. DATO' SRI
DR. MOHD UZIR
MAHIDIN**

**YBHG. DATO'
HAJAH NORMAH
MOHD ARIS**



2005 -2007

**YBHG. DATUK DR.
HAJI ABDUL
RAHMAN HASAN**



2011 -2017

PENGURUSAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
BERSAMA PENGARAH BAHAGIAN DAN PENGARAH NEGERI







BAHAGIAN

1

Evolusi Jabatan Perangkaan Malaysia dan Sistem Statistik Negara

“

“Improved and expanded statistical data are also required to allow the tracking of Malaysia’s progress on other critical development outcomes. Measuring progress on inclusivity requires high-quality data on the dynamics of poverty and on the distribution of income and wealth, as well as on the changing conditions that influence citizens’ quality of life. Longitudinal data that chart the circumstances of different cohorts of Malaysians as they move through life would allow policymakers to gain improved insights into the impact of their policies at grass-roots level. A well-functioning labour market information system that tracks sectoral and firm-level information on labour needs, supply, and mobility would lead to improved labour market monitoring and decision-making. The collection of such information requires long-term human and financial investments.”

”


Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah
Petikan daripada Buku Striving for Inclusive Development,
from Pangkor to A Modern Malaysian State (2019)

Pembentukan Jabatan Perangkaan Malaysia

Tahun 2024 menandakan 75 tahun perjalanan Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai entiti penjana statistik negara. Lembaran sejarahnya bermula dengan penubuhan Biro Statistik di bawah Ordinan Statistik 1949. Biro ini terhasil daripada penggabungan Seksyen Perangkaan Pusat Pendaftar Perdagangan, Jabatan Kastam dan Seksyen Perangkaan, Jabatan Pertanian.

Diketuai oleh Pendaftar Statistik, Biro Statistik bertanggungjawab untuk menjalankan pungutan, pemprosesan dan penerbitan perangkaan berkaitan data perdagangan luar negeri serta pengeluaran tanaman di estet. Dengan fungsi ini, fasa pengurusan pengumpulan data secara berpusat bermula, menandakan langkah penting dalam penyampaian statistik yang komprehensif bagi negara.

Walau bagaimanapun, pendokumentasian pengumpulan data yang tersusun di negara ini telah bermula lebih awal daripada penubuhan Biro Statistik. Antara dokumen penting adalah Laporan Banci Penduduk bagi Negeri-Negeri Selat, termasuk Pulau Cocos dan Pulau Christmas pada tahun 1891, yang dilaksanakan oleh pemerintahan British. Setiap siri laporan Banci Penduduk berikutnya iaitu pada tahun 1901, 1911, 1921, 1931 dan 1947 mencatatkan maklumat dengan liputan yang berbeza-beza.





Di sektor ekonomi, sejak tahun 1930-an, Jabatan Kastam, Singapura telah merekodkan transaksi perdagangan luar negara secara komprehensif. Transaksi ini termasuk hasil komoditi seperti getah, rempah ratus, bijih timah dan arang batu, yang seiring dengan keperluan pemerintah British pada ketika itu. Setelah Perang Dunia Kedua, pengumpulan perangkaan perdagangan luar negeri diperluaskan ke Semenanjung Tanah Melayu melalui Pusat Pendaftar Perdagangan, Jabatan Kastam di Brickfields, Kuala Lumpur. Di bawah Ordinan Kastam, pengumpulan data disediakan berdasarkan salinan borang pengakuan Kastam yang diisytiharkan oleh pengeksport dan pengimport untuk memenuhi keperluan pemerintah British.

Dalam sektor pertanian, pengumpulan data dijalankan oleh Jabatan Pertanian. Antara data awal yang direkodkan secara komprehensif adalah mengenai estet getah, yang mula dikumpul untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1931. Namun, pengumpulan ini terhenti semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945) dan hanya disambung semula pada tahun 1946.

Di Negeri Sabah dan Sarawak, pengumpulan data perdagangan luar negeri telah bermula seawal tahun 1930-an di bawah kuasa *Colony of North Borneo*. Fungsi ini kemudiannya berpindah ke Jabatan Kastam, Negeri Sarawak dan Sabah pada tahun 1945 dan 1953, masing-masing.



Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maklumat perangkaan negara menjadi kritikal bagi pembentukan dan penggubalan dasar pembangunan. Untuk tujuan ini, satu jawatankuasa telah dibentuk pada 5 Mac 1960 oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengkaji dan mengemukakan syor berkaitan keperluan statistik dan perkembangan organisasi statistik kepada kerajaan. Ini merupakan kajian pertama seumpamanya, dan syor-syor jawatankuasa tersebut dijadikan asas bagi perkembangan perkhidmatan perangkaan di Persekutuan Tanah Melayu pada waktu itu.

Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 membawa kepada penyatuan perkhidmatan perangkaan di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Hasrat ini dicapai melalui peranan Jabatan Perangkaan Cawangan Sabah di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan Biro Statistik di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak sebagai cawangan kepada Biro Statistik.

Pada tahun 1965, Akta Perangkaan 1965 diluluskan oleh Parlimen untuk menggantikan Ordinan Statistik yang telah dimansuhkan. Di bawah akta baru ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan dan dipimpin oleh Ketua Perangkawan. Akta ini lebih komprehensif dan memperkukuhkan kuasa Jabatan dalam penyusunan perangkaan. Jabatan Perangkaan mempunyai 12 bahagian di Ibu Pejabat Kuala Lumpur serta cawangan di Sabah dan Sarawak, dengan jumlah anggota seramai 366 orang. Sepanjang penubuhan, Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaksanakan tiga (3) siri penstrukturan organisasi dengan yang terakhir dilaksanakan pada

tahun 2017. Sehingga tahun 2024, struktur organisasi DOSM telah berkembang kepada tiga (3) program yang terdiri daripada Program Pengurusan Korporat, Program Sosial dan Pembangunan Teknikal dan Program Ekonomi; 19 Bahagian (termasuk Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh, *Malaysian Bureau Labour of Statistics* dan *Change Management Office*), 14 Pejabat DOSM Negeri dan diikuti oleh 30 Pejabat Operasi.

Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) yang ditubuhkan pada tahun 2012 berperanan untuk membangunkan modal insan warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta meningkatkan kesedaran dan kefahaman pentingnya statistik kepada masyarakat. Pada tahun 2020, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) telah dipindahkan ke Jabatan Perangkaan Malaysia daripada Kementerian Sumber Manusia. ILMIA berperanan untuk melaksanakan analisis trend pasaran buruh dan isu modal insan terbaharu yang akan membolehkan perancangan sumber manusia yang lebih mantap dan perumusan dasar buruh yang lebih berkesan. Pada tahun yang sama, *Malaysian Bureau of Labour Statistics* (MBLS), DOSM secara rasmi ditubuhkan dengan tujuan utama adalah untuk menyusun, menganggar, menganalisis dan menyebarkan statistik rasmi pasaran buruh; menambahbaik dan mengukuhkan metodologi serta pengeluaran indikator pasaran buruh yang lebih holistik dan terperinci; dan melaksanakan inovasi analisis data dengan meningkatkan penggunaan sumber data pentadbiran dan data baharu melalui pembangunan platform berintegrasi. Seterusnya pada tahun 2021, *Change Management Office* (CMO) ditubuhkan dengan peranan dan tanggungjawab untuk merangka strategi, menilai pencapaian dan pelaksanaan terhadap pelan Pengukuhan Sistem Statistik Negara.

Evolusi Logo Jabatan Perangkaan Malaysia



Perluasan Pejabat Operasi DOSM

Antara tahun 1971 hingga 1972, enam (6) Pusat Gerakan Luar (PGL) ditubuhkan di Georgetown, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuantan dan Kota Bharu untuk memudahkan urusan pengumpulan data di lapangan. Tiga (3) lagi PGL ditambah pada tahun 1974-1975 di Melaka, Alor Setar dan Kuala Terengganu, manakala PGL Seremban ditubuhkan pada tahun 1982.

Seiring dengan perkembangan ekonomi negara dan keperluan untuk maklumat perangkaan yang lebih tepat, PGL diperluaskan di setiap ibu negeri. Pusat Operasi (PO) diwujudkan di daerah-daerah yang pesat membangun untuk membantu PGL dalam memperkemaskan sistem pengumpulan data. Sehingga tahun 1978, terdapat 10 PGL dan lapan (8) PO. Pada tahun 1983, PGL dinaik taraf sebagai Pejabat Perangkaan Cawangan di setiap negeri bagi memenuhi tuntutan perangkaan semasa. Pengukuhan organisasi DOSM Negeri telah diteruskan dengan penubuhan PO Sungkai dan PO Batu Pahat pada tahun 2023 dan menjadikan jumlah keseluruhan 30 PO di seluruh negara.

Pemeriksaan Perkhidmatan Kader

Untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan perangkaan, jawatan kader pertama diwujudkan di Jabatan Pertanian pada awal tahun 1975. Peranan kader ini adalah untuk memenuhi keperluan pengumpulan maklumat dan pentafsiran statistik di agensi berkaitan. Mulai tahun 2023, Perangkawan dalam perkhidmatan kader telah diperkasakan dengan berperanan sebagai *Chief Data Officer* (CDO). Sehingga tahun 2024, terdapat sebanyak 259 perjawatan kader perkhidmatan perangkaan daripada pelbagai gred yang telah diwartakan oleh kerajaan.



Sejarah Awal Pengumpulan Data dan Statistik



Di awal penubuhannya, Jabatan Perangkaan memainkan peranan penting dalam mengumpul, memproses dan menyusun statistik yang relevan kepada kerajaan British pada ketika itu. Data pertanian yang mula dikumpulkan sejak tahun 1930-an tertumpu kepada sektor estet, yang kebanyakannya dimiliki oleh pihak Inggeris. Selain itu, fokus sektor ekonomi juga terarah kepada data perdagangan yang berkaitan dengan import dan eksport, yang turut dimonopoli oleh pihak Inggeris.


Pihak British mengakui kepentingan statistik sebagai elemen penting dalam perancangan dan pentadbiran empayarnya, terutama dalam pembentukan polisi dan perancangan ekonomi. Ini selaras dengan perkembangan institusi statistik di *United Kingdom*, yang membuka ruang bagi perluasan skop pengumpulan data di negara ini. Pada tahun 1955, penyusunan statistik akaun negara telah dimulakan dan menjadi asas bagi mengembangkan skop pengumpulan data yang lebih meluas.

Pada tahun 1957, keperluan statistik berkembang ke bidang sosioekonomi dengan terlaksananya Kajian Belanjawan Isi Rumah (*Household Budget Survey*). Pada tahun yang sama juga, Banci Penduduk Malaya dijalankan oleh Kerajaan British untuk kali terakhir. Kemudian, pada tahun 1959, skop statistik diperluaskan lagi dengan penghasilan Indeks Harga Runcit (*Retail Price Index*) buat julung kalinya berdasarkan statistik terbitan.

Rancangan Lima Tahun Malaya Pertama yang bermula pada tahun 1956 telah berperanan sebagai pemangkin untuk memperluaskan skop pengumpulan data dan penyusunan statistik negara pada waktu itu. Rancangan Lima Tahun Kedua memberi tumpuan kepada peningkatan taraf hidup rakyat luar bandar dengan membuka lebih banyak peluang pekerjaan, pendidikan, kesihatan dan perumahan yang lebih baik. Untuk merealisasikan perancangan negara ini, maklumat yang tepat dan terperinci

sangat diperlukan, sehingga mendorong kepada pengumpulan perangkaan mengenai tenaga buruh, perlombongan, pembinaan dan perkhidmatan.

Perluasan bidang pengumpulan data terus berkembang selaras dengan polisi dan perancangan pembangunan kerajaan. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang diterjemahkan dalam Rancangan Malaysia Kedua memberi fokus kepada usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pada ketika inilah Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah yang mengeluarkan statistik pendapatan isi rumah dan kadar kemiskinan dilaksanakan. Sehingga kini, Jabatan Perangkaan Malaysia telah meliputi pengumpulan dan penyusunan statistik yang mencakupi hampir ke semua bidang ekonomi dan sosial.



Ref. No. (1) in BSMU.3/48.
HLS/LSC.
Department of Statistics,
Malayan Union,
C. P. O. Box No. 1004,
Kuala Lumpur.
6th January, 1948.

Sir,

CENTRAL BUREAU OF STATISTICS.

It is desired to form in this office a Central Bureau of Statistics in which will be available all statistics published relating to the Malayan Union. The central collection of such statistics is proving particularly necessary in view of the numerous requests from international organizations for statistical information and for the regular supply of published statistics.

2. I would ask, therefore, if arrangements could be made to supply this office regularly as from 1st January, 1948, with copies of all statistics compiled and published by your Department, and also to forward a list of such statistics to enable me to know what information will later become available.

3. Will you also please inform me if any of your Department's statistics are published regularly in the Government Gazette, and of any which appear only in your Annual Report.

I am, Sir,
Your obedient servant,
[Signature]
Ag. Registrar of Statistics,
Malayan Union,
(H. L. BARNETT).

Copy to:
Dy. Chief Secretary, Malayan Union, Kuala Lumpur.
Economic Adviser, S. S. Government, Kuala Lumpur.
Registrar of Malayan Statistics, Singapore.

Sumber: Arkib Negara Malaysia No. Penerimaan 1957/0649746

Ref. No. (1) in BSMU.3/48.
HLS/LSC.
Department of Statistics,
Malayan Union,
C. P. O. Box No. 1004,
Kuala Lumpur.
6th January, 1948.

Sir,

CENTRAL BUREAU OF STATISTICS.

It is desired to form in this office a Central Bureau of Statistics in which will be available all statistics published relating to the Malayan Union. The central collection of such statistics is proving particularly necessary in view of the numerous requests from international organizations for statistical information and for the regular supply of published statistics.

2. I would ask, therefore, if arrangements could be made to supply this office regularly as from 1st January, 1948, with copies of all statistics compiled and published by your Department, and also to forward a list of such statistics to enable me to know what information will later become available.

3. Will you also please inform me if any of your Department's statistics are published regularly in the Government Gazette, and of any which appear only in your Annual Report.

I am, Sir,
Your obedient servant,
[Signature]
Ag. Registrar of Statistics,
Malayan Union,
(H. L. BARNETT).

Copy to:
Dy. Chief Secretary, Malayan Union, Kuala Lumpur.
Economic Adviser, S. S. Government, Kuala Lumpur.
Registrar of Malayan Statistics, Singapore.

Sumber: Arkib Negara Malaysia No. Penerimaan 1957/0657847



No. Siri	ST/79/052	No. Siri	ST/79/052
1. Sah hingga	31 DEC 1978	6. Sah hingga	
2. Sah hingga	31 DEC 1989	7. Sah hingga	
3. Sah hingga		8. Sah hingga	
4. Sah hingga		9. Sah hingga	
5. Sah hingga		10. Sah hingga	





Takrifan Sistem Statistik Negara

Berdasarkan takrifan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Sistem Statistik Negara (SSN) adalah gabungan organisasi pengeluar statistik rasmi dan sebahagian pentadbiran awam di sesebuah negara yang terdiri daripada *National Statistical Office* (NSO) iaitu DOSM dan Agensi pengeluar statistik rasmi lain. Dalam konteks Malaysia, ia terdiri daripada pengeluar statistik di peringkat Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Malaysia aktif dalam kolaborasi dengan PBB, termasuk penglibatan dalam inisiatif dan program statistik global yang bertujuan memperkukuhkan metodologi pengumpulan data. Melalui usaha ini, Malaysia dapat menyokong pembangunan ekonomi dan sosial yang berpacuan data yang sah dan boleh dipercayai, seterusnya memperkukuhkan proses penggubalan dasar di negara ini.

1919

Cadangan Biro Statistik

Cadangan penubuhan Biro Statistik di Malaysia pada tahun 1919 adalah satu langkah penting dalam sejarah pengumpulan data dan statistik negara. Pada masa itu, pihak British yang mentadbir Tanah Melayu menyedari kepentingan statistik yang tepat untuk tujuan pentadbiran dan pembangunan ekonomi. Oleh itu, penubuhan sebuah biro yang khusus dicadangkan untuk mengumpul, menganalisis dan menyebarkan data statistik.

1945

Pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ditubuhkan secara rasmi pada 24 Oktober 1945, selepas Perang Dunia Kedua dengan tujuan utama untuk menjamin keamanan dan keselamatan dunia, menggalakkan hubungan baik antara negara anggota serta menjalinkan kerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa dan melindungi hak asasi manusia.

1946

Suruhanjaya Perangkaan PBB

Suruhanjaya Perangkaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) telah ditubuhkan pada tahun 1946 untuk membangunkan dan meningkatkan amalan serta metodologi statistik antarabangsa. Badan ini bertujuan untuk menyelaraskan kerja statistik PBB dan agensi khususnya, seterusnya mempersiapkan kerjasama statistik global yang lebih baik.

1965

Akta Perangkaan 1965

Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen, sekaligus memansuhkan *Statistics Ordinance* 1949. Di bawah akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan. Akta baru ini lebih komprehensif dan memperkukuhkan kuasa Jabatan dalam memungut dan mengendalikan data statistik. Selain itu, Biro Statistik Sarawak dan Jabatan Perangkaan Sabah kini beroperasi sebagai cawangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

1963

Pembentukan Malaysia

Pada Julai 1963, satu (1) perjanjian penting telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia ini telah ditandatangani oleh wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Pembentukan Malaysia akhirnya diisytiharkan pada 16 September 1963.

Sumber: Portal Rasmi Arkib Negara.

1957

Persekutuan Tanah Melayu Menyertai PBB

Penyertaan Malaysia dalam Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah penting untuk aspirasi politik, sosial dan ekonomi negara. Ia termasuk menjamin kedaulatan dan pengiktirafan Malaysia sebagai negara berdaulat di peringkat antarabangsa, memperkukuh kerjasama dengan negara-negara lain dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, keselamatan, dan pembangunan sosial, serta membendung pengaruh komunisme yang semakin meningkat di Asia Tenggara. Selain itu, Malaysia juga berusaha untuk membantu wilayah-wilayah lain seperti Brunei dan Borneo Utara dalam proses mencapai kemerdekaan. Malaysia menggunakan platform PBB untuk mendapatkan sokongan bagi isu-isu tempatan seperti hak-hak bumiputera dan perlindungan terhadap kepentingan kaum minoriti.

1949

Statistics Ordinance

Statistics Ordinance 1949 ialah undang-undang yang mengawal aktiviti pengumpulan, penyusunan dan penyebaran data statistik. Ia menubuhkan pihak berkuasa pusat untuk aktiviti statistik, menyediakan garis panduan untuk pengumpulan data, melindungi kerahsiaan data, menggariskan pelaporan dan penyebaran, serta memudahkan penyelarasan antara jabatan kerajaan untuk meningkatkan operasi statistik.





97 *Perlembagaan Persekutuan* [PERKARA 92]

kecuali bahawa jika, menurut Fasal (1), suatu kadar dikenakan ke atas apa-apa harta oleh undang-undang persekutuan yang, jika tidak kerana Perkara ini, mungkin dikenakan oleh undang-undang Negeri, maka kadar yang sama jenisnya tidak boleh dikenakan oleh undang-undang Negeri selama apa-apa tempoh kadar yang dikenakan oleh undang-undang persekutuan kena dibayar.

Bab 6—Tinjauan Persekutuan, nasihat Persekutuan kepada Negeri dan pemeriksaan Persekutuan mengenai kegiatan Negeri.

Siasatan, tinjauan dan perangkaan

93. (1) Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan apa-apa siasatan (sama ada oleh Suruhanjaya atau selainnya), membenarkan apa-apa tinjauan dan mengumpulkan dan menyiarkan apa-apa perangkaan yang difikirkannya patut, walaupun siasatan, tinjauan dan pengumpulan dan penyiaran perangkaan sedemikian adalah berhubungan dengan sesuatu perkara yang berkenaan dengannya Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang.

(2) Menjadi kewajipan Kerajaan sesuatu Negeri, dan kewajipan semua pegawai dan pihak berkuasa Negeri itu, untuk membantu Kerajaan Persekutuan pada melaksanakan kuasanya di bawah Perkara ini; dan bagi maksud ini Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya perlu.

Kuasa Persekutuan berkenaan dengan rakyat Negeri

94. (1) Kuasa eksekutif Persekutuan meliputi kuasa menjalankan penyelidikan, mengadakan dan menyelenggarakan stesen percubaan dan stesen tunjuk cara, memberikan nasihat dan bantuan teknikal kepada Kerajaan mana-mana Negeri, dan mengadakan pendidikan, publisiti dan tunjuk cara bagi penduduk mana-mana Negeri, berkenaan dengan mana-mana perkara yang mengenainya Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang; dan pegawai-pegawai pertanian dan pegawai-pegawai perhutanan mana-mana Negeri hendaklah menerima apa-apa nasihat profesional yang diberikan kepada Kerajaan Negeri itu di bawah Fasal ini.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Jabatan Pertanian, Jabatan Pesuruhjaya Tanah, Jabatan Hutan dan Jabatan

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan Perkara 93. Siasatan tinjauan dan Perangkaan

93.(1) Kerajaan Persekutuan boleh menjalankan apa-apa siasatan (sama ada oleh Suruhanjaya atau selainnya), membenarkan apa-apa tinjauan dan mengumpulkan dan menyiarkan apa-apa perangkaan yang difikirkannya patut, walaupun siasatan, tinjauan dan pengumpulan dan penyiaran perangkaan sedemikian adalah berhubungan dengan sesuatu perkara yang berkenaan dengannya Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang.

93.(2) Menjadi kewajipan Kerajaan sesuatu Negeri, dan kewajipan semua pegawai dan pihak berkuasa Negeri itu, untuk membantu Kerajaan Persekutuan pada melaksanakan kuasanya di bawah Perkara ini; dan bagi maksud ini Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya perlu.

Tadbir urus Biro Statistik 1949

Biro Statistik di bawah *Statistics Ordinance* 1949 mengambil tanggungjawab penting dalam pengumpulan, penyediaan dan penerbitan Perangkaan. Pada waktu itu, kepimpinan Biro Statistik disandang oleh D. Sturrock dan seterusnya H.L. Barnett, H. Fell dan C. H. Harvie sebagai *Registrar of Statistics, Federation of Malaya* menandakan langkah awal dalam sistem statistik di Tanah Melayu. H.L. Barnett bertugas sebagai *Registrar of Statistics, Federation of Malaya* bermula pada 25 Julai 1946 sehingga Oktober 1954.

Seterusnya, H. Fell dilantik sebagai *Registrar of Statistics, Federation of Malaya* pada November 1954 sebelum dilantik sebagai *Chief Statistician, Federation of Malaya* sehingga tahun 1958 manakala C.H. Harvie dilantik sebagai *Chief Statistician, Federation of Malaya* pada tahun 1959 sehingga tahun 1960. Pengumpulan, penyediaan dan penerbitan perangkaan pada ketika itu bertumpu kepada sektor pertanian terutama bagi tanaman getah, padi dan teh.





Tadbir urus Akta Statistik 1965

Parlimen telah meluluskan Akta Perangkaan 1965, yang menghapuskan *Statistics Ordinance* 1949. Di bawah akta ini, Biro Statistik kini dikenali sebagai Jabatan Perangkaan. Akta baru ini lebih komprehensif dan memperkukuhkan kuasa Jabatan dalam pengumpulan dan pengendalian data statistik. Biro Statistik Sarawak dan Jabatan Perangkaan Sabah juga telah diintegrasikan sebagai cawangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jabatan Perangkaan berada di bawah kawalan dan pengurusan Ketua Perangkawan, dibantu oleh pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain yang difikirkan perlu oleh Yang di-Pertuan Agong.

PEMERKASAAN SISTEM STATISTIK NEGARA



Pada tahun 1949, di bawah peruntukan *Statistics Ordinance* 1949, Biro Statistik ditubuhkan dan diketuai oleh *Registrar of Statistics*. Pada 5 Mac 1960, Kerajaan Persekutuan menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman untuk mengkaji dan mengesyorkan perkembangan perkhidmatan perangkaan. Penubuhan Malaysia pada tahun 1963 menyaksikan penyatuan perkhidmatan perangkaan di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 1988, Jawatankuasa Pemandu Statistik dan Jawatankuasa Pengguna Utama ditubuhkan untuk menetapkan garis panduan, dasar dan keutamaan bagi aktiviti perangkaan. Penubuhan jawatankuasa ini merupakan langkah strategik yang penting dalam usaha memperkukuhkan sistem statistik negara. Kedua-dua jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi.


Sejajar dengan keperluan negara terhadap data dan statistik yang lebih menyeluruh untuk merancang dan melaksanakan dasar pembangunan berpacuan data, Kerajaan pada tahun 2020 telah bersetuju dengan Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Penubuhan MSDN merupakan peristiwa bersejarah yang meletakkan Malaysia sebaris dengan negara maju yang mempunyai majlis statistik negara masing-masing. MSDN bertindak sebagai badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus Sistem Statistik Negara. Struktur Tadbir Urus MSDN juga disokong dengan Jawatankuasa Eksekutif MSDN, Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah dan Majlis Statistik dan Data Daerah.



PEMERKASAAN FUNGSI DAN PERANAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Menyingkap kepada peranan Jabatan Perangkaan Malaysia, ia mula diperkenalkan secara rasmi melalui *Statistics Ordinance* 1949 yang meliputi pengumpulan, penyusunan dan penyebaran statistik bagi bidang yang telah dikenalpasti penting pada ketika itu.

Berdasarkan Laporan *Department of Statistics Development Plan* 1961–1965 yang disediakan oleh Jawatankuasa yang diketuai Y.M. Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman, lima (5) fungsi awal Jabatan Perangkaan merangkumi *statistics for policy formation, statistics for administrative purposes, statistics for research purposes, statistics for economic purposes, statistics for information purposes* dan *fields survey*.



Di bawah “Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)”, fungsi utama Jabatan Perangkaan Malaysia ialah:

i

Mengumpul dan mentafsirkan perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian atau lain-lain.

ii

Menyebarkan perangkaan yang telah dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpul itu, bukan sahaja kepada agensi-agensi kerajaan, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka.

Peranan DOSM telah berkembang untuk memainkan peranan dengan lebih berkesan bagi pembentukan dasar perancangan pembangunan dan pentadbiran negara menerusi tiga (3) teras iaitu:

1

Peneraju Kepimpinan Bagi Sistem Statistik Negara

DOSM berperanan sebagai peneraju utama dalam memimpin Sistem Statistik Negara dengan profesionalisme yang tinggi. Statistik rasmi yang dihasilkan oleh DOSM menjadi asas penting dalam pembuatan keputusan berasaskan bukti, membolehkan kerajaan dan pihak berkepentingan membuat keputusan yang lebih berinformasi dan tepat.

Selain peranannya di peringkat nasional, DOSM juga mewakili Malaysia dalam pelbagai kerjasama statistik antarabangsa, dengan komitmen untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian global yang ditetapkan dalam penyusunan dan pengurusan statistik rasmi negara. Ini membantu mengekalkan kredibiliti dan integriti statistik Malaysia di mata dunia.

2

Penyedia Produk dan Perkhidmatan Statistik

Sebagai pembekal statistik rasmi negara, DOSM memainkan peranan penting dalam perkara berikut:

- Memperkuhkan penyusunan statistik sedia ada mengikut keperluan pihak berkepentingan dan pengguna
- Mengeluarkan statistik baharu mengikut bidang yang diperlukan
- Memperluaskan liputan pengeluaran statistik di peringkat kawasan kecil melalui kaedah yang bersesuaian
- Mengadaptasi metodologi mengikut piawaian antarabangsa terkini yang bersesuaian
- Melaksanakan modenisasi dalam proses kerja statistik
- Mengoptimumkan revolusi data melalui data raya
- Meningkatkan keupayaan dalam inovasi dan analitik
- Meningkatkan kesedaran literasi statistik ke arah pembuatan keputusan berasaskan bukti
- Menyediakan perkhidmatan rundingan statistik

3

Koordinator Aktiviti Statistik

Peranan DOSM sebagai koordinator aktiviti statistik berpandukan *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* (UNFPOS) adalah untuk menghasilkan statistik yang tepat, relevan dan terkini bagi memenuhi keperluan pengguna. Antara usaha yang diambil oleh DOSM termasuk:

- Penggunaan metodologi, kod dan klasifikasi yang sesuai
- Perluasan penggunaan data pentadbiran
- Pengintegrasian data daripada pelbagai sumber dan platform
- Penguhan peranan DOSM Negeri sebagai koordinator di peringkat negeri
- Penguhan peranan perkhidmatan data di agensi kerajaan melalui pelantikan *Chief Data Officer* (CDO)
- Peningkatan jalinan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan, media dan komuniti statistik di peringkat nasional dan antarabangsa

Dengan mandat yang diberikan oleh peruntukan perundangan daripada *Statistics Ordinance* 1949 dan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) serta Akta Banci 1960, DOSM terus mengorak langkah dan terus berperanan sebagai agensi utama perkhidmatan perangkaan yang menjana statistik rasmi yang relevan dengan keperluan kerajaan dan organisasi statistik antarabangsa seperti *United Nations Statistics Division*, *International Monetary Fund*, *International Labour Organization* dan lain-lain lagi.

Data stewardship atau kepengurusan data merupakan satu bentuk aktiviti yang memastikan data sesebuah organisasi boleh diakses, digunakan, selamat dan dipercayai. Ia merangkumi pengawasan setiap aspek kitaran hayat data seperti penciptaan, penyediaan, penggunaan, penyimpanan dan pengarkiban, mengikut prinsip tadbir urus data organisasi yang ditetapkan untuk memastikan kualiti dan integriti data. Dalam konteks negara ini, kepengurusan data bagi sebuah ecosystem data negara perlu dipimpin oleh sebuah organisasi yang berpengalaman dan berkeupayaan untuk mengendalikan volume dan kompleksiti data yang besar yang kebiasaannya dipertanggungjawabkan kepada *National Statistical Office* (NSO).

Perluasan peranan DOSM bagi aspek kepimpinan data ini adalah selaras dengan amalan antarabangsa yang mana peranan kepimpinan data dilaksanakan oleh *National Statistical Office* (NSO) atas ciri-ciri dan keupayaan NSO yang merupakan pengeluar utama statistik rasmi dan koordinator aktiviti statistik sesebuah negara. Peranan kepimpinan data ini dicapai dengan meningkatkan pengeluaran statistik rasmi mengikut kehendak pelanggan khususnya pihak kerajaan dan juga pemegang taruh. Dalam hubungan ini, data yang lebih komprehensif dikumpul dan disusun daripada peringkat makro atau agregat sehinggalah ke peringkat kawasan terperinci atau mikro seperti Mukim, Daerah Pentadbiran, kawasan Dewan Undangan Negeri, kawasan Parlimen, Koridor Pembangunan Wilayah dan janaan mengikut liputan geografi seperti yang dikehendaki pengguna. Pada masa yang sama DOSM telah memperincikan penyusunan data dan statistik sektoral mengikut pengelasan statistik terkecil seperti pengelasan aktiviti ekonomi, pengelasan jenis pekerjaan, pengelasan barangan dan perkhidmatan malahan pengelasan sebab-sebab kematian yang terperinci. Perluasan peranan kepimpinan data juga diperkasa dengan peranan kerjasama perkongsian (*partnership*) yang dicapai menerusi kerjasama strategik pengurusan dan penggunaan data pentadbiran dengan agensi kerajaan.

Peranan koordinator statistik pula terus diperkasa dengan kerjasama pelaksanaan Banci dan Survei dengan pihak Kementerian/ Agensi/Jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri seperti pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020, Banci Ekonomi 2023, Banci Pertanian 2024 dan Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024. Peranan koordinator statistik dilaksanakan menerusi mandat dan punca kuasa yang diberikan kepada Ketua Perangkawan sebagai Pesuruhjaya Banci, Pengerusi dan Sekretariat pelbagai platform aktiviti penyusunan statistik rasmi. Antara kejayaan DOSM sebagai koordinator statistik ini ialah usahasama pengintegrasian data bagi operasi dan penyusunan data pentadbiran untuk Pangkalan Data Utama (PADU) dan *Malaysia Labour Market Interactive Data Hub*. DOSM juga memainkan peranan penting sebagai koordinator dan *focal point* bagi penyusunan statistik berskala besar yang merentasi pelbagai domain bidang seperti data, indikator dan statistik Perakaunan Negara, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), Laporan Sosioekonomi Negeri dan Laporan MyLocal Stats di peringkat daerah.

Justeru, menerusi pemerkasaan dan perluasan peranan Jabatan Perangkaan sebagai pemimpin data dan koordinator statistik membolehkan kualiti dan ketersediaan statistik rasmi negara dapat dipertingkatkan dan reflektif kepada keperluan semasa pengguna perkhidmatan statistik.


Kerangka Kerja Statistik


Kerangka kerja statistik bertindak sebagai panduan yang berguna daripada organisasi statistik antarabangsa untuk membantu pelaksanaan aktiviti statistik rasmi dengan lebih berkesan. Dalam konteks *National Statistical Office* (NSO) dan Sistem Statistik Negara (SSN), kerangka ini memainkan peranan yang sangat penting. Ia memastikan bahawa proses pengumpulan, pengolahan dan penyampaian statistik dilakukan dengan cara yang berkualiti, dipercayai dan relevan. Dengan adanya kerangka kerja ini, keputusan yang lebih baik dan menyeluruh dapat dilaksanakan berasaskan data yang tepat dan andal.

1 *Fundamental Principles of Official Statistics*

Conference of European Statisticians telah membangunkan dan menerima pakai prinsip ini pada tahun 1991, yang kemudiannya disahkan di peringkat menteri pada tahun 1992. Kepentingan prinsip-prinsip ini terus diakui di seluruh dunia, sehingga *United Nations Statistical Commission* menerima pakai semasa sesi khas pada April 1994.

Menjelang tahun 2013, *Economic and Social Council* telah mengesahkan prinsip ini melalui resolusi. Pada Januari 2014, Perhimpunan Agung telah mengesahkan *Fundamental Principles of Official Statistics* dengan menegaskan kepentingannya dalam membimbing sistem perangkaan negara di seluruh dunia. Prinsip-prinsip ini bertujuan memastikan bahawa statistik rasmi dihasilkan dengan integriti, profesionalisme dan mematuhi piawaian saintifik.





2


The Handbook on Management and Organization of National Statistical Systems

Handbook on Management and Organization of National Statistical Systems yang terkini merupakan edisi keempat dalam siri *Handbook of Statistical Organization*, diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division* (UNSD). Buku ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada Ketua Perangkawan serta pengurusan organisasi statistik dalam usaha mempertahankan dan membangunkan kapasiti statistik yang diperlukan untuk mencipta budaya berasaskan bukti. Dengan adanya panduan ini, Sistem Statistik Negara dapat dipantau dan dinilai dengan lebih efektif, sekaligus memudahkan pelaksanaan penambahbaikan yang berterusan.

3

Generic Statistical Business Process Model (GSBPM)


Generic Statistical Business Process Model (GSBPM) ialah piawaian antarabangsa yang digunakan bagi menjelaskan proses pengeluaran statistik secara umum. Orientasi GSBPM digunakan untuk mendokumentasikan sebarang jenis proses statistik seperti daripada survei yang bersifat tradisional kepada data pentadbiran dan kepada sumber data baharu seperti *big data*. Proses penyusunan statistik merupakan aktiviti dan tugas yang berkaitan serta berstruktur untuk menukar data input kepada maklumat statistik.



4

Generic Activity Model for Statistical Organisations (GAMSO)


GAMSO adalah kerangka kerja yang menerangkan berhubung aktiviti yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi statistik seperti *National Statistical Office* (NSO). Ia memberikan panduan menyeluruh tentang proses-proses yang diperlukan untuk mengumpul, mengolah, menganalisis dan menyampaikan data statistik.



5

National Quality Assurance Framework (NQAF)

The United Nations National Quality Assurance Frameworks Manual for Official Statistics (UN NQAF Manual) menyediakan saranan berhubung jaminan kualiti, rangka kerja jaminan kualiti oleh PBB dan panduan untuk pelaksanaan rangka kerja jaminan kualiti negara. Manual ini bertujuan untuk menangani jaminan kualiti dalam keadaan dan situasi yang berbeza, dengan ini menyokong negara dalam melindungi peranan statistik rasmi sebagai sumber maklumat yang dipercayai. Selain itu, manual ini bukan sahaja diterbitkan untuk menjamin kualiti statistik rasmi di seluruh Sistem Statistik Negara, malah menjadi panduan kepada entiti yang berada di luar Sistem Statistik Negara yang mengambil bahagian dalam pengeluaran statistik rasmi berhubung jaminan kualiti dalam penggunaan sumber dan indikator data yang berbeza serta statistik Matlamat Pembangunan Mampan. Dengan ini, manual bertindak balas terhadap cabaran yang timbul susulan daripada ekosistem data baharu, sumber data baharu, pembekal data baharu dan pengeluar statistik.



6

Generic Statistical Information Model (GSIM)

GSIM adalah kerangka kerja yang merangkumi aspek pengurusan maklumat statistik dalam sistem statistik kebangsaan. Ini membantu dalam penyeragaman struktur data dan pertukaran maklumat di antara entiti statistik dalam Sistem Statistik Negara.

7

Penyeragaman Pengkelasan Statistik


**Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC)**

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia atau *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) digunakan bagi tujuan pengumpulan, penyusunan dan penerbitan perangkaan. MSIC merupakan satu klasifikasi standard bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Tujuan utamanya adalah menyediakan satu set kategori aktiviti yang boleh digunakan dalam pengumpulan dan penerbitan perangkaan mengikut aktiviti tertentu.

Pada waktu ini, DOSM sedang melaksanakan penyusunan, pengemaskinian dan peralihan daripada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC) Revision 4 kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC) Revision 5 dan selanjutnya mengemaskini MSIC yang baharu.

Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO)

Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) adalah penanda aras nasional bagi pengelasan pekerjaan dalam struktur guna tenaga negara. MASCO dibangunkan berasaskan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa (ISCO: *International Standard Classification of Occupations*) dengan perubahan dan modifikasi untuk memenuhi keperluan negara. MASCO menyenaraikan deskripsi dan senarai tugas beserta kod bagi setiap jawatan yang disenaraikan. Ia mengandungi sepuluh kategori kumpulan utama.

**Malaysia Classification of Products by Activity (MCPA)**

Malaysia Classification of Product by Activities (MCPA) ialah klasifikasi untuk barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi Malaysia mengikut produk utama industri. Klasifikasi komoditi sebelumnya adalah berdasarkan kepada *Central Product Classification* (CPC) 1.0 dan *Malaysian Trade Classification and Customs Duties Order* (HS) 2002. CPC 2.0 telah diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menyusun semula kod komoditi untuk memenuhi keperluan semasa.

Rangka untuk MCPA adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC 2008), CPC 2.0, dan HS 2007. Pada dasarnya, klasifikasi di atas mematuhi piawaian oleh *International Standard Industrial Classification for All Economic Activities* (ISIC Rev 4). Oleh yang demikian, MCPA secara tidak langsung adalah berdasarkan piawaian ISIC.

8

Bidang keutamaan Statistik Rasmi Negara (UNSC)

United Nations Statistical Commission (UNSC) yang ditubuhkan pada tahun 1946, merupakan badan tertinggi dalam sistem statistik global yang menghimpunkan kesemua Ketua Perangkawan negara ahli daripada seluruh dunia termasuk Malaysia. UNSC merupakan platform membincangkan dan menetapkan standard statistik, pembangunan konsep serta kaedah statistik, kaedah pelaksanaan penyusunan statistik dan menetapkan keutamaan bidang statistik sebagai garis panduan Sistem Statistik Negara dan *National Statistical Office* (NSO). Dalam hubungan ini, bidang keutamaan statistik yang ditetapkan oleh UNSC ke-55 adalah seperti berikut:

The 55th UNSC Subjects	
1	<i>Fundamental Principles of Official Statistics;</i>
2	<i>Data and indicators for the 2030 Agenda for Sustainable Development;</i>
3	<i>Data science;</i>
4	<i>Governance statistics;</i>
5	<i>National accounts;</i>
6	<i>Economic statistics;</i>
7	<i>Environmental-economic accounting;</i>
8	<i>Agricultural and rural statistics;</i>
9	<i>Social statistics;</i>
10	<i>Gender statistics;</i>
11	<i>Population and housing censuses;</i>
12	<i>Regional statistical development</i>
13	<i>Tourism statistics;</i>
14	<i>Business and trade statistics;</i>
15	<i>Data and indicators for the 2030 Agenda for Sustainable Development;</i>
16	<i>Climate change statistics;</i>
17	<i>International statistical classifications;</i>
18	<i>Open data</i>
19	<i>Demographic statistics;</i>
20	<i>Disability statistics;</i>
21	<i>Ageing-related statistics and age-disaggregated data;</i>
22	<i>Health statistics;</i>
23	<i>Service statistics;</i>
24	<i>International Comparison Programme;</i>
25	<i>Information and communications technology statistics;</i>
26	<i>Business registers;</i>
27	<i>Integration of statistical and geospatial information;</i>
28	<i>Data stewardship;</i>
29	<i>Coordination of statistical programmes;</i>





BAHAGIAN



Maklumat Korporat



Pelan Strategik Jabatan

Setiap organisasi sektor awam bertanggungjawab membuat perancangan dan tindakan berdasarkan fungsi dan peranan masing-masing agar selari dengan agenda nasional dan menyumbang kepada kejayaan agenda tersebut. Penjajaran strategik dilakukan bertujuan memastikan organisasi sentiasa fokus dan menawarkan perkhidmatan yang tepat, selaras dengan kehendak dan aspirasi pemegang taruh sebagaimana yang digariskan dalam dasar-dasar negara. Pengurusan strategik yang menyeluruh adalah sangat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif dan hala tuju strategik agensi dapat menyumbang kepada kejayaan dasar-dasar nasional.


Pelan Strategik Jabatan (PSJ) merupakan dokumen induk bagi tempoh lima (5) tahun yang menggariskan teras strategik, strategi, program serta aktiviti dan arah tuju Jabatan Perangkaan Malaysia. Pelan strategik ini dirangka selari dengan dasar semasa Kerajaan, kehendak dan keperluan pelanggan jabatan serta perubahan landskap sosioekonomi termasuklah cabaran yang berlaku di peringkat nasional dan global. Dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan statistik kepada masyarakat, Jabatan Perangkaan Malaysia telah merangka pelan strategik yang komprehensif untuk merealisasikan visi jabatan. Pelan Strategik yang berbentuk komprehensif, progresif dan responsif ini meliputi keberhasilan produk dan perkhidmatan statistik yang holistik serta menyasarkan pencapaian bagi memenuhi ekspektasi pengguna.

Pada masa kini, komitmen Jabatan Perangkaan Malaysia dalam menyampaikan perkhidmatan statistik yang terbaik adalah melalui pelaksanaan strategi dan program yang telah dikenal pasti digariskan dalam dokumen Pelan Strategik Jabatan 2021-2025. Pelan ini dibangunkan berlandaskan peranan jabatan sebagai penjana statistik rasmi Malaysia untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat pada masa hadapan. PSJ 2021-2025 merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Jabatan 2010-2014 dan Pelan Transformasi Jabatan 2016-2020. Jabatan Perangkaan Malaysia sedang merangka penyediaan Pelan Transformasi Jabatan 2026-2030.



Struktur organisasi DOSM yang terkini adalah melibatkan Bahagian Ibu Pejabat dan Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri. Selain itu, DOSM turut menempatkan pegawai sebagai perkhidmatan kader di Kementerian. Pada ketika ini, DOSM diterajui oleh Ketua Perangkawan dan dibantu oleh Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial & Pembangunan Teknikal) dan Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi). Pada tahun 2023, Pejabat Operasi baharu telah ditubuhkan, masing-masing di Batu Pahat dan Sungkai.

CARTA ORGANISASI





VISI

Peneraju perkhidmatan statistik demi kesejahteraan sejagat



MISI


Memacu statistik berintegriti dan perkhidmatan professional untuk pembudayaan keputusan berasaskan bukti

SLOGAN

STATISTIK NADI KEHIDUPAN

OBJEKTIF

- Mengukuh dan meningkatkan perkhidmatan statistik serta sistem penyampaian;
- Memenuhi keperluan pengguna dalam persekitaran yang dinamik dan mencabar;
- Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis data;
- Menggunakan metodologi statistik dan teknologi yang terbaik secara maksimum;
- Memupuk budaya inovasi dalam penghasilan dan penyampaian produk dan perkhidmatan perangkaan;
- Mempunyai sumber manusia yang kompeten dengan tahap profesionalisme yang tinggi;
- Memperluaskan penggunaan statistik dalam kalangan pengguna





Melodi dan Irama

Gemilang

Di arus zaman berubah
moden dan penuh rintangan
tetap melangkah dan berevolusi
dan menuju matlamat jaya

Seiring dan seirama
bersama tekad di hati
misi dan visi berinovasi
Gah di mata dunia

Gemilang, perangkaan jitu
data terpelihara
pelbagai anugerah
membuktikan kita juga berdaya

Gemilang, harumkan negara
di antarabangsa
berpadu tenaga, berganding bahu
dan kejayaan di rasa

Langkah strategi di yakini
kejayaan di kecap
sejarah yang terukir
menjadi inspirasi

Satu semangat
Teguh bersama ke puncak

Berganding bahu dan
kejayaan dirasa

Ooohh... oooooohhh...

Satu semangat
Teguh bersama ke puncak

Statistik Segalanya Pasti

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada

Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data
Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara

Data dan kehidupan berteraskan harapan
dan impian kemakmuran

Segalanya PASTI
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian

Statistics Bloom In Harmony

Doesn't matter far or near
Strength in numbers
we don't live in fear

Birds of feather flock together
Statistics our form of adour
We, will always live it up

So let us live in solidarity
And in the world arena we'll succeed
It is statistics that will come to be
The reason we will bloom in harmony

Everybody undivided
Data's where our hearts reside in
There will always be a bind
Just like fire that ignites
That's how brightly lit our dreams are
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another
Leaving no one in a slumber
We will stand with unity

Mustering our courage while
Embracing our disparities
We'll achieve our victory

One dream with unity
One love with harmony

Banci Pertanian 2024

Woo hoo ooo X4

Indahnya bumi Malaysia
Hijau pesona alam
Birunya lautan bertuah

Dari perlis ke Sabah
Kaya sumber pertanian
Di tanah air tercinta

Canggih berteknologi
Minda kelas pertama
Pakar tani generasi kita

Ekologi seimbang
Majulah pertanian
Tunjukkan kepada dunia

Pohonan hijau mempesona
Mengisi bumi berharga
Sinari perjuangan kita bersama

Di manapun kita berada
Sumber pertanian khazanah dijaga
Yakin makmur hidup bersama
Demi masa depan negara

Biar prahara datang melanda
Tak gentar merubah bangsa perkasa
Kita hurai badai melanda
Maklumat anda berharga

Woo hoo ooo X4

Sepakat Bersama demi masa depan
Bumi yang dipijak abadikan bersama
Menjulang tinggi harapan bangsa
Maruah diangkat dipersada dunia

Di manapun kita berada
Sumber pertanian khazanah dijaga
Yakin makmur hidup bersama
Demi masa depan negara

Biar prahara datang melanda
Tak gentar merubah bangsa perkasa
Kita hurai badai melanda
Maklumat anda berharga

Maklumat anda berharga
Kunci kemajuan pertanian Malaysia

Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020

Melangkah dan terus maju
Tak takut bukan pengecut
Bergerak pantas semakin tangkas
Semua
Hayunkan langkah jangan berserah
Jangan mengalah kita
Laungkan suara hingga ke mercu angkasa

Banci aspirasi negara
Penggerak sosio ekonomi
Banci tanggungjawab bersama
Data anda masa depan kita

Di bandar dan desa
Walaupun dimana saja tidak mengira bangsa
Tanggungjawab kita
Bekerjasama untuk tingkatkan taraf hidup
Banci semua penduduk juga perumahan
Maklumat jadi matlamat
Menghitung malaysia kita tiada ketinggalan
Marilah semua!

Banci aspirasi negara
Penggerak sosio ekonomi
Banci tanggungjawab bersama
Data anda masa depan kita
Banci semua penduduk juga perumahan
Demi kesejahteraan negara
Banci banyak gunanya merancang pembangunan
Marilah semua!

Banci aspirasi negara
Penggerak sosio ekonomi
Banci tanggungjawab bersama
Data anda masa depan kita
Banci aspirasi negara
Merancang pembangunan ekonomi
Terima kasih kerjasama anda
Ke puncak dunia masa depan kita

Melangkah dan terus maju
Tak takut bukan pengecut
Bergerak pantas semakin tangkas
Semua
Hayunkan langkah jangan berserah

Jangan mengalah kita
Laungkan suara hingga ke mercu angkasa

Banci aspirasi negara
Terima kasih
Menghitung malaysia kita
Makmur aspirasi negara
Marilah kita jayakan
Banci tanggungjawab bersama
Menghitung malaysia kita
Menuju masa depan sejahtera

Banci aspirasi negara
Penggerak sosio ekonomi
Banci tanggungjawab bersama
Data anda masa depan kita
Banci aspirasi negara
Merancang pembangunan ekonomi
Terima kasih kerjasama anda
Ke puncak dunia masa depan kita

Seiring Visi & Misi

Jabatan Perangkaan agensi utama,
Jana maklumat tepat dan cepat,
Mentafsir perangkaan untuk perancangan,
Penyebaran statistik teruskan ditingkatkan,
Analisis maklumat sentiasa dibudayakan,
Merealisasi wawasan negara

Tenaga kerja terlatih dan cekap,
Seiring sejalan visi dan misi,
Tanggungjawab ikhlas dan mesra,
Keperluan pelanggan sentiasa dihayati,
Yakinkan pengguna jayakan sosio ekonomi,
Maju Jabatan Perangkaan Malaysia





BAHAGIAN

3.

Statistik Pemangkin Kesejahteraan Dan Pembangunan Negara

Semenjak penubuhannya pada tahun 1949, Jabatan Perangkaan Malaysia memainkan peranan penting dalam pembentukan dasar awam dengan menyediakan data dan statistik yang relevan dengan situasi semasa dan cabaran yang dihadapi negara. Data memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, terutamanya dalam aspek ekonomi, sosial dan kesejahteraan rakyat. Data yang tepat dan terkini membantu dalam merancang, melaksanakan dan menilai impak kepada dasar-dasar kerajaan secara berkesan.

Asas kejayaan Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Kedua Belas terletak pada pendekatan strategik dan pelaksanaan dasar pembangunan yang berterusan serta berfokus kepada keperluan dan keutamaan negara. Setiap rancangan dibangunkan berasaskan statistik dan analisis yang komprehensif, membolehkan kerajaan membuat keputusan yang berasaskan bukti. Dasar-dasar seperti Wawasan 2020, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Ekonomi MADANI turut mendapat manfaat daripada data yang dikumpul oleh DOSM, membolehkan pelaksanaan strategi yang lebih tepat dan efektif dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan keseluruhan pembangunan negara dari segi ekonomi, sosial dan kesejahteraan rakyat.






EVOLUSI DATA DAN STATISTIK NEGARA

A Evolusi Statistik Penduduk

Demografi penduduk Malaysia semakin dinamik, yang memerlukan perancangan yang berkesan untuk menyediakan kehidupan yang berkualiti untuk rakyat. Seiring dengan hasrat tersebut, jabatan menjalankan amanahnya dengan pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan setiap 10 tahun dengan tahun rujukan terkini 2020 dan penyusunan data bersumberkan data pentadbiran. Dapatan banci ini menjadi penanda aras untuk kerajaan menggubal dasar berkaitan pembangunan kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, ketersediaan data dan statistik kependudukan menjadi input utama kepada kerajaan dalam penyediaan kemudahan penting untuk rakyat seperti pendidikan, kesihatan dan perancangan pembangunan perumahan. Selain itu, data dan statistik kependudukan juga dapat menggerakkan sistem demokrasi ke arah yang lebih matang dengan tersedianya statistik terperinci di peringkat Negeri, Daerah Pentadbiran, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Banci merupakan sumber utama untuk mendapatkan maklumat statistik berkaitan bilangan saiz, taburan penduduk dan ciri sosioekonomi penduduk sesebuah negara. Banci Penduduk pertama di Malaysia telah dijalankan semasa zaman penjajahan British di Negeri-Negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang dan Melaka) pada tahun 1840. Pada tahun 1911, banci telah diperluaskan kepada Negeri-Negeri Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Bancian seterusnya telah dilaksanakan di Tanah Melayu pada tahun 1921, 1931, 1947 dan 1957. Bermula 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia telah diberi mandat untuk melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan. Banci ini dilaksanakan setiap 10 tahun dan sebanyak enam (6) banci telah dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000, 2010 dan 2020. Objektif utama pelaksanaan banci ini adalah untuk mengumpul stok dan profil penduduk dan perumahan negara yang meliputi ciri-ciri asas demografi dan sosioekonomi sehingga ke peringkat geografi terkecil. Pada tahun 1891, penduduk di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dianggarkan sekitar 418.5 ribu orang.

Berdasarkan statistik banci, penduduk Malaysia telah meningkat daripada 10.4 juta pada 1970 kepada 34.1 juta penduduk pada 2024. Taburan penduduk mengikut negeri menunjukkan Selangor mempunyai penduduk paling ramai dengan 7.4 juta, manakala negeri yang mempunyai penduduk paling kecil ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya (120.3 ribu) dan Wilayah Persekutuan Labuan (100.8 ribu). Dengan adanya data dan statistik kependudukan yang lengkap, pelbagai perancangan untuk manfaat masyarakat dan wilayah geografi dapat dirangka bagi mengatasi isu-isu sosial dan ekonomi setempat.




A.1 Evolusi Perbandaran

Perbandaran merupakan suatu proses yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kemajuan dan pembangunan. Berdasarkan takrifan DOSM, bandar merupakan kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih. Kawasan tepu bina didefinisikan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.


Semasa penjajahan British, sistem bandar kontemporari telah ditubuhkan dalam tempoh 1786 hingga 1957. Infrastruktur asas, termasuk utiliti dan pengangkutan, telah dibina pada zaman penjajahan untuk menyokong operasi ekonomi, kewangan, sosial dan pentadbiran serta untuk terus menggunakan sumber negara, termasuk getah dan bijih timah. Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, kadar perbandaran Malaysia telah meningkat iaitu daripada 28.4 peratus pada tahun 1970 kepada 75.1 peratus pada tahun 2020. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dalam Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) menyasarkan kadar perbandaran tidak melebihi 85.0 peratus menjelang tahun 2040.

Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, negeri yang mencatatkan paras perbandaran melebihi paras Malaysia (75.1 peratus) adalah Selangor (95.8 peratus), Pulau Pinang (92.5 peratus), Melaka (90.9 peratus), W.P. Labuan (88.9 peratus) dan Johor (77.4 peratus). Manakala dua (2) negeri mencatatkan paras perbandaran 100 peratus iaitu W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya. Mulai tahun 2010, semua negeri telah mencapai paras perbandaran melebihi 35.0 peratus. Maklumat ciri perbandaran yang dijana membolehkan rancangan pembangunan difokuskan kepada isu semasa yang kompleks meliputi kawasan bandar dan luar bandar termasuklah hal berkaitan perubahan gelagat serta gaya hidup masyarakat yang berkaitan dengan situasi unik kawasan bandar dan luar bandar.

Carta 1: Peratus Perbandaran, Malaysia, 1970–2020



Carta 2: Peratus Perbandaran mengikut Negeri, Malaysia, 2020




A.2 Transisi Demografi Penduduk

Transisi demografi penduduk merupakan suatu keadaan yang mana struktur demografi penduduk telah mengalami perubahan bilangan kelahiran dan kematian daripada paras yang tinggi kepada paras yang rendah atau sebaliknya. Perubahan struktur demografi penduduk boleh dipengaruhi oleh faktor sosial dan ekonomi sesuatu kawasan. Pengukuran kedudukan demografi di sesebuah negara itu dapat dilihat melalui Model Transisi Demografi (DTM) yang menunjukkan perubahan dalam saiz penduduk dari semasa ke semasa dengan merujuk kepada kadar kelahiran dan kadar kematian.

Secara amnya, Malaysia sedang berada di fasa ketiga yang mana peralihan corak demografi di Malaysia menunjukkan penurunan Kadar Kelahiran Kasar (CBR) daripada 19.4 kelahiran pada 1911 kepada 13.6 kelahiran pada 2023 dan Kadar Kematian Kasar (CDR) menurun daripada 39.1 kematian pada 1911 kepada 5.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada 2023. Jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki dan perempuan masing-masing merekodkan peningkatan daripada 55.8 tahun dan 58.2 tahun pada 1957 kepada 73.0 tahun dan 77.8 tahun pada 2024.

Carta 3: Transisi Demografi, Malaysia, 1911-2023




Statistik demografi amat penting untuk mengenal pasti situasi berkaitan perubahan struktur demografi negara khususnya bagi menentukan rancangan persediaan dan tindak balas kerajaan kepada isu-isu semasa yang kompleks seperti populasi menua dan populasi tua. Rancangan dan program persediaan ke arah negara menua perlu dirangka berpandukan kepada data dan fakta yang dijana daripada statistik demografi.

A.3 Evolusi Kesuburan

Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) merupakan indikator demografi yang digunakan untuk menganggarkan purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang perempuan selama tempoh reproduktifnya (15-49 tahun). Paras penggantian kesuburan adalah pada 2.1 anak yang menunjukkan bahawa purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang perempuan sepanjang tempoh kesuburannya mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangannya.


Untuk enam dekad yang lalu, TFR Malaysia telah merekodkan penurunan ketara iaitu daripada 6.3 anak pada 1958 kepada 1.7 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun pada 2023. Bagi tempoh 1958 hingga 2012, TFR Malaysia merekodkan di atas paras penggantian kesuburan. Walau bagaimanapun, TFR mula merekodkan di bawah paras penggantian pada 2013.

Carta 4: Kadar Kelahiran Kasar, Malaysia, 1911-2023



Nota: Data 1911-1962 merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja

Carta 5: Kadar Kesuburan Jumlah, Malaysia, 1958-2023



Nota: Data 1958-1969 merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja


A.4 Evolusi Penuaan Penduduk

United Nations telah menetapkan tiga (3) kategori penuaan, iaitu *Ageing Society*, *Aged Society* dan *Super Aged Society* di mana masing-masing merujuk kepada penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencecah 7 peratus, 14 peratus dan 20 peratus. Peratusan penduduk umur muda (0-14 tahun) pada 2024 menunjukkan pengucupan kepada 22.2 peratus berbanding 44.9 peratus pada 1970. Manakala, peratusan penduduk umur bekerja (15-64 tahun) meningkat kepada 70.1 peratus pada 2024 berbanding 52.1 peratus pada 1970, sekaligus menunjukkan peningkatan dalam potensi guna tenaga negara. Penduduk Malaysia yang berumur 65 tahun dan lebih pada tahun 1970 direkodkan 3.1 peratus dan trend umur kumpulan ini terus menunjukkan peningkatan kepada 7.7 peratus pada 2024 berbanding tahun banci sebelumnya. Berdasarkan takrifan penuaan daripada *United Nations*, Malaysia telah mencapai kategori *Ageing Society* pada 2021.

Struktur umur penduduk negara yang berubah dengan menunjukkan pertambahan bilangan warga tua (65 tahun dan lebih) dan bilangan yang semakin berkurangan bagi umur muda (0-14 tahun). Satu penunjuk penting struktur umur ialah nisbah tanggungan, iaitu nisbah penduduk yang tidak bekerja (umur muda dan umur tua) kepada penduduk umur bekerja (15-64 tahun).

Nisbah tanggungan jumlah menunjukkan penurunan daripada 92.1 (1970) kepada 42.5 (2024). Hal ini disebabkan penurunan nisbah tanggungan umur muda (0-14 tahun) daripada 86.2 kepada 31.6 pada 2024. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan peningkatan daripada 5.9 (1970) kepada 10.9 pada 2024.

Carta 6: Struktur Penduduk mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023



B Statistik Pemacu Pembangunan Ekonomi Negara

Transformasi ekonomi Malaysia yang pesat dan dinamik menunjukkan pencapaian yang signifikan dalam tempoh lebih tujuh dekad. Perubahan daripada ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi ke arah ekonomi yang lebih bergantung kepada pembuatan dan perkhidmatan telah memberi impak besar kepada struktur sosial dan ekonomi negara.

B.1 Evolusi Statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

Sebagai salah satu kaedah pengukuran keadaan ekonomi semasa, statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mula direkodkan secara formal mulai tahun 1947. Akaun Negara Malaysia (yang dahulu dikenali Kira-Kira Negara) yang pertama telah disediakan oleh Dr. Frederic C. Benham untuk siri data tahun 1947–1949 yang diterbitkan pada tahun 1951. Akaun yang disediakan oleh beliau adalah untuk kawasan yang disebut Pan-Malaya yang meliputi Persekutuan Tanah Melayu (kini, Semenanjung Malaysia) dan Singapura.

Seiring dengan perkembangan ekonomi dan teknologi, kaedah pengumpulan data telah diperhalusi untuk mencerminkan gambaran ekonomi yang lebih tepat. DOSM mula mengeluarkan KDNK secara suku tahunan pada tahun 1999 bagi statistik mulai Suku Pertama 1991 menggunakan tahun asas 1987. Sebagai rekod, KDNK per kapita telah meningkat daripada 1.8 peratus bagi tempoh 1947 hingga 1970 kepada 7.0 peratus bagi tempoh 1987 hingga 2023 yang menggambarkan pencapaian produktiviti yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kualiti hidup rakyat. Modenisasi statistik KDNK diteruskan dengan penerbitan KDNK mengikut negeri pada tahun 2010. Selanjutnya, anggaran KDNK Awalan dan KDNK bulanan mula disusun pada Suku Kedua 2020 dan diterbitkan kepada umum mulai Suku Tahunan Ketiga 2023. Manakala, penyusunan statistik KDNK Daerah telah dimulakan pada tahun 2018 bagi membolehkan pengukuran aktiviti ekonomi yang lebih terperinci untuk dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan kawasan terkecil. Buat julung kalinya juga pada tahun 2024, statistik KDNK Daerah ini disebarkan kepada umum melalui 157 laporan, merangkumi 1 laporan keseluruhan dan 156 laporan mengikut setiap daerah pentadbiran di Malaysia.



B.2 Evolusi Statistik Perdagangan Luar Negeri

Pengumpulan data dan statistik perdagangan luar negeri di Malaysia bermula pada awal abad ke-20 semasa Tanah Melayu, telah mula terlibat dalam perdagangan komoditi antarabangsa seperti pengeluaran bijih timah dan getah. Pengumpulan data perdagangan luar negeri ini bertujuan untuk mengumpulkan dan menganalisis data dan statistik bagi menyokong dan menyumbang kepada perancangan ekonomi negara. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, pengumpulan data perdagangan luar negeri menjadi lebih terstruktur dan semakin moden. Ia adalah selari dengan dasar ekonomi dan pembangunan Malaysia yang telah mula mengembangkan sektor import dan eksportnya dengan tidak hanya berpaksikan kepada produk komoditi tradisional utama, malah dikembangkan kepada perdagangan komoditi baharu seperti kelapa sawit, produk pertanian, makanan dan perindustrian termasuklah petroleum.


Pemprosesan data perdagangan luar negeri pada awalnya dilaksanakan secara manual bagi borang pengikraran daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan bilangan borang yang diproses secara purata adalah 800,000 bagi setiap bulan. Bermula Januari 2009, pemprosesan data perdagangan luar negeri telah beralih daripada kaedah manual kepada sistem yang dikenali sebagai *Malaysia External Trade System* (METS). METS menjana statistik perdagangan luar negeri dengan memproses data yang diterima daripada Sistem Maklumat Kastam (SMK), Pihak Berkuasa Zon Bebas (ZB) dan Kedai Bebas Cukai. Bilangan transaksi yang diproses pada awal sistem ini diperkenalkan adalah kurang daripada 1 juta transaksi namun begitu, dengan perkembangan ekonomi semasa bilangan transaksi yang diproses pada masa kini melebihi 5 juta transaksi bagi setiap bulan.

Statistik ini semakin berkembang dengan pelbagai analisis dan data perdagangan luar negeri yang lengkap dan menyeluruh seiring dengan pemodenan perdagangan globalisasi dan juga peningkatan hubungan ekonomi antara Malaysia dan negara-negara lain. Statistik perdagangan luar negeri pada masa kini telah diterbitkan dengan lebih cepat iaitu bermula bulan rujukan

Januari 2022, statistik ini telah diterbitkan 2 minggu selepas bulan rujukan berbanding sebelum ini 6 minggu selepas bulan rujukan dan boleh diakses dengan lebih mudah. Statistik perdagangan luar negeri yang lebih lengkap ini akan menjadi pemangkin kepada maklumat perdagangan yang lebih komprehensif.

Statistik perdagangan luar negeri Malaysia yang mula diproses oleh DOSM adalah tersedia bagi data perdagangan seawal tahun 1967. Aliran jumlah perdagangan bagi tahun-tahun awal kemerdekaan menunjukkan corak yang agak sekata sehinggalah pada awal 1980-an. Corak aliran perdagangan Malaysia pada awal tahun 1980-an telah mula menunjukkan trend kenaikan yang signifikan, seiring dengan pendekatan Kerajaan yang mula memperkenalkan pelbagai dasar-dasar pembangunan negara seperti Dasar Perindustrian, Dasar Pensyarikatan dan Dasar Penswastan yang mana ia secara langsung telah merencanakan aliran perdagangan Malaysia sehinggalah pada hari ini. Sungguhpun terdapat beberapa tempoh kritikal ekonomi negara seperti kemelesetan ekonomi pada pertengahan 80-an dan juga krisis ekonomi global pada penghujung 90-an, namun corak aliran perdagangan Malaysia tetap kekal konsisten dan memberangsangkan sehingga kini.

Carta 7: Siri Masa Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia, 1967–2023 (RM Bilion)



B.3 Evolusi Statistik Pendapatan Isi Rumah

Evolusi statistik pendapatan isi rumah dan kemiskinan di Malaysia banyak dipengaruhi oleh Survei Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, setiap lima (5) tahun sekali sejak 1973. HIS merupakan sumber utama bagi pengumpulan data mengenai pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, yang digunakan untuk menilai tahap kemiskinan dan kesenjangan ekonomi. Data HIS sangat penting dalam merangka dasar pembasmian kemiskinan yang diperkenalkan sejak awal 1970-an hingga kini. Ini termasuk usaha kerajaan dalam menurunkan kadar kemiskinan, yang merupakan salah satu matlamat utama pelbagai dasar sosial dan ekonomi negara.

Pada tahun 1970, kadar kemiskinan di Malaysia adalah sangat tinggi, dengan kadar kemiskinan keseluruhan berada pada 49.3 peratus dan kemiskinan luar bandar mencapai 58.7 peratus. Bagi menangani masalah ini, kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1971, yang bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan kepada 16.7 peratus menjelang 1990. DEB berperanan penting dalam merapatkan jurang ekonomi antara kaum, mengagihkan kekayaan secara lebih saksama dan menyediakan peluang ekonomi kepada golongan berpendapatan rendah. Menjelang 1990, kadar kemiskinan menurun dengan ketara kepada 16.5 peratus (1989), menunjukkan keberkesanan dasar ini.

Satu pendekatan penting dalam mengukur kemiskinan di Malaysia ialah pengenalan Indeks Sarong, iaitu kaedah awal yang digunakan untuk menilai kadar kemiskinan berdasarkan pendapatan isi rumah dan keperluan asas. Walaupun kaedah ini dianggap kurang komprehensif oleh beberapa pihak, ia memberikan asas penting dalam memahami fenomena kemiskinan di peringkat awal pembangunan negara. Seiring dengan perkembangan masa, pengiraan kemiskinan telah diperhalusi dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), yang menggabungkan elemen kos hidup dan keperluan minimum isi rumah bagi memastikan pengukuran yang lebih tepat.

Pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di Malaysia kini digunakan sebagai alat utama dalam mengukur kadar kemiskinan. PGK ditentukan berdasarkan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan keperluan lain yang dianggap perlu bagi kehidupan yang mencukupi. Dengan PGK, kerajaan dapat menetapkan garis panduan untuk menilai tahap kemiskinan yang lebih tepat dan menyeluruh. Seiring dengan peningkatan kos sara hidup, PGK sentiasa dikemas kini bagi memastikan ia mencerminkan keadaan semasa. Langkah ini penting bagi memastikan semua program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan terus relevan dan berkesan dalam menangani cabaran yang dihadapi rakyat Malaysia.




Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-7 (RMKe-7) hingga Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), pelbagai inisiatif pembasmian kemiskinan terus diperkukuh. Program-program seperti Pembangunan Luar Bandar dan Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) diperkenalkan untuk meringankan beban golongan berpendapatan rendah. Pada 2016, kadar kemiskinan mutlak di Malaysia telah berjaya dikurangkan kepada hanya 0.4 peratus.

Pandemik COVID-19 yang melanda pada 2020 menyebabkan kadar kemiskinan melonjak semula, terutamanya akibat kehilangan pekerjaan dan pengurangan pendapatan. Kadar kemiskinan meningkat kepada 8.4 peratus pada 2020, dengan kemiskinan luar bandar mencatatkan angka yang lebih tinggi berbanding kawasan bandar. Ini memaksa kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif seperti Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan moratorium pembayaran pinjaman bagi mengurangkan impak ekonomi yang dihadapi golongan terjejas.

Pada masa kini, kerajaan terus menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai asas utama dalam mengukur kadar kemiskinan. Pada 2019, PGK telah dinaikkan kepada RM2,208, mencerminkan pendekatan yang lebih realistik dalam menilai kemiskinan berasaskan kos sara hidup semasa. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), kerajaan menyasarkan untuk menurunkan kadar kemiskinan kepada 5.0 peratus menjelang 2025, melalui pelaksanaan program-program yang lebih komprehensif, dengan fokus kepada keadilan ekonomi dan peningkatan taraf hidup golongan B40.

Seiring dengan usaha berterusan memperhalusi strategi pembasmian kemiskinan, kerajaan juga memperkenalkan konsep kemiskinan multidimensi, yang menilai aspek lebih meluas seperti tahap pendidikan, akses kepada perkhidmatan kesihatan, serta kualiti hidup keseluruhan.

Carta 8: Siri Masa Nilai PGK dan Insiden Kemiskinan Mutlak, Malaysia, 1970 - 2022





B.4 Evolusi Statistik Harga Barang dan Perkhidmatan (Indeks Harga Pengguna, Indeks Harga Pengeluar dan Indikator Kos Sara Hidup)

Indeks Harga Pengguna

Dalam konteks menjamin kesejahteraan masyarakat, statistik kadar inflasi digunakan sebagai input untuk mengukur perubahan tingkat harga umum dan kos sara hidup masyarakat. Sehubungan itu, statistik Indeks Harga Pengguna (IHP) yang merupakan indikator utama untuk mengukur inflasi di Malaysia telah mula diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 1968 dengan tahun asas 1967 (1967=100) dan dikenali dengan Angkatunjuk Harga Barang-barang Pengguna (AHP) di peringkat Semenanjung Malaysia/Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1983, ianya dikenali sebagai Indeks Harga Pengguna (IHP) dan penerbitan ini dikeluarkan di peringkat Malaysia mulai 1987. IHP digunakan untuk mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan yang dibeli oleh pengguna isi rumah dari semasa ke semasa. IHP mengukur inflasi iaitu perubahan pada tingkat harga umum barangan dan perkhidmatan secara berterusan.

Kini, IHP di Malaysia diterbitkan dengan 2010 sebagai tahun asas dan meliputi 13 kumpulan utama, antaranya Makanan dan Minuman; Perumahan, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain; Pendidikan dan Pengangkutan. Wajaran IHP dikemaskini secara berkala untuk mencerminkan perubahan dalam pola perbelanjaan isi rumah. Dengan adanya data yang lebih cepat, terperinci dan diperluaskan mengikut negeri, pemantauan pergerakan harga barang dan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Ini membolehkan pihak kerajaan dan industri membuat perancangan bagi mengekang peningkatan harga barang dan perkhidmatan.

Kadar inflasi yang stabil merupakan tanda aras penting khususnya bagi mengekalkan daya saing negara, menentukan aras kuasa beli masyarakat, penetapan dasar kewangan yang bersesuaian seperti penetapan kadar faedah dan menentukan program intervensi kawalan harga barangan yang bersesuaian oleh pihak kerajaan. Data dan maklumat IHP boleh dicapai dengan mudah oleh pengguna menerusi OpenDOSM dan penerbitan terperinci menerusi laman sesawang DOSM.

Carta 9: Indeks Harga Pengguna dan Kadar Inflasi Malaysia, 1968-2023




Indeks Harga Pengeluar (IHPr)

Indeks Harga Pengeluar (IHPr) di Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 1973. Statistik ini disusun untuk mengukur perubahan harga barangan di peringkat pengeluar oleh pengeluar tempatan dalam pelbagai sektor industri, termasuk pertanian, perlombongan dan pembuatan. IHPr yang pertama telah disusun pada tahun 1973 menggunakan tahun asas 1972. IHPr kini disusun dan diterbitkan pada tahun asas 2010 setelah mengalami beberapa siri kemaskini tahun asas untuk mencerminkan keadaan ekonomi semasa. Namun, wajaran bagi bakul IHPr telah dikemaskini menggunakan Banci Ekonomi 2016. Data yang diterbitkan adalah secara bulanan untuk memberikan gambaran terkini mengenai inflasi di peringkat pengeluar.

Analisis IHPr memainkan peranan penting dalam ekonomi yang berfungsi sebagai alat untuk mengukur inflasi pada peringkat pengeluar dan memberikan petunjuk awal tentang kemungkinan inflasi yang akan dialami oleh pengguna. Selain itu, maklumat yang diperoleh daripada analisis IHPr juga amat berguna kepada penggubal dasar dalam merancang dan melaksanakan strategi ekonomi yang berkesan, memastikan kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Di samping itu, syarikat-syarikat juga dapat memanfaatkan data IHPr untuk membuat keputusan strategik berkaitan harga dan pengeluaran, membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan dalam trend harga dan permintaan pasaran.

Carta 10: Indeks Harga Pengeluar, Mata Indeks dan Perubahan Peratus Tahunan, 1972-2023



Indikator Kos Sara Hidup

Mutakhir ini, ketidaktentuan situasi geopolitik dunia dan rantai bekalan telah menyebabkan peningkatan mendadak kepada barangan dan perkhidmatan. Keadaan ini memberi kesan kepada pola perbelanjaan masyarakat sama ada sebagai individu ataupun isi rumah. Ini turut menyebabkan peningkatan kepada kos sara hidup rakyat. Menangani isu kos sara hidup memerlukan data dan statistik baharu yang lebih reflektif sebagai pelengkap kepada statistik perbelanjaan isi rumah dan kadar inflasi sedia ada. Justeru, inisiatif pengukuran tahap kos sara hidup rakyat telah dibangunkan yang mana penerbitan statistik Indikator Kos Sara Hidup akan diterbitkan pada tahun 2024 oleh DOSM. Ia merangkumi keperluan bagi kehidupan wajar yang lebih menyeluruh iaitu makanan dan minuman, pakaian, perumahan, kesihatan, pengangkutan, pendidikan, komunikasi serta keperluan lain. Indikator baharu yang akan dikeluarkan hingga ke peringkat daerah ini akan memberi gambaran secara kolektif mengenai jumlah perbelanjaan yang diperlukan oleh isi rumah.



C Evolusi Indikator Petunjuk Ekonomi

Bagi memantau keadaan ekonomi semasa negara, DOSM juga menerbitkan statistik Penunjuk Ekonomi Malaysia (PEM), Malaysia Business Cycle Clock (MBCC) dan Statistik Kecenderungan Perniagaan (BTS).

C.1 Penunjuk Ekonomi Malaysia (PEM)


Statistik daripada penyusunan PEM serta penemuan daripada survei BTS ini dapat membantu penggubal dasar, pelabur, penyelidik serta masyarakat umum untuk menilai prestasi ekonomi. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memberi isyarat tentang hala tuju ekonomi negara dalam tempoh jangka pendek.

DOSM telah memulakan pembangunan PEM sejak tahun 1980-an. Bagi tempoh 1990 hingga 1999, DOSM telah bekerjasama dengan beberapa agensi dalam dan luar negara bagi mengkaji dan membuat penambahbaikan dari segi metodologi dan penunjuk yang digunakan. Pada tahun 2000, DOSM telah memperkenalkan penunjuk baharu dan mengemas kini metodologi untuk meningkatkan prestasi PEM. Penerbitan rasmi pertama telah dilancarkan kepada umum pada Januari 2001 bagi bulan rujukan November 2000. Metodologi dan penunjuk yang ada sentiasa disemak untuk memastikan kesesuaian dengan keadaan ekonomi semasa.

Tiga (3) jenis indeks dalam PEM termasuk Indeks Pelopor (IP), Indeks Serentak (IS) dan Indeks Susulan (ISL). IP memberikan isyarat awal mengenai arah pergerakan ekonomi masa depan, IS menilai prestasi ekonomi semasa dan ISL mengesahkan perubahan yang berlaku. Indeks Difusi juga dibangunkan sebagai sokongan untuk menentukan titik perubahan kitaran ekonomi.

Melihat kepada prospek ekonomi menjelang akhir tahun 2024, ekonomi Malaysia dijangkakan berdaya tahan disokong oleh pengembangan positif dalam penggunaan domestik dan permintaan berterusan oleh pasaran luar. Ini dicerminkan oleh prestasi IP yang memberangsangkan pada Julai 2024 dengan IP mencatatkan 5.2 peratus, mencapai 115.1 mata berbanding 109.4 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Prestasi bulanan IP juga menunjukkan peningkatan yang positif dengan mencatatkan 1.1 peratus pada Julai 2024, berbanding penurunan 0.4 peratus pada Jun 2024.


Carta 11: Penunjuk Ekonomi Malaysia Januari 2022 hingga Julai 2024



C.2 Malaysia Business Cycle Clock (MBCC)

Bagi membantu pengguna memahami keadaan ekonomi semasa, DOSM telah membangunkan *Malaysia Business Cycle Clock* (MBCC) sebagai alat visualisasi yang boleh memberikan gambaran keseluruhan keadaan ekonomi semasa. Penunjuk ekonomi dipetakan dalam *scattergram* dan bergerak antara kuadran mengikut lawan arah jam. Grafik ini terdiri daripada dua (2) paksi iaitu paksi-x mewakili perubahan petunjuk ekonomi, manakala paksi-y menunjukkan bagaimana penunjuk tersebut berbeza dari trend jangka panjang. Terdapat empat (4) situasi kitaran yang diwakili oleh kuadran berbeza.

Carta 12: Malaysia Business Cycle Clock (MBCC) Januari 2021 hingga Julai 2024



C.3 Statistik Kecenderungan Perniagaan (BTS)


BTS telah dilaksanakan oleh DOSM setiap suku tahunan bermula pada tahun 2004. Survei ini mengumpul maklumat/ dapatan daripada pihak pengurusan terhadap prestasi semasa dan jangkaan prospek perniagaan pada masa hadapan daripada sejumlah 631 pertubuhan yang mewakili pelbagai sektor ekonomi di Malaysia.

BTS mengumpul maklumat kualitatif daripada peniaga tentang penilaian mereka terhadap prestasi perniagaan bagi tiga (3) bulan yang lalu dan jangkaan bagi tiga dan enam bulan akan datang. Survei ini juga memberikan keputusan petunjuk kualitatif yang cepat, situasi semasa dan jangkaan bagi variabel ekonomi yang penting, sementara maklumat kuantitatif masih belum diperoleh. Pelaksanaan yang cepat dan pemprosesan hasil yang mudah dapat memberikan amaran awal terhadap titik perubahan dalam aktiviti ekonomi secara keseluruhan.

Selari dengan cabaran masa depan digital, kaedah pengumpulan data BTS telah dinaik taraf kepada kaedah pengkomputeran. Borang soal selidik dihantar melalui e-mel kepada semua pertubuhan yang terpilih. *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI) telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden yang belum mengemukakan respons menerusi e-mel. Kaedah ini telah menggantikan kaedah pengumpulan data secara bersemuka di lapangan. Kaedah pengumpulan data menggunakan e-mel serta *data entry* yang menggunakan sistem CATI BTS ini telah membantu mengurangkan kos kerja di lapangan dan dapat menjimatkan masa operasi pengumpulan data.

Berdasarkan survei terkini yang telah dijalankan bagi suku tahun ketiga 2024, peniaga menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan di Malaysia bagi suku tahun ketiga 2024, dengan petunjuk keyakinan positif sebanyak +4.7 peratus, meningkat daripada +0.7 peratus pada suku tahun kedua 2024, seperti Carta 13.

Carta 13: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2022 – 2024



D Evolusi Statistik Tenaga Buruh

Pasaran buruh bagi negara maju adalah bercirikan pepadanan yang cekap antara permintaan dengan penawaran dan mewujudkan sistem sokongan pasaran buruh yang komprehensif. Statistik tenaga buruh julung kali diterbitkan dalam laporan berdasarkan kepada hasil Penyiasatan Nasional mengenai Guna Tenaga, Pengangguran dan Guna Tenaga Tidak Penuh yang dilaksanakan pada tahun 1962. Selanjutnya, statistik ini diterbitkan melalui dua (2) survei yang dilaksanakan ke atas lima (5) pusat bandar di Semenanjung Malaysia pada Jun 1964 dan 1965. Pada tahun 1974, DOSM telah melaksanakan Penyiasatan Tenaga Buruh secara tahunan.

Memenuhi keperluan data pada frekuensi lebih tinggi dan bertepatan masa, laporan survei tenaga buruh diterbitkan serta disebarikan secara suku tahunan pada 1998 dan secara bulanan pada 2007. Pada peringkat awal, statistik yang dikumpulkan hanya di peringkat Wilayah dan nasional kepada penghasilan statistik di peringkat daerah pada 2020 bagi data bermula 2017 sehingga kini.

Selain itu, statistik tenaga buruh pada peringkat awal hanya bergantung sepenuhnya kepada data survei, tetapi kini, kita melangkah ke era baharu yang dinamik, di mana sumber data *non-traditional* seperti data raya dan rekod individu daripada rekod pentadbiran menjadi tunjang utama dalam penghasilan statistik yang lebih tepat dan komprehensif.



Berikutnya, statistik gaji & upah pekerja tahunan, guna tenaga, sektor informal & pekerjaan informal, siswazah dan produktiviti buruh diterbitkan bagi melengkapi keperluan semasa. Mengorak langkah seiring dengan kemajuan teknologi, kemahiran dan akses sumber data yang semakin meluas, penghasilan statistik perburuhan oleh DOSM terus berkembang dan semakin dinamik. Laporan seperti statistik kekosongan jawatan diiklankan yang diperoleh daripada data raya dan statistik upah pekerja sektor formal yang disusun dari data pentadbiran secara suku tahunan telah dihasilkan.

Statistik tenaga buruh disusun dengan tujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran di Malaysia. Pada tahun 2023, bilangan tenaga buruh Malaysia kekal pada trajektori menaik, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus, bersamaan dengan pertambahan sebanyak 597.1 ribu orang. Ini menjadikan jumlah tenaga buruh kepada 16.4 juta orang berbanding tahun sebelumnya 15.8 juta orang. Oleh itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada 2023, meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada paras tertinggi baharu iaitu pada 70.0 peratus berbanding 69.3 peratus pada tahun 2022.

Statistik tenaga buruh yang lengkap amat penting bagi membolehkan kerajaan merangka anjakan strategik bagi menambah baik kecekapan pasaran buruh yang bertujuan meningkatkan produktiviti, menambah baik struktur upah dan mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti; memperkemas undang-undang perburuhan dan maklumat pasaran buruh; dan mengurus pekerja asing berkemahiran rendah dengan lebih berkesan.

Statistik Mengukur Kemajuan Kawasan Terkecil

Malaysia menasaskan pertumbuhan seimbang dalam aspek pembangunan termasuklah menasaskan peningkatan potensi ekonomi wilayah. Bagi merangka dan melaksanakan program pembangunan wilayah, negeri dan kawasan terkecil pastinya memerlukan data garis dasar (*baseline data*) mengikut wilayah atau kawasan sebagai rujukan asas. Data dan maklumat komprehensif struktur sosioekonomi sesuatu wilayah atau kawasan akan memberikan rujukan dan perspektif yang tepat situasi semasa dan akan memandu keputusan program pembangunan bersasar.

Dalam hubungan ini, ketersediaan data di peringkat lokaliti terkecil yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah penting dalam menjadi asas kepada pembangunan komuniti setempat. Statistik yang komprehensif merangkumi pelbagai dimensi utama seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, infrastruktur, demografi dan keadaan sosial termasuklah pengukuran indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di peringkat negeri dan daerah.

Dengan tersedianya statistik yang terperinci ini, pelbagai pihak dapat membuat rujukan dan analisis yang mendalam bagi tujuan penyelidikan perancangan pembangunan yang lebih holistik dan relevan mengikut keperluan setempat dan masyarakat.

Statistik ini disusun menggunakan dua (2) jenis sumber data iaitu data banci dan survei yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta data yang diperoleh daripada sumber pentadbiran yang dikumpul oleh kementerian, jabatan atau agensi kerajaan di Malaysia. Antara laporan dan penerbitan peringkat kawasan terkecil yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia seperti Laporan Sosioekonomi, Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, MyLocal Stats, Kawasanku, *OpenDOSM*, *MyAgeing Dashboard*, Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan dan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran (HIES) dan Indikator Kos Sara Hidup.



Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU)

Pada tahun 2024, DOSM dengan kerjasama Kementerian Ekonomi dan Unit Pemodenan Takbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang telah dijenamakan semula kepada Jabatan Digital Negara telah membangunkan Pangkalan Data Utama (PADU) yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Maklumat profil ini diperoleh melalui pengintegrasian data dari pelbagai sumber. PADU dibangunkan bagi memenuhi objektif berikut:

- (a) Penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan *near real time* bagi digitalisasi dan penghasilan analitik berkala;
- (b) Penggubalan dasar dan proses membuat keputusan berpacukan data; dan
- (c) Membolehkan pelaksanaan dasar secara bersasar bagi mengimbangi kedudukan fiskal.

Matlamat PADU

- (a) Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan;
- (b) Mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad;
- (c) Memperkasa sistem sosial melalui peningkatan kesejahteraan ekonomi dan rakyat; dan
- (d) Merapatkan jurang sosioekonomi dengan mengimbangi keperluan rakyat.

Manfaat Pewujudan PADU

Pembangunan PADU telah menggunakan pengalaman dan keupayaan DOSM mengendalikan pengintegrasian berskala besar daripada kapasiti institusi yang telah dibina sejak sekian lama. Dalam hubungan ini, kerangka pembangunan PADU adalah berasaskan kepada prinsip dan pengurusan data sebuah *National Statistical Office* termasuklah mengadaptasi garis panduan dan tatacara tadbir urus data yang digariskan oleh standard antarabangsa dan nasional. Kepakaran bidang sains data serta keupayaan *data scientist* daripada DOSM telah digembleng sepenuhnya untuk menjayakan pembangunan PADU. Sinergi kepakaran dan infrastruktur juga telah dilaksanakan bersama Kementerian Ekonomi, Jabatan Digital Negara (JDN) serta pelbagai agensi sektor awam.

Pembangunan PADU bakal memberi pelbagai manfaat, baik kepada kerajaan mahupun kepada rakyat. Sebagai satu pangkalan data yang komprehensif mencakupi maklumat yang diperoleh daripada pelbagai agensi serta data yang telah dikemaskini oleh rakyat, PADU mampu untuk membantu kerajaan dalam merangka dasar dan melaksana program pembangunan dengan lebih baik ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat.



Statistik Untuk Penyediaan Dokumen Perancangan Pembangunan

Pengurusan sumber negara adalah aspek penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial yang mampan. Pengagihan sumber dizahirkan melalui belanjawan negara yang ditetapkan setiap tahun. Belanjawan bukan sahaja perancangan kewangan, tetapi juga merupakan instrumen penting dalam mencapai matlamat ekonomi dan sosial negara. Dengan menetapkan peruntukan yang bersesuaian, sumber negara dapat digunakan dengan optimum untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial, menguruskan risiko, serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Untuk mencapai pertumbuhan mampan, Malaysia perlu memastikan pengagihan sumber diurus dengan efisien sambil membangunkan potensi sumber secara berterusan. Ini bukan sahaja akan menyokong pertumbuhan ekonomi tetapi juga memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang.


Belanjawan negara membantu kerajaan mengurus dan menyalurkan sumber yang terhad untuk memenuhi keperluan rakyat, pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan negara bagi jangka masa pendek dan sederhana. Cukai merupakan sumber hasil utama kerajaan dan hasil tersebut disalurkan terutamanya untuk pembayaran emolumen. Selain itu, kerajaan telah memperuntukkan nilai subsidi dan bantuan yang besar iaitu 13.4 peratus daripada jumlah Belanjawan 2024 bagi perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial. Sehubungan itu, untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negara, usaha pembaharuan fiskal dipergiatkan untuk meningkatkan asas




hasil, mengoptimumkan pengurusan perbelanjaan dan memperkukuhkan tadbir urus fiskal.

Belanjawan peringkat negeri juga disediakan pada setiap tahun untuk mengagihkan sumber peruntukan bagi program pembangunan negeri dan program kesejahteraan rakyat untuk mencapai matlamat pembangunan negeri. Salah satu input kepada penyediaan belanjawan adalah Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang disediakan merangkumi perancangan negara sehingga ke peringkat negeri. Setiap negeri akan menyediakan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan berdasarkan RFN. Rancangan ini membantu memastikan pembangunan fizikal di negeri tersebut selaras dengan objektif dan strategi yang ditetapkan oleh RFN di peringkat nasional.

Data dan statistik rasmi yang dikumpul, disusun dan diterbitkan oleh DOSM telah digunakan secara komprehensif dalam pelbagai dokumen rasmi negara seperti Draf Pelan Pembangunan Malaya (1955), Pelan Pembangunan Umum (Pelan Malaya Pertama, 1956-1960), Pelan Lima-Tahun Kedua (Pelan Malaya Kedua, 1961-1965), Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), Rancangan Malaysia, Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Dasar Pembangunan Nasional. Memasuki dimensi baharu pembangunan negara pasca wabak COVID-19, pelbagai data baharu diperlukan untuk mendokong dasar pembangunan antaranya seperti *MyDigital Blueprint*, Ekonomi MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Pelan Transformasi Bumiputera 2035, Dasar Agromakanan Negara, Dasar Agrikomoditi Negara dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

Rajah 1: Transisi Ekonomi Negara, 1947-2022





Pemeriksaan Statistik Sektor Pertanian

Bagi menyokong kemajuan sektor pertanian negara, pendataan sektor pertanian perlu dimodenkan. Penstrukturan semula ekonomi amat penting bagi mencapai aspirasi Ekonomi MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia. Salah satu tumpuan pembangunan industri *High Growth High Value* (HGHV) ialah sektor Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mengukuhkan kemandirian dan keterjaminan makanan serta meningkatkan daya saing sektor agrikomoditi. Bagi mendokong matlamat negara, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan Banci Ekonomi pada 2023 dan disusuli oleh Banci Pertanian pada 2024 untuk memberikan gambaran struktur ekonomi terkini serta menilai keberkesanan program dan dasar sedia ada.

Menelusuri statistik pertanian negara, pengumpulan data sektor berkenaan pada awalnya dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian. Antara data awal yang direkodkan secara komprehensif adalah mengenai estet getah, yang mula dikumpul untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, dan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1931. Namun, pengumpulan ini terhenti semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945) dan hanya disambung semula pada tahun 1946. Selepas kemerdekaan, perubahan landskap sektor pertanian Malaysia menjadi lebih ketara dengan fokus kepada penanaman komoditi seperti getah, kelapa sawit dan koko untuk menyokong Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pada 20 Disember 1974, Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein melancarkan sebuah dasar yang dinamakan sebagai Rancangan Buku Hijau atau Gerakan Bumijaya. Rancangan ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tanah di Malaysia untuk pertanian, sekali gus meningkatkan bekalan makanan negara. Banci Pertanian negara yang pertama adalah pada tahun 1960/61 melibatkan yang pada masa itu Semenanjung Malaysia masih dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Banci Pertanian 2024 merupakan banci kali keempat dilaksanakan dengan meliputi isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang menjalankan pertanian sebagai aktiviti utama. Banci ini dilaksanakan mengikut garis panduan panduan antarabangsa *World Programme for the Census of Agriculture 2020* (WCA 2020) yang dikeluarkan oleh *Food & Agriculture Organization of the United Nations*.

Banci Pertanian 2024 penting dalam menghasilkan *baseline* baharu bagi mewujudkan pangkalan data yang komprehensif dan *reliable*. Dapatan Banci Pertanian 2024 akan menyediakan statistik pertanian *real-time*, komprehensif dan berguna kepada semua pihak seperti membantu kerajaan untuk merancang intervensi yang tepat dan berkesan seperti kelangsungan keterjaminan makanan. Pemodenan telah dilaksanakan dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dengan proses

penyenaraian rangka banci pertanian melalui pengintegrasian data pentadbiran maklumat spatial menggunakan teknologi *Geographical Information System* (GIS) dan perkhidmatan geolokasi untuk mengenalpasti lokasi pengusaha dan lokasi aktiviti.

Dalam hubungan ini, pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang bertemakan “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian” adalah penting untuk mengenal pasti jurang data pertanian di peringkat hulu dan hilir yang seterusnya akan menambah baik ekosistem sektor pertanian negara. Dapatan banci ini juga akan menyediakan maklumat seperti pengeluaran, import, eksport, nilai kerugian akibat bencana alam dan lain-lain maklumat yang dapat digunakan sebagai input dalam penyusunan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA).



Statistik Keterjaminan Makanan

Pasca pandemik COVID-19, ketidaktentuan geopolitik dunia dan perubahan iklim yang ekstrem telah menyebabkan gangguan kepada rantai pengeluaran makanan. Kapasiti pengeluaran makanan bagi negara pengeluar utama tanaman, ternakan dan perikanan terjejas akibat faktor yang dinyatakan. Negara pengeksport telah mengenakan sekatan dan tarif ke atas eksport hasil pertanian bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi untuk kegunaan rakyat dan industri negara tersebut. Ini mengakibatkan isu keselamatan dan keterjaminan makanan menjadi isu genting kepada banyak negara yang bergantung kepada import makanan termasuk Malaysia. Pada masa yang sama, berlaku jurang ketersediaan data dan statistik untuk tujuan perancangan pembangunan sektor pertanian. Perkara ini perlu diatasi dengan mengintegrasikan pelbagai jenis dan sumber data pertanian di kalangan agensi yang terlibat dengan aktiviti pertanian termasuklah mendapatkan data daripada pengusaha dan pemilik aktiviti pertanian (*agriculture holdings*).

Jabatan Perangkaan telah mengambil langkah awal dengan menyusun dan menerbitkan data dan statistik pertanian yang utama seperti Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA). Sementara itu, pembinaan kapasiti data pertanian yang menyeluruh sedang dilaksanakan khususnya menerusi Banci Pertanian 2024.




Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih

Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih memaparkan statistik pengeluaran, eksport dan import serta indikator kadar sara diri (SSR), kadar kebergantungan kepada sumber import dan penggunaan per kapita bagi komoditi pertanian terpilih. Statistik dan indikator ini merupakan petunjuk penting bagi melihat kedudukan pertanian negara terutama dalam menentukan jaminan bekalan makanan yang mencukupi. Statistik ini juga boleh membantu agensi kerajaan, penggubal dasar dan penyelidik dalam menilai situasi semasa dan merancang pembangunan sektor pertanian sebagai sumber bahan makanan kepada penduduk dan bahan mentah bagi pembangunan industri berasaskan pertanian untuk kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.


Penerbitan SUA merangkumi item-item komoditi pertanian terpilih meliputi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan. Pengeluaran, eksport dan import serta tiga (3) indikator utama iaitu kadar sara diri (SSR), kadar kebergantungan import (IDR) dan penggunaan per kapita (PCC). Statistik yang diterbitkan secara tidak langsung dapat mengukur tahap keterjaminan atau bekalan makanan negara dengan menilai tingkat pengeluaran domestik dan kebergantungan kepada import bagi komoditi pertanian terpilih. Indikator SSR digunakan sebagai pengukuran bagi tahap pengeluaran domestik serta ketersediaan bekalan makanan bagi memenuhi keperluan makanan negara. SSR yang tinggi menunjukkan bahawa ketersediaan bekalan makanan negara adalah mencukupi dan merupakan salah satu dimensi keterjaminan makanan. Ketersediaan merujuk kepada pengeluaran domestik, import dan eksport serta stok sedia ada di dalam negara. SSR yang mencapai 100.0 peratus atau lebih menunjukkan bekalan bagi sesuatu komoditi pertanian adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam negara dan sebaliknya.

Berdasarkan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2019–2023, sebanyak 27 item pertanian terpilih telah mengalami peningkatan dalam pengeluaran pada 2023 berbanding 24 item pada 2022. Import bagi 23 item pertanian terpilih menurun berbanding 14 item berbanding tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, eksport 29 item mengalami peningkatan pada 2023 berbanding hanya 15 item pada tahun sebelumnya. Pelbagai program dan pendekatan baharu dirangka oleh kerajaan bagi semua subsektor agro makanan bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa, selari dengan usaha meletakkan sektor pertanian sebagai penyumbang penting bagi keterjaminan makanan negara.

Rajah 5: Kadar Sara Diri (SSR) Malaysia



Rajah 3: Kadar Kebergantungan Import (IDR) Malaysia



Data Dan Statistik Dalam Menangani Krisis

Statistik bagi Pemulihan Krisis Ekonomi

Setiap negara sentiasa berhadapan dengan pelbagai krisis yang kebiasaannya boleh berlaku secara mendadak, tidak dijangka dan boleh memberi kesan yang signifikan kepada negara dan rakyat khususnya seperti Krisis Kewangan Asia yang berlaku pada tempoh 1997 hingga 1998 dan Krisis Kewangan Global yang melanda pada tahun 2008 hingga 2009. Seterusnya, wabak COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020/2021 telah memberi kesan negatif kepada aspek keselamatan, kesihatan dan ekonomi sejagat. Krisis-krisis utama yang dihadapi oleh Malaysia dapat dijelaskan dengan perangkaan KDNK yang menunjukkan fasa krisis yang dilalui oleh negara seperti Carta 14.

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan permintaan terhadap statistik yang lebih komprehensif bagi menilai kesan ekonomi dan sosial bagi merangka rancangan pemulihan ekonomi, sistem kesihatan dan pelbagai aspek sosioekonomilain. Oleh itu, DOSM telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan statistik terkini dan komprehensif bagi membantu kerajaan membina semula ekonomi negara serta melaksanakan program bantuan mengikut kumpulan rentan yang masih terjejas dengan kesan pandemik. DOSM telah mengeluarkan 63 *newsletters*, 22 buletin khas dan 56 ringkasan liputan berita mengenai kesan COVID-19 kepada ekonomi selain melaksanakan survei khas berkaitan wabak ini dan menyediakan 61 laporan *business intelligence*. Usaha yang sangat penting telah dilaksanakan DOSM dalam menyalurkan maklumat yang tepat pada masanya berupaya memberi manfaat kepada sektor swasta dan awam untuk memahami senario ini dengan lebih baik dan seterusnya bertindak dengan pantas bagi mengurangkan cabaran dalam menghadapi krisis semasa ini.

Carta 14: KDNK Malaysia Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Malar, 1991-2023



Statistik Berkaitan Bencana Alam

Maklumat tentang kekerapan dan tahap kemusnahan yang dialami oleh pihak yang terjejas akibat bencana alam adalah penting untuk persediaan pengurusan risiko dan penilaian kerugian. Statistik bencana alam telah menjadi keutamaan di peringkat antarabangsa susulan daripada perubahan iklim yang ekstrem yang memberi risiko kepada ekonomi dan kesejahteraan manusia.

Dalam hubungan ini, jabatan buat pertama kalinya telah mengeluarkan Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia pada tahun 2022 bagi menilai kesan banjir yang telah melanda negara pada penghujung tahun 2021 dan awal tahun 2022. Beberapa buah negeri di Malaysia telah mengalami kejadian hujan lebat yang berterusan di samping musim monsun dan kejadian air pasang. Ini telah menyebabkan banjir yang di luar jangkaan di beberapa buah negeri terutamanya di kawasan Lembah Klang, Selatan Malaysia, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Laporan ini memaparkan jumlah kerugian dan kerosakan tempat kediaman, kenderaan, premis perniagaan, industri pertanian, industri pembuatan, aset awam dan infrastruktur. Statistik yang diterbitkan adalah sehingga di peringkat daerah. Kos kerugian keseluruhan akibat banjir berkenaan merekodkan kerugian RM6.1 bilion pada tahun 2021 bersamaan dengan 0.4 peratus berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar nominal. Nilai kerugian ini meliputi kerosakan tempat kediaman iaitu RM1.6 bilion, premis perniagaan RM0.5 bilion, kenderaan RM1.0 bilion, pertanian RM90.6 juta, pembuatan RM0.9 bilion dan aset awam & infrastruktur RM2.0 bilion.

Data dan maklumat yang dikeluarkan oleh jabatan memainkan peranan penting semasa krisis ini supaya ia dapat membantu kerajaan dalam membuat keputusan dan tindakan secara kolektif, tepat dan tuntas dalam menangani krisis yang berlaku. Bagi membantu kerajaan membuat keputusan dengan cekap dan tepat, jabatan telah mengambil inisiatif mempercepatkan pengeluaran statistik yang berkaitan, memperluaskan liputan dan meningkatkan perkongsian data antara agensi.

Statistik Bagi Pengukuran Ekonomi Digital

Malaysia telah mengorak langkah ke arah pendigitalan sejak tahun 1996 dengan adanya Koridor Raya Multimedia. Melalui inisiatif ini, negara telah mencapai kejayaan, antaranya menarik pelabur berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dari dalam dan luar negara, meningkatkan penguasaan dalam ICT dan adaptasi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang berpotensi mengubah landskap ekonomi. Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan lagi perubahan yang mendorong rakyat, perniagaan dan kerajaan untuk mengadaptasikan pendigitalan dalam urusan kehidupan seharian.

Ini seiring dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital. Pada masa hadapan, Malaysia akan menyaksikan rakyat menikmati penambahbaikan literasi digital, pertambahan pekerjaan berpendapatan tinggi, peningkatan kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar. Sementara itu, peniaga akan menikmati peluang yang lebih besar untuk memasarkan produk mereka bukan sahaja di peringkat domestik, bahkan global melalui platform dalam talian. Kerajaan juga dengan keupayaan digital akan memantapkan perkhidmatan sektor awam dengan pengintegrasian operasi kerajaan ke dalam satu platform digital yang lengkap dan menyeluruh. Selaras dengan itu, industri ICT dan e-dagang Malaysia menjana RM427.7 bilion pada tahun 2023 dengan sumbangan sebanyak 23.5 peratus kepada KDNK negara.



Statistik Bagi Pengukuran Pembangunan Mampan


Penyediaan Indikator Pengukuran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

Masyarakat dunia telah menjadikan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDG) sebagai teras agenda bagi tahun 2030 seperti yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 oleh *United Nations General Assembly* (UNGA). SDG merupakan kesinambungan kepada agenda pembangunan sebelumnya, iaitu Matlamat Pembangunan Milenium (*Millennium Development Goals* - MDG). SDG berfungsi sebagai rangka tindakan penting negara untuk merangka polisi dalam memastikan masa depan yang mampan untuk rakyat. SDG diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran untuk dicapai pada tahun 2030 melalui tiga (3) dimensi pembangunan mampan iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar. Kekuatan Agenda Matlamat Pembangunan Mampan 2030 adalah pendekatan yang holistik dan komprehensif untuk menyelaraskan dasar pembangunan dan memastikan tiada sesiapa pun yang tertinggal (*No one left behind*). Komitmen Malaysia dalam mengurus perdana Agenda SDG telah diterjemahkan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan ia sekaligus telah diujarkan melalui strategi dan inisiatif RMKe-12.

DOSM telah dilantik sebagai ahli mesyuarat *High Level Groups on Sustainable Development Goals* (HLG-SDGs) bagi mewakili Malaysia dan negara-negara di rantau Asia Pasifik bagi tempoh 2016 hingga 2017. HLG-SDGs dianggotai oleh 22 negara dan diwujudkan bertujuan untuk menentukan hala tuju strategik dalam pembangunan SDG. Selanjutnya, DOSM telah dilantik sebagai *Ahli Inter-Agency and Expert Group on SDG indicators* (IAEG SDG) bagi dua (2) tempoh iaitu Julai 2019 hingga Jun 2021 dan Julai 2021 hingga Jun 2023 dan telah menyumbang kepada kajian semula '2020 Comprehensive Review Proposal' yang bermesyuarat secara berkala untuk membangunkan metodologi dan mengatasi isu-isu yang berkaitan indikator dan metadata SDG.

Jabatan telah menerbitkan Laporan Indikator SDG Malaysia di mana status ketersediaan indikator SDG Malaysia telah menunjukkan perkembangan positif dengan peningkatan 99 indikator (41.0 peratus) pada 2018 kepada 175 indikator (71.0 peratus) pada 2021. Ketersediaan indikator telah bertambah baik kepada 195 iaitu 79.0 peratus daripada indikator global dengan peningkatan 20 indikator di peringkat nasional pada 2022 berbanding 2021. Di peringkat negeri, ketersediaan indikator adalah 80 indikator pada 2022 berbanding 76 indikator tahun sebelumnya. Manakala, peringkat daerah merekodkan 23 ketersediaan indikator pada 2022 berbanding 20 indikator tahun 2021. Pencapaian dalam ketersediaan indikator SDG ini jelas menunjukkan komitmen jabatan kepada negara untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan.

Rajah 4: Sustainable Development Goals (SDGs)



Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI)

Selaras dengan penyiasatan Malaysia untuk berada pada kedudukan ke-25 teratas bagi Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) dalam tempoh 10 tahun, DOSM telah membangunkan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) yang merupakan satu (1) indikator bagi menilai tahap pembangunan manusia serta merupakan kriteria utama dalam mengukur kemajuan sesebuah negara selain daripada aspek ekonomi. Pengukuran MHDI meliputi tiga (3) dimensi iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat, akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik. Pembangunan indeks ini juga adalah berdasarkan Laporan HDI yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP). MHDI mencatatkan peningkatan prestasi skor indeks 1.2 peratus kepada 0.816 pada tahun 2022 berbanding 0.806 pada tahun sebelumnya iaitu berada pada tahap pembangunan yang sangat tinggi. Indikator MHDI ini juga merupakan salah satu daripada tujuh (7) penanda aras dalam ekonomi MADANI dan sebagai sasaran jangka sederhana yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun.

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI)

Tahap kesejahteraan penduduk yang diukur melalui Indeks Kebahagiaan Rakyat merupakan satu (1) pengukuran umum yang lebih menyeluruh merangkumi tahap kesihatan mental dan fizikal. Setiap orang mempunyai tahap persepsi dan taksiran berlainan ke atas persekitaran penempatan mereka seperti perasaan selamat, kepuasan hidup, kecukupan kemudahan yang disediakan kerajaan, kecekapan pentadbiran kawasan dan sebagainya.

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) yang dikeluarkan oleh DOSM buat pertama kalinya pada tahun 2022 adalah salah satu input utama dalam pelaksanaan dan pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan memenuhi salah satu teras dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di bawah Teras 7 iaitu memperkukuhkan modal insan dan perpaduan. Sehubungan itu, indikator ini akan membantu dalam mengenal pasti tahap kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk. MHI dinilai berdasarkan 13 (13) komponen iaitu keluarga, perumahan dan alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan, kemudahan, komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja, pendapatan, keselamatan awam, penggunaan awam, amalan kerohanian, kebudayaan dan pengalaman emosi. Indikator MHI ini penting sebagai input dalam penilaian tahap kebahagiaan rakyat Malaysia di peringkat nasional dan negeri yang dapat digunakan dalam mencapai kemakmuran dan masyarakat yang inklusif. Ini selari dengan pendekatan dalam pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).



Evolusi Pemerkasaan Statistik Kelestarian Alam Sekitar

Sistem Perakaunan Ekonomi – Alam Sekitar (SEEA)

Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar (SEEA) merupakan kerangka kerja yang mengintegrasikan maklumat ekonomi dan alam sekitar bagi mengukur kecekapan penawaran dan penggunaan sumber asli. Di samping itu, ia juga dapat mengukur sejauh mana sumber asli sedia ada dapat menampung keperluan negara dalam menjana ekonomi pada masa hadapan. Diterima pakai sebagai satu standard statistik antarabangsa oleh *United Nations Statistical Commission* (UNSC), SEEA mengubah maklumat ekonomi dan alam sekitar yang berasingan kepada statistik yang boleh dibandingkan di peringkat antarabangsa. Sebagai rangka kerja statistik bersepadu yang sepenuhnya selaras dengan Sistem Akaun Negara, SEEA mempunyai kedudukan unik untuk mengukur kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam hubung kait antara ekonomi dan alam sekitar. Indikator dan statistik dari SEEA juga membolehkan penggubal dasar merangka strategi yang berkesan, membuat keputusan dengan lebih efektif berasaskan bukti serta memantau kemajuan ke arah mencapai SDG.

Kompendium Perangkaan Alam Sekitar

Kompendium Perangkaan Alam Sekitar mengandungi statistik alam sekitar yang meliputi enam (6) komponen iaitu Keadaan dan Kualiti Alam Sekitar; Sumber Alam Sekitar dan Kegunaannya; Sisa; Kejadian Ekstrem dan Bencana; Penempatan Penduduk dan Kesihatan Persekitaran; dan Penglibatan, Pengurusan dan Perlindungan Alam Sekitar. Penyusunan statistik ini meliputi maklumat dan keadaan alam sekitar, impak aktiviti manusia ke atas alam sekitar dan langkah yang diambil bagi mengurangkan impak tersebut yang boleh digunakan oleh agensi kerajaan, sektor swasta, ahli akademik serta individu sebagai rujukan dalam menjalankan penyelidikan dan penganalisan.





BAHAGIAN



Penguatan Kapasiti Organisasi

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pemodenan Sistem Statistik Negara tidak hanya melibatkan aspek organisasi dan teknikal semata-mata, malah turut bergantung secara signifikan kepada pengambilan dan pembangunan modal insan yang berkaliber tinggi. Modal insan ini memainkan peranan penting dalam memacu dan menyokong transformasi statistik negara. Kemahiran dan kecekapan teras diperlukan bagi menghadapi permintaan pengguna yang semakin kompleks dan beraneka ragam, serta memanfaatkan sepenuhnya sumber data inovatif dan teknologi terkini. Ini bukan sahaja melibatkan kecekapan teknikal tetapi juga *soft skills* seperti kepimpinan, komunikasi dan sikap profesional yang proaktif di mana semua ini menjadi semakin bernilai tinggi di pasaran buruh global. Oleh itu, pelaburan dalam pembangunan bakat dengan kepakaran khusus ini adalah amat penting bagi memastikan Sistem Statistik Negara mampu memenuhi cabaran era digital yang semakin pesat berkembang, sekaligus memperkukuh daya saing negara di peringkat antarabangsa.

Terdapat tiga (3) kemahiran dan kecekapan teras yang diperlukan oleh *National Statistical Office* (NSO) dan Sistem Statistik Negara iaitu kemahiran matematik dan berangka, kemahiran statistik dan kemahiran teknologi. Perangkawan juga perlu meningkatkan kemahiran mereka secara berterusan, kreatif, mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi, berfikir kritis, skeptikal, bijak menyelesaikan masalah dan berupaya membuat penyelidikan dan analitik.

Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) ditubuhkan sebagai institusi latihan dalam bidang berkaitan statistik yang komited untuk menyediakan pakej pembelajaran yang menepati keperluan semasa. Institut ini beriltizam memantapkan kompetensi perkhidmatan statistik yang berpaksikan modal insan berpengetahuan tinggi. Misi ILSM adalah untuk memperkasa modal insan berteraskan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan personel. Pemantapan kompetensi anggota menjamin perkhidmatan statistik yang disampaikan adalah seiring dengan permintaan terkini dan andal. Pelbagai kursus dan program latihan telah dilaksanakan oleh ILSM merangkumi Kursus Dalam, Kursus Antarabangsa, Kursus *Customised*, Program Bahagian/DOSM Negeri dan Program MyTC.

Revolusi data dan digitalisasi telah menyebabkan perubahan kepada volum dan kompleksiti sumber data yang memerlukan penggunaan aplikasi sains data dan analitik data seperti penggunaan data sekunder berskala besar termasuklah data raya. Senario ini memerlukan pembangunan kapasiti terutama dalam bidang sains data di DOSM. Dalam hubungan ini, DOSM

telah memperluaskan skop kepakaran bidang bagi pengambilan pegawai baru yang meliputi bidang sains data.

Selain itu, DOSM juga menggalakkan kapasiti sedia ada untuk meningkatkan kemahiran pemikiran dan analisis statistik melalui pensijilan saintis data. Sehingga kini, 49 pegawai DOSM telah menerima gelaran Saintis Data Bertauliah *Statistical Analysis System* (SAS) Malaysia yang mempunyai kemahiran penting dalam bidang statistik, penyusunan data, analisis lanjutan, kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin. Pencapaian ini membolehkan DOSM meningkatkan kapasiti dalam menyediakan dasar berpacuan data secara komprehensif dan tepat. Sebagai agensi kerajaan terkemuka yang mempunyai *Data Scientist* dengan memperoleh *SAS-Certified Data Scientists* sejak 2018 ini, DOSM menjadi contoh bagi agensi kerajaan lain di seluruh negara untuk mengiktiraf peranan penting sains data dalam membuat keputusan secara berkesan.

Program latihan pegawai lantikan baru telah dilaksanakan melalui Program Pembangunan Kompetensi Statistik (SCDP) bermula pada tahun 2018. Program SCDP bertujuan untuk memberikan latihan yang komprehensif dan penekanan terhadap aspek pembentukan sikap (*Attitude*), kemahiran (*Skills*) serta kepentingan ilmu pengetahuan (*Knowledge*). Melalui tiga (3) aspek latihan ini, peserta akan didedahkan dan dilatih dengan kemahiran teknikal statistik, persekitaran kerja DOSM, penerapan nilai profesionalisme dan budaya kerja yang dinamik.

DOSM juga menggalakkan warganya untuk melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi sebagai inisiatif membina kredibiliti dan reputasi organisasi, serta menggalakkan inovasi dan penyelidikan yang bermanfaat bagi pembangunan modal insan. Daripada tahun 2020 sehingga 2024, seramai 37 pegawai telah melanjutkan pengajian di peringkat Diploma, Sarjana dan Kedoktoran melalui penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada masa yang sama, DOSM turut menggalakkan dan menyediakan persekitaran untuk pegawai dan anggota melanjutkan pelajaran dengan kaedah pembiayaan sendiri. Ini termasuk mengadakan program usahasama pengajian dengan pihak universiti seperti Program Pengajian Sarjana Ekonomi dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pencapaian Program Usahasama Ijazah Sarjana Ekonomi DOSM dengan Universiti Utara Malaysia (UUM)

Program pengajian *Master of Economics* DOSM bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula dengan cadangan dikemukakan pihak Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM) dengan kerjasama pihak UUM kepada Pengurusan DOSM pada November 2017. Program ini merupakan program pengajian kali pertama diadakan di Jabatan Perangkaan Malaysia dengan pihak universiti bertujuan mendaya upaya warga DOSM dengan pengetahuan tinggi, kompeten, kreatif, inovatif, berintegriti dan berkemahiran dalam pelbagai bidang terutamanya bidang ekonomi.

Program pengajian melibatkan 21 anggota pelbagai gred jawatan telah bermula pada sesi pengajian Mei 2018, ditangguhkan akibat wabak COVID-19 pada tahun 2020/2021 dan berjaya ditamatkan secara berperingkat sehingga tahun 2024. Seorang telah bergraduasi pada tahun 2022, 14 orang pegawai DOSM telah menerima Ijazah Sarjana Ekonomi, UUM pada Majlis Konvokesyen ke-36 UUM pada 20 November 2023, sementara selebihnya akan bergraduasi pada Majlis Konvokesyen ke-37 UUM 2024.

Pencapaian Program Usahasama Ijazah Sarjana Muda Ekonomi DOSM dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang dilaksanakan bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan inisiatif yang dicetuskan oleh Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia (PPPPJPM) dan Kesatuan Pembantu Perangkaan Kerajaan Semenanjung Malaysia (KEPPSTATS).

Ia merupakan program pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi yang pertama seumpamanya diadakan secara kolaboratif dengan universiti, bertujuan untuk memperkasa anggota DOSM dengan ilmu pengetahuan yang tinggi, kemahiran yang pelbagai, serta nilai-nilai kreatif, inovatif dan berintegriti dalam bidang ekonomi.

Program ini telah melibatkan tujuh (7) anggota dari Kumpulan Pelaksana DOSM yang memulakan sesi pengajian pada November 2019, dan kesemua mereka berjaya menamatkan pengajian pada Jun 2024. Mereka telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian Kelas Pertama di Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia ke-51 yang diadakan pada 28 November 2023.








MODENISASI DAN INOVASI PROSES PENGELUARAN STATISTIK



National Statistical Office (NSO) dan pengeluar statistik rasmi lain kini berhadapan dengan persekitaran statistik yang semakin pantas dan berterusan susulan kemajuan teknologi dan ledakan permintaan terhadap data yang lebih komprehensif, yang dijangka akan terus berkembang pada tahun-tahun mendatang. Persekitaran statistik ini berkembang melalui fasa komputer peribadi, *distributed databases*, ledakan internet, telefon pintar dan *tablet*, *cloud technology* dan sumber data baharu. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai pengeluar utama statistik rasmi negara boleh menjangkakan kadar perubahan yang berterusan dan mempercepatkan dalam tahun akan datang dengan kemajuan selanjutnya dalam *Artificial Intelligence*, *machine learning*, peningkatan kuasa pengkomputeran, data pintar dan *Internet of Things (IoT)*. Untuk DOSM kekal relevan dalam era yang serba digital dan setanding dengan NSO di negara lain memerlukan pelaksanaan pemodenan yang berterusan dan peningkatan kecekapan menerajui inovasi dalam penyampaian data yang lebih tepat, cekap dan efisien yang kini merangkumi

pelbagai platform seperti laman web, portal data, media sosial, penyebaran *machine-to-machine*, salinan cetak, multimedia, aplikasi mudah alih, portal GIS, buku tahunan statistik dan visualisasi yang dinamik.


DOSM terus komited untuk memperkasakan proses pengeluaran statistik yang lebih cekap menerusi penggunaan teknologi moden berdasarkan prinsip digitalisasi, selain memperluas akses kepada produk statistik oleh pengguna. Kepantasan perkembangan teknologi dan ledakan maklumat telah merubah landskap pengurusan organisasi, serta mempelbagaikan inovasi dan modenisasi dalam penyampaian perkhidmatan statistik. Proses modenisasi bertujuan mempertingkatkan kualiti statistik yang dihasilkan, malah selain turut menyumbang kepada pemerkasaan organisasi dalam menyediakan maklumat yang relevan, tepat dan mudah dicapai oleh masyarakat.



EVOLUSI
PENDIGITALAN
DOSM

KERJASAMA STRATEGIK

Penguukuhan Sistem Statistik Negara, memerlukan sinergi dan kerjasama strategik DOSM dengan pelbagai pihak meliputi kementerian, jabatan, agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, pentadbiran Negeri, daerah pentadbiran, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sektor swasta. Kerjasama strategik melalui perjanjian persefahaman dan pelbagai platform kerjasama akan menjadi pemacu kepada tadbir urus dan pengurusan data di samping membudayakan amalan statistik yang berupaya meningkatkan keupayaan analitikal kedua-dua belah pihak. Kerjasama strategik yang terjalin telah melancarkan keberkesanan dan kecekapan pengendalian banci dan survei serta penyusunan statistik rasmi di peringkat DOSM dan bidang khusus agensi.











BAHAGIAN



**Di Persada
Dunia**



PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN DOSM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Sistem Statistik Antarabangsa terdiri daripada organisasi antarabangsa atau badan organisasi yang terlibat secara khusus atau eksklusif dalam membangun, menghasilkan, dan menyebarkan statistik rasmi di peringkat global dan serantau. Kerjasama antarabangsa diperlukan untuk memacu dan merangka proses penyelarasan statistik berterusan daripada peringkat tertinggi iaitu *United Nations Statistical Commission* (UNSC) sehingga kepada pelaksanaan dan amalan statistik di peringkat nasional. Menerusi kerjasama antarabangsa juga, perkongsian nilai, instrumen statistik, pengetahuan dan amalan baik daripada negara maju dapat dipelajari oleh negara-negara membangun di seluruh dunia.

DOSM sebagai pengeluar utama statistik rasmi negara, secara aktif telah membina dan memperkukuh jalinan kerjasama dengan badan statistik serantau dan antarabangsa. Jalinan kerjasama yang merentas sempadan global ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam merealisasikan visi DOSM sebagai Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat. DOSM sentiasa mengikuti saranan amalan baik yang dikeluarkan oleh badan statistik antarabangsa bagi tadbir urus Sistem Statistik Negara dan mekanisme tadbir urus *National Statistical Office*.

Evolusi penglibatan DOSM di arena antarabangsa telah beralih daripada sebuah NSO yang menerima bantuan atau khidmat kepakaran daripada organisasi antarabangsa kepada sebuah NSO yang menyumbang kepakaran, pandangan dan perkongsian kapasiti statistik kepada komuniti dan organisasi statistik global. Penglibatan dan sumbangan kepada komuniti statistik antarabangsa dilaksanakan menerusi keanggotaan dan peranan aktif DOSM dalam Sistem Statistik Antarabangsa. Kerjasama erat telah terjalin dengan NSO dan organisasi statistik antarabangsa seperti *United Nations Statistical Commission* (UNSC), agensi-agensi statistik di bawah naungan, *United Nations Statistics Division* (UNSD), *International Monetary Fund*, *International Labour Organization*, *International Statistical Institute* (ISI), SESRIC, UNESCAP, UNSIAP, ASEANstats dan lain-lain lagi.

Justeru, DOSM telah mengambil bahagian dalam pelbagai persidangan, mesyuarat, kursus dan program yang dianjurkan di peringkat antarabangsa dengan pelbagai peranan sebagai Pengerusi, Pengerusi Bersama, pakar rujuk, ahli jawatankuasa kerja, peserta dan sekretariat. DOSM juga telah menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja dari delegasi badan statistik kebangsaan dan institusi antarabangsa, yang merupakan salah satu usaha dan kerjasama DOSM untuk membantu negara-negara lain meningkatkan keupayaan mereka dalam menghasilkan statistik rasmi negara. Dengan penglibatan ini, DOSM telah meningkatkan imej negara di mata dunia.

Penglibatan dan sumbangan DOSM di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

MEMBER OF UNITED NATIONS STATISTICS DIVISION (UNSD)

Working Group on Data Stewardship (2021 - 2024)
UN Expert Group on Migration Statistics (2021 - 2024)

Advisory Group of the Handbook on Management and Organization of National Statistical Systems Fourth Version (2021 - 2024)

Inter-Agency Expert Group (IAEG) on UNdata portal (2021 - 2024)

United Nations Committee of Experts on International Statistical Classifications (UN CEISC) (2021 - 2024)

Task Teams on the revision of International Standard Industrial Classification of All Economic Activities Rev. 4 (TT-ISIC) (2021 - 2024)

Task Teams on the Central Product Classification Ver. 21 (TT-CPC) (2021 - 2024)

Task team on earth observations (2021 - 2024)

Task team on mobile telephone data (2021 - 2024)

Task team on scanner data (2021 - 2024)

Task team on Big Data for the Sustainable Development Goals (2021 - 2024)

Senior Focal Points in Household Surveys (Senior officers from the household survey programme to act as intermediaries between ISWGHS and DOSM) (2021 - 2024)

Task Team on International Trade Statistics of the UN Committee of Experts in Business and Trade Statistics (2021 - 2024)

Praia Group Task Team on Non-Discrimination and Equality (2021 - 2024)

United Nations Expert Group Meeting on the Handbook on the Use of Administrative Registers for Population and Housing Censuses (2021 - 2024)

Working Group on Open Data (2020 - 2024)

Inter secretariat Working Group on Household Surveys (ISWGHS) membership (2020 - 2024)

Focal Points for the System of Environmental-Economic Accounting (SEEA) (2020 - 2024)

Inter-Agency and Expert Group (IAEG) in Disaster-related statistics (2020 - 2024)

Metadata Subgroup of the IAEG-SDGs (2020 - 2024)

Working Group on Geospatial Information of the IAEG-SDGs (2020 - 2024)

City Group: Washington Group on Disability Statistics (WG) (2018 - 2024)

City Group: Praia Group on Governance Statistics (2018 - 2024)

MEMBER OF UNITED NATIONS STATISTICS DIVISION (UNSD)

United Nations Committee of Experts on Environmental-Economic Accounting (2014 - 2024)

City Group: London Group for Environmental Accounting (2014 - 2024)

Working Group of Islamic Finance in National Accounts (2017 - 2018)

Intersecretariat Working Group on National Accounts (ISWGNA) and IMF Committee on Balance of Payments Statistics (BOPCOM) & ISWGNA/ BOPCOM joint ISWGNA Task Force on Islamic Finance (2020 - 2021)

Friends of the Chair Group on the Fundamental Principles of Official Statistics (FOC-FPOS) (2018 - 2019)

Member of the Friends of the Chair Group Economic Statistics (FOC-ES) (2018 - 2019)

High-level Group for Partnership, Coordination and Capacity-Building for statistics for the 2030 Agenda for Sustainable Development (HLG-PCCB) (2015 - 2016)

MEMBER OF UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UN ESCAP)

IAEG-SDGs Task Team on Sustainable Tourism (2022 - 2024)

Technical Working Group on Disaster-related Statistics in Asia and the Pacific (2020 - 2024)

Metadata Subgroup of the IAEG-SDGs (2020 - 2024)

Working Group on Geospatial Information of the IAEG-SDGs (2020 - 2024)

Data Integration Community of Practices (DI-CoP) (2020 - 2024)

Regional Steering Group on Population and Social Statistics in Asia and the Pacific (2021 - 2023), (2017 - 2019)

Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) (2009 - 2024)

Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs)(2021-2023), (2019- 2021)

Ad hoc Advisory Group for the CRVS consultation with children on youth (2020 - 2021)

Regional Expert Group on Disaster-related Statistics in Asia and the Pacific (2017)

OBSERVER OF UNITED NATIONS STATISTICAL COMMISSION (UN STATSCOM)

Session of the United Nations Statistical Commission (2008 - 2024)

CO-CHAIRMAN OF UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UN ESCAP)

Steering Group Members: Regional Programme for the Improvement of Economic Statistics in Asia and the Pacific (RPES) (2021 - 2024), (2019 - 2020), (2016 - 2017)

CHAIRMAN OF UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UN ESCAP)

Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics (2018 - 2020)

Task Force on Asia-Pacific Economic Statistics Week (APES) (2017 - 2019)

DEPUTY CHAIRMAN & MEMBER OF UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UN ESCAP)

Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific (2019 - 2024), (2015 - 2019)

DEPUTY CHAIRMAN OF UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UN ESCAP)

Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) (2021 - 2023)

MEMBER OF STATISTICAL, ECONOMIC AND SOCIAL RESEARCH AND TRAINING CENTRE FOR ISLAMIC COUNTRIES (SESRIC)

Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Statistical Commission (StatComm) (2011 - 2022)

Expert Group Meeting (EGM) on Islamic Banking and Finance Statistics (2014)

Technical Committee of Experts (TCE) on Comprehensive Profile on the Population and Housing Census Experiences and Practices of OIC Countries (2013)

Inter-secretariat Working Group on National Accounts (ISWGNA): Task Force on Islamic Banking (2017)

CO-CHAIRMAN OF STATISTICAL, ECONOMIC AND SOCIAL RESEARCH AND TRAINING CENTRE FOR ISLAMIC COUNTRIES (SESRIC)

Organisation of Islamic Cooperation (OIC) Statistical Commission (StatComm) (2023 - 2024), (2018 - 2019)

Working Group (WG) on the Development of New Strategic Vision of OIC Statistical Commission (2018 - 2020)

MEMBER OF ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS (ASEAN)/ ASEAN STATISTICS DIVISION (ASEANSTATS)

Technical Working Group (TWG) of the Project Strengthening Labour Market Information System (LMIS) in ASEAN Member States (AMS) as a Basis for Better Skills and Employment Practices (2021 - 2023)

Focal Specialists on International Labour Migration Statistics in ASEAN (2020 - 2024)

Working Group on Sustainable Development Goals Indicator (WGSDGI) (2015 - 2024)

Working Group on International Investment Statistics (WGIIIS) (2012 - 2024)

ASEAN Community Progress Monitoring System (ACPMS) (2012)

MEMBER CHAIRMAN OF ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS (ASEAN)/ ASEAN STATISTICS DIVISION (ASEANSTATS)

Working Group on System of National Accounts (WGSNA) (2021 - 2024), (2016 - 2024)

Working Group International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS) (2021- 2024 (WGFDIS)), (2015 - 2024), (2018 - 2020)

ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee (2011 - 2024), (2015)

Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics (WGDSA) (2011 - 2024), (2011 - 2017)

ACSS Sub-Committee on Planning and Coordination (ACSS- SCPC) (2010 - 2024), (2015)

Working Group Statistics on International Trade in Services (WGSITS) (2010 - 2024), (2014 - 2016)

MEMBER OF BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA-PHILIPPINES EAST ASEAN GROWTH AREA (BIMP-EAGA)

Centre for Indonesia-Malaysia-Thailand Subregional Cooperation (CMT)-Special Sub Working Group on IMT-GT Trade, Investment, and Tourism Database (ITITD) (2021 - 2024)

Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) (2017 - 2024)

MEMBER INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND GROWTH TRIANGLE (IMT-GT)

Indonesia-Malaysia-Thailand Growth-Triangle (IMT-GT) Trade, Investment and Tourism Database (ITITD) (2018 - 2024)

MEMBER OF UNITED NATIONS CHILDREN'S FUND (UNICEF)

Expert consultation on a new International Statistical Classification on Violence Against Children (ICVAC) (2022 - 2024)

Statistical Advisory Panel for 2020 Human Development Report (2020)

MEMBER OF UNITED NATIONS ENTITY FOR GENDER EQUALITY AND THE EMPOWERMENT OF WOMEN (UNWOMEN)

Subgroup on Gender Statistics Training (SGGST) (2018 - 2024)

MEMBER OF UNITED NATIONS WORLD TOURISM ORGANIZATION (UNWTO)

Expert Group on Compilation Guide for Tourism Satellite Account (2018 - 2019)

Task team Measurement Sustainable Tourism (MST) SDG (2021 - 2024)

NATIONAL COORDINATOR, DEPUTY OF ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)

KSTA 9898-2021 International Comparison Program (ICP) for Asia and the Pacific: Household price survey team; National Accounts team; Machinery & Equipment team: Construction team; Government Compensation team; Housing/ rental/ housing volume team (2021 - 2023)

NATIONAL COORDINATOR & MEMBER OF ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)

KSTA 9898-2021 International Comparison Program (ICP) for Asia and the Pacific: Household price survey team; National Accounts team; Machinery & Equipment team: Construction team; Government Compensation team; Housing/ rental/ housing volume team (2021 - 2023)

MEMBER OF ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)

International Comparison Program Governing Board representing the Asia region (Q2 2021 to Q2 2024) (2021 - 2024)

Regional Advisory Board (RAB) for the 2020 ICP for Asia and the Pacific (2020 - 2024)

CHAIRMAN OF ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)

International Comparison Program Governing Board representing the Asia region (Q2 2021 to Q2 2024) (2017 - 2018)

MEMBER OF FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION (FAO)

Regional Steering Committee for Asia and the Pacific for the Global Strategy to Improve Agricultural and Rural Statistics (2017)

MEMBER OF GLOBAL OCEAN ACCOUNTS PARTNERSHIP (GOAP)

Global Ocean Accounts Partnership (GOAP) for Sustainable Development (2017 - 2024)

MEMBER OF INTERNATIONAL ASSOCIATION FOR OFFICIAL STATISTICS (IAOS)

International Association for Official Statistics (IAOS) Executive Committee (EXCO) (2017 - 2019), (2019 - 2021)

MEMBER OF INTERNATIONAL LABOUR ORGANIZATION (ILO)

Sub-Group of Dependent Contract: Working Group of Informality (2021 - 2024)

Sub-Group on Multiple Job Holdings and Informal Household Market Enterprise (2021 - 2024)

MEMBER OF ORGANIZATION FOR ECONOMIC CO-OPERATION AND DEVELOPMENT

OECD-Working Group on International Investment Statistics (WGIIIS) (2022 - 2024)

MEMBER OF COMMONWEALTH SECRETARIAT

Member of the Head of Commonwealth Statistics Community (2018)

MEMBER OF UNITED NATIONS STATISTICAL INSTITUTE FOR ASIA AND PACIFIC (UNSIAP)

Network for the Coordination of Statistical Training in Asia and the Pacific (2013 - 2024)

CHAIRMAN MEMBER OF UNITED NATIONS STATISTICAL INSTITUTE FOR ASIA AND PACIFIC (UNSIAP)

The Governing Council of the Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP) (2022 - 2024), (2010 - 2012)

Co-CHAIRMAN OF UNITED NATIONS STATISTICAL INSTITUTE FOR ASIA AND PACIFIC (UNSIAP)

Friends of the Chair (FOC) of SIAP Governing Council (2013 - 2015)



BAHAGIAN



**Memartabatkan
Statistik**



Sembah Mengadap KDYMM YDP Agong bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

23 Jun 2020 - YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia mengiringi YB Dato' Sri Mustapa Mohamed sembah mengadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah mengenai taklimat pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.



Sembah Mengadap KDYMM SPB YDPA Sultan Ibrahim bagi Banci Pertanian 2024

2 Julai 2024 - YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia mengiringi YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi sembah mengadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mengenai pelaksanaan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di Istana Negara.





Perasmian Institut Latihan Statistik Malaysia oleh Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah



7 September 2017 - DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan merasmikan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) di Sungkai, Perak. Sultan Nazrin Shah bertitah, pencapaian sosioekonomi sesebuah negara dapat dinilai dan dipantau melalui statistik. Antara titah baginda, statistik dijadikan rujukan untuk memandu kerajaan ketika merangka pelbagai rancangan pembangunan.





Majlis Peluncuran Pangkalan Data Utama (PADU)

2 Januari 2024 – YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Pangkalan Data Utama (PADU) di Dewan Perdana, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.





Kongres Statistik Dunia Institut Statistik Antarabangsa (ISI WSC) Ke-62

18 Ogos 2019 – Malaysia telah berjaya menganjurkan Kongres Statistik Dunia Institut Statistik Antarabangsa (ISI WSC) ke-62, yang diadakan pada 18 hingga 23 Ogos 2019 dan dihadiri seramai 2,500 pakar statistik dan saintis data dari seluruh dunia. Kongres ini dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.





Majlis Pelancaran Hari Banci Malaysia oleh Perdana Menteri Malaysia

7 Julai 2020 – Majlis Pelancaran Hari Banci Malaysia bertemakan “6 Dekad Membina Negara” disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah berlangsung di PICC Putrajaya.





Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020

14 Februari 2022 – Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia bertempat di Management & Science University (MSU).







Majlis Peluncuran Banci Pertanian 2024

4 Julai 2024 – Majlis Peluncuran Banci Pertanian 2024 telah diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS). Majlis ini dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.



Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara Bilangan 1 Tahun 2023

17 Julai 2023 - Mesyuarat Tertinggi Majlis Statistik dan Data Negara Bil. 1/2023 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perladangan dan Komoditi di Dewan Persidangan ICU, Aras 1, Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini turut dianggotai oleh ahli tetap yang terdiri daripada Menteri daripada Kementerian berkaitan serta ahli jemputan. Mesyuarat Tertinggi MSDN merupakan badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus Sistem Statistik Negara.



Pelancaran Buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan My Local Stats 2017

26 Julai 2018 - DOSM telah mencatatkan satu lagi peristiwa bersejarah apabila YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia (TPM) telah melancarkan dua (2) buah buku Laporan Sosioekonomi Negeri 2017 dan MyLocal Stats 2017 yang julung kalinya diterbitkan oleh DOSM pada Majlis Statistik Mensejahterakan Rakyat yang telah diadakan di Dewan Tun Canselor, Universiti Multimedia Cyberjaya (MMU).



Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi 2023

29 Julai 2024 - Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi 2023 telah dirasmikan oleh Menteri Ekonomi, YB Rafizi Ramli bertempat di The Everly Putrajaya.





Majlis Pelancaran Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024

6 Jun 2024 – Majlis Pelancaran Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 bertemakan “Memacu Masa Depan Tenaga”. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Ekonomi, YB Rafizi Ramli.



Majlis Pelancaran Akaun Satelit Sukan

2 Jun 2024 - Majlis Pelancaran Akaun Satelit Sukan telah diadakan di Dewan Podium, Menara KBS. Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu dan Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.





Majlis Pelancaran OpenDOSM NextGen

12 Januari 2023 - Majlis pelancaran *OpenDOSM NextGen* telah diadakan di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Majlis ini dirasmikan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi.





Majlis Pelancaran *Statistics Data Warehouse (StatsDW)*

27 Jun 2022 – YB Dato' Sri Mustapa Mohamed telah merasmikan *Statistics Data Warehouse (StatsDW)* di The Everly, Putrajaya. StatsDW bertujuan untuk menyediakan platform data yang komprehensif dan selamat bagi kegunaan awam dan agensi.





Perasmian Pelancaran Statistik Subnasional DUN

29 Mei 2022 - YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) telah merasmikan pelancaran Statistik Subnasional DUN serta penemuan utama banci untuk daerah pentadbiran di Maktab Rendah Sains MARA Jeli, Kelantan. Ini adalah kali pertama statistik subnasional diterbitkan untuk kesemua 600 DUN di Malaysia, menyediakan data yang terperinci untuk setiap kawasan



Perasmian Pelancaran Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas

17 Januari 2022 - Yang Berhormat Dato' Sri Mustapha Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), telah merasmikan Pelancaran Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022 di Dewan Serbaguna, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. Acara ini menandakan permulaan inisiatif penting untuk mengumpul data yang relevan bagi merancang dasar ekonomi negara.



Seminar MyLocal Stats 2020

19 November 2020 – Seminar MyLocal Stats 2020 yang bertemakan “Statistik Daerah dan Tempatan ke Arah Kecekapan Perancangan dan Pengurusan Sumber” telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato’ Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara bersama Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Pegawai Daerah di seluruh Malaysia secara maya.

Seminar yang dilaksanakan secara norma baharu ini merupakan satu usaha yang baik dalam mengukuhkan kerjasama strategik di antara DOSM, UPEN dan Pejabat Daerah.



Sesi Penyerahan Buku Penerbitan Banci Ekonomi 2016 PKS 2016

13 Oktober 2023 – Sesi Penyerahan Buku Penerbitan Banci Ekonomi 2016 PKS 2016 kepada YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah diadakan di Mesyuarat Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi Pembangunan PKS Bilangan 2 Tahun 2017 sebelum Sesi Pembentangan Laporan Banci Ekonomi PKS 2016 di Jabatan Perdana Menteri.





Sesi Taklimat di Parlimen Malaysia

2 Mac 2022 – Satu sesi taklimat kepada YB Dato' Sri Mustapa Mohamed telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia di Parlimen Malaysia.





Sesi Taklimat *OpenDOSM* dan Pameran kepada Ahli Dewan Rakyat

30 Mac 2023 – Pelaksanaan aktiviti pameran *OpenDOSM Nextgen* pada 27 sehingga 30 Mac 2023 serta Sesi Taklimat *OpenDOSM NextGen* kepada Ahli Dewan Rakyat. Sesi ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Perangkaan Malaysia dalam memastikan penyebaran statistik dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sehingga di peringkat Parlimen.

Ahli Dewan Rakyat atau lebih dikenali sebagai Wakil Rakyat merupakan figura penting yang paling dekat dengan rakyat mengikut kawasan masing-masing. Jesteru, dengan usaha ini, diharapkan agar Wakil Rakyat juga dapat menggunakan serta memperkenalkan *OpenDOSM NextGen* kepada pihak umum agar kita semua cakna dengan statistik.



Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Negeri Sembilan

8 Disember 2023 - Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Negeri Sembilan telah dilaksanakan di Lexis Hibiscus, Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun dan dihadiri Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Turut hadir bersama YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.



Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) Selangor

29 April 2024 - Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) Selangor yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah berjaya dilaksanakan di Bilik Gerakan MTES, Bangunan SSAAS, Shah Alam, Selangor.

Kertas pembentangan mengenai pelaksanaan PADU, Persediaan ke Arah Banci Pertanian 2024 dan Pelaksanaan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah & Kemudahan Asas 2024/2025 telah dibentangkan oleh YBrs. Puan Hartini binti Yaacob, Pengarah DOSM Selangor.





Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) Negeri Perlis

19 September 2022 – Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri/Wilayah (MSDNgW) Negeri Perlis telah dipengerusikan oleh YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis.

Sebanyak satu (1) kertas pemakluman telah dibentangkan bagi menerangkan fungsi dan terma rujukan MSDNgW dalam merangka dan mengkoordinasi statistik dan data negara selaras dengan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) oleh YBrs. Pengarah DOSM Perlis, Encik Minson bin Majimbun. Ahli Mesyuarat turut dibentangkan dua (2) kertas pemakluman lainnya menyentuh Penemuan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2022 dan Prestasi Ekonomi Malaysia dan Negeri Perlis.





Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Perak

24 Julai 2023 – Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Perak telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak, merangkap Pengerusi MSDNg Perak di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Pembuatan Keputusan Berpacukan Data.

Peranan mesyuarat ini adalah sebagai Majlis Tertinggi di peringkat negeri dalam merangka dasar, strategi dan pelan tindakan yang jelas agar pengurusan sistem statistik rasmi negeri kekal dinamik dan relevan. Dalam konteks Negeri Perak, ianya memiliki matlamat yang sama dalam salah satu agenda utama Perak Sejahtera 2030 iaitu Pembuatan Keputusan Berpacukan Data.





Mesyuarat *Kick Off* Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDN) Johor

17 Januari 2024 – YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor telah mempengerusikan Mesyuarat Kick Off Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDN) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) Negeri Johor. Hadir bersama adalah YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Puan Mazreha Ya'akub, Pengarah DOSM Johor.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia turut membentangkan penubuhan MSDN dan MSDD Negeri Johor serta Pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) kepada semua ahli Mesyuarat MSDN Johor.

Turut diadakan satu Majlis Penyampaian Watikah kepada ahli MSDN Johor dan Pengerusi MSDD Johor yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor sejeurus selepas mesyuarat selesai diadakan.





Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang

16 Jun 2023 - Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang telah diadakan di Bilik Gerakan, KOMTAR, Pulau Pinang. Susulan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri mengenai penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN), Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyambut baik cadangan tersebut dan bersetuju untuk menubuhkan Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Pulau Pinang.

MSDNg Pulau Pinang ditubuhkan sebagai Majlis Tertinggi di peringkat negeri dalam merancang dan menentukan hala tuju bagi memperkukuh penyelarasan statistik negeri dan daerah, merangka dasar, strategi dan pelan tindakan yang jelas agar pengurusan sistem statistik rasmi negeri kekal dinamik dan relevan. Majlis ini dapat mengkomunikasikan kepentingan data dan statistik bagi memastikan

keberkesanan penyampaian statistik rasmi. MSDNg Pulau Pinang ini dipengerusikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan dianggotai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Pegawai Kewangan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pembangunan), Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pengurusan), Ketua Polis Negeri, Datuk Bandar MBPP, Datuk Bandar MBSP serta Ketua-Ketua Jabatan yang terlibat.

Turut diadakan adalah penyampaian watakah pelantikan Ahli MSDNg Pulau Pinang kepada semua ahli.





Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Terengganu

10 Oktober 2023 - Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg) Terengganu telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, merangkap Pengerusi MSDNg Terengganu. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Iman.

DOSM Terengganu dan Unit Perancang Ekonomi Terengganu merupakan sekretariat bersama bagi MSDNg dan MSDD Terengganu.

Penubuhan MSDNg ini merupakan satu agenda utama dalam Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) yang bertujuan memperkukuhkan sistem statistik sedia ada dengan penyelarasan yang lebih berkesan dalam membekalkan data bagi merangka dasar dan pembangunan negara.





Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah Persekutuan (MSDNgWP)

13 Jun 2023 – Mesyuarat Pertama MSDNgWP telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar di Bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Wilayah Persekutuan. Satu pembentangan berkenaan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) telah disampaikan oleh Puan Siti Zakiah binti Muhamad Isa, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Wilayah Persekutuan.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan dan jabatan-jabatan berkenaan cadangan penubuhan MSDNgW di peringkat Wilayah Persekutuan yang merupakan antara agenda dalam Pengukuhan Sistem Statistik Negara.





Mesyuarat Pertama Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDN) Kelantan

17 Mac 2024 – Mesyuarat Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDN) Kelantan telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan merangkap Pengerusi MSDN Kelantan. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Bilik Gerakan MABNA.

DOSM Kelantan dan Unit Perancang Ekonomi Kelantan merupakan sekretariat bersama bagi MSDN dan MSDD Kelantan.

Penubuhan MSDN ini merupakan satu agenda utama dalam Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) yang bertujuan memperkukuhkan sistem statistik sedia ada dengan penyelarasan yang lebih berkesan dalam membekalkan data bagi merangka dasar dan pembangunan negara.



Sesi Libat Urus Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) Pahang

13 September 2022 - Sesi pembentangan prestasi KDNK Negeri 2021 dan Banci Malaysia 2020 bagi Negeri Pahang kepada YAB Menteri Besar Pahang dan Ahli Exco Kerajaan Negeri telah dibentangkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut dibentangkan adalah pelaksanaan Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) yang mana akan menjadi medium untuk menyokong *data-culture* dalam proses membuat keputusan berasaskan bukti.





Sesi Libat Urus kepada Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka

3 Ogos 2023 - Sesi libat urus kepada YBhg. Datuk Shamsul Ambia bin Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian, Unit Perancang Ekonomi Negeri telah diadakan oleh Encik Abang Saifulhadi bin Abang Haji Ibrahim, Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Melaka.



Sesi Libat Urus kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

15 Jun 2023 – Sesi Libat Urus telah disampaikan oleh Encik Muhammad Amri bin Idris, Pengarah DOSM Sabah. Objektif sesi taklimat ini adalah untuk membentangkan dan mendapatkan pandangan YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong berhubung cadangan penubuhan Majlis Statistik dan Data Negeri (MSDNg), Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) dan Jawatankuasa Pelaksanaan Banci Bidang Ekonomi Negeri (JPBBEN) bagi Negeri Sabah. Selain itu, Encik Muhammad Amri juga turut memaklumkan pelaksanaan Banci Pertanian 2024.





Sesi Libat Urus Mengenai Cadangan Penubuhan Majlis Statistik & Data Negeri dan Daerah Kepada Kerajaan Sarawak

3 April 2023 - Sesi Libat Urus Mengenai Cadangan Penubuhan Majlis Statistik & Data Negeri dan Majlis Statistik & Data Daerah kepada Kerajaan Sarawak telah diadakan di Wisma Bapa Malaysia.



19 Disember 2023 – Premier Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Zohari Tun Abang Openg menerima Kunjungan Hormat daripada Timbalan Menteri Ekonomi Malaysia, Dato Hanifah Hajah Taib di Wisma Bapa Malaysia.

Kunjungan Hormat ini bertujuan memberi maklumat dari segi hala tuju Jabatan Perangkaan Malaysia dalam memperkemas pelaksanaan pemberian bantuan kerajaan dengan lebih meluas dan menyeluruh menerusi Pangkalan Data Utama (PADU).



8 September 2022 – YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan delegasi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan Kunjungan Muhibah kepada YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

11 November 2019 - Kunjungan Hormat daripada YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia kepada YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu di Pejabat Menteri Besar Terengganu.



24 Julai 2019 - Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia kepada YAB Dato' Seri Hj Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Pertemuan ini mengeratkan lagi ikatan ukhwah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta mengukuhkan jalinan kerjasama antara kedua belah pihak.

1 November 2018 – Sesi Kunjungan Hormat YBhg. Dato Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan Pengarah Penang kepada YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang di Pejabat YAB. Ketua Menteri, Komtar, Pulau Pinang.



7 September 2020 – Kunjungan Hormat YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin kepada YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang sempena pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

3 April 2024 - Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Kerajaan Negeri Selangor yang telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin, Dato' Menteri Besar Selangor.



18 Julai 2022 - Sesi Kunjungan Hormat kepada YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar telah diadakan di Pejabat Menteri Besar Negeri Kedah, Wisma Darulaman.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah membentangkan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan KDNK Negeri Kedah, 2021 sebagai usaha menerangkan ketersediaan data di DOSM.

PATINAIA JAVIA: The Population and Housing Census of 2000, which began in 1999, is the first census in which the census team used e-mail. As will be conducted using a mix of computerized and manual methods, and the new Drop Off/Drop Up (DOOU) system, allowing for online submissions. The DOOU system will be used primarily in the urban areas while the community interviews will be used in the rural areas. The census team consists of census enumerators, data clerks, statisticians and census commissioner Daruk Wan Ransin. Wan Ransin is the person who will be preferred.

Wan Ransin will lead the DOOU

questionnaire. A DOOU package will be left, containing the census questionnaire, instruction manual and a black label. The black label point-pin is important because the data will be scanned and processed electronically. It needs to be ensured that no other colours are accepted," she said.

The DOOU system allows individuals to fill in the forms within 10 days and return them to the Department to pick them up.

"Alternatively, there are instructions on how to do the census

cents loop

She said public opinion is very important as the census is a national exercise for the benefit of society.

"Policy-makers need this information to formulate policies and allocate resources, research use it to total economic growth, and private companies may wish to understand

Wan Ransin displays the census questionnaire.



BAHAGIAN

8

Pencapaian

Pencapaian Utama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

2017

Bil	Tarikh	Perkara
1.	31.05.2017	Kunjungan Hormat daripada <i>National Consultant Pilot Project</i> SEEA
2.	14.08.2017	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan UTeM
3.	31.10.2017	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara DOSM dan Sunway Universiti
4.	30.11.2017	Kunjungan Hormat daripada Pejabat UNDP
5.	11.12.2017	Majlis Perasmian ILSM
6.	12.12.2017	Majlis Penyerahan Lagu DOSM daripada UiTM

2018

Bil	Tarikh	Perkara
1.	05.02.2018	Majlis Perasmian COOP-STATS MART
2.	07.02.2018	Majlis Pelancaran <i>Malaysia External Trade Statistics (METS) Online</i> Versi 3
3.	21-22.03.2018	ISI <i>Executive & Preparatory Meeting</i>
4.	16.05.2018	Sesi <i>Engagement Statistics Big Data Analytics (StatsBDA)</i>
5.	30.05.2018	Majlis Pelancaran Portal Banci dan <i>StatsGeoportal</i> dan <i>Facebook MyCensus 2020</i>
6.	06.12.2018	Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2018 - Pingat Emas

2019

Bil	Tarikh	Perkara
1.	15.03.2019	Majlis Pelancaran <i>The National Sustainable Development Goals (SDGs) Progress Monitoring System</i>
2.	18.08.2019	<i>World Stats (WSC) Run 2019</i>
3.	18-23.08.2019	<i>62nd ISI World Statistics Congress (WSC) 2019</i>
4.	20.10.2019	Hari Statistik Negara Ke-3 dan 70 Tahun DOSM
5.	16.10.2019	Majlis Pelancaran Malaysia Digital Ekonomi
6.	29.10.2019	Pelancaran Penerbitan <i>SDGs Indicators, Malaysia 2018</i>
7.	13.12.2019	Majlis Pelancaran Penerbitan Statistik Siswazah 2018

2020

Bil	Tarikh	Perkara
1.	28.01.2020	Kunjungan Hormat daripada <i>United Nations Children's Fund (UNICEF)</i> Malaysia
2.	21.02.2020	Majlis Pelancaran Prosiding ISI WSC ke-62 dan Lagu "Statistik... Segalanya Pasti"
3.	23.06.2020	Sembah Menghadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah - Taklimat Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
4.	07.07.2020	Majlis Pelancaran Hari Banci Malaysia (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020)
5.	18.08.2020	<i>Reminiscing</i> ISI WSC 2019
6.	19.11.2020	Seminar <i>MyLocal Stats 2020</i>
7.	10.12.2020	Majlis Pelancaran Laporan SDGs Malaysia 2019 dan Webinar <i>Sustainable Development Goals (SDGs)</i>

2021

Bil	Tarikh	Perkara
1.	01-05.03.2021	52 nd United Nations Statistical Commissions (UNSC) 2021
2.	27-29.03.2021	Bengkel Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN)
3.	31.03.2021	Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025
4.	20.04.2021	Majlis Pelancaran <i>Tourism Dashboard</i>
5.	18-20.10.2021	<i>MyStats Conference</i> ke-8 bertemakan “ <i>Navigating Resilient Recovery Through Statistics</i> ” dan Hari Statistik Negara ke-5
6.	01.11.2021	Majlis Penutupan Banci Malaysia 2020 dan Dapatan Operasi Banci Malaysia
7.	16.11.2021	Forum bersama Pemain Industri bertemakan “ <i>Data: Evidence-Based Decision Making</i> ”

2023

Bil	Tarikh	Perkara
1.	20.03.2023	Majlis Graduasi <i>SAS Certified Data Scientist 3.0</i>
2.	30.03.2023	Sesi Taklimat dan Pameran <i>OpenDOSM NextGen</i> Ahli Dewan Rakyat di Parlimen Malaysia
3.	24.08.2023	Mesyuarat Pelaksanaan dan Prestasi Pangkalan Data Utama (PADU) bersama Ketua Setiausaha Negara
4.	13.09.2023	Persidangan Digital Sektor Awam (PDISA)
5.	20.10.2023	Perasmian Majlis Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2023 “Yuk Mampir”
6.	10.12.2023	Kayuhan DYTМ Raja Muda Perlis @ MMU
7.	11-13.12.2023	<i>Training of Trainers on Quality of Statistics for Sustainable Development Goals (SDGs)</i>

2022

Bil	Tarikh	Perkara
1.	27.01.2022	Majlis Tertinggi Pertama Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN)
2.	14.02.2022	Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020)
3.	13.04.2022	Majlis Pelancaran <i>OpenDOSM</i>
4.	27.06.2022	Majlis Pelancaran <i>Statistics Data Warehouse (StatsDW)</i>
5.	29.06.2022	Majlis Pelancaran Program FitDOSM
6.	02.09.2022	Perbincangan bersama <i>World Bank Group</i>
7.	05.09.2022	Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Eksekutif Majlis Statistik dan Data Negara (JKE MSDN)
8.	18-22.10.2022	Hari Statistik Negara ke-6 & Karnival Statistik

2024

Bil	Tarikh	Perkara
1.	19.09.2024	Persidangan Statistik Malaysia kali ke-11 bertemakan “Data dan Kecerdasan Buatan: Memperkasa Masa Depan”
2.	05.07.2024	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Banci Pertanian
3.	04.07.2024	Majlis Peluncuran Banci Pertanian 2024
4.	06.06.2024	Majlis Pelancaran Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024
5.	03.04.2024	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Kerajaan Negeri Selangor.
6.	19.01.2024	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara DOSM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Anugerah dan Sijil







BAHAGIAN

9

Penghargaan



Georges-Simon Ulrich

Director General


Swiss Federal Statistical Office and Chair, United Nations Statistical Commission

Both the motto of the Department of Statistics Malaysia (DOSM), “Statistics is the Essence of Life”, and the United Nations Statistical Commission’s motto, “Better Data – Better Life”, highlight how high-quality, timely, reliable and disaggregated data can help us understand the world around us and help decision-makers to make decisions based on facts. As National Statistical Offices, we have a special responsibility in compiling and providing relevant, reliable, and impartial insights in accordance with our professional and ethical standards.

For 75 years now, DOSM has provided insights into population trends, economic performance, well-being, and into other key aspects of the social, economic and environmental dimensions. These statistics help governments, civil society, businesses, and researchers as well as media make informed decisions that improve the quality of life. Similarly, the Swiss Federal Statistical Office also celebrated an important anniversary in 2024 with its 10 000th publication, marking 10 000 contributions to democracy.

Anniversaries like these are not only an opportunity to look back on what we have achieved. They also provide a moment to think about the opportunities and challenges that lay ahead. One key task for National Statistical Offices over the next years and decades will undoubtedly be to use the numerous new available data sources and to accompany and lead the expansion of the statistics system into a national and global data system. The United Nations Statistical Commission provides a privileged forum for the whole global statistical community to discuss these common issues and to exchange best practices. I am therefore very grateful for Malaysia’s active contribution to the Commission’s work.

On behalf of the Swiss Federal Statistical Office and the United Nations Statistical Commission, congratulations for 75 years of contributing to better decision-making and all the best for the next 75 years and beyond!



Stefan Schweinfest

Director

United Nations Statistics Division, New York

I want to send my heartfelt congratulations to the statistical community in Malaysia and all the hard working staff of the Department of Statistics Malaysia for the double celebration of the National Statistics Day and the 75th Anniversary of your distinguished institution. Statistics is the essence of life, of all our lives all over the planet. Through global statistics we are all connected. Congratulations again and thank you for being an important and active part of the global statistical family.



Rachael Beaven

Director, Statistics Division

United Nations Economic and Social Commission
for Asia and the Pacific

On the auspicious occasion of the 75th anniversary of the Department of Statistics Malaysia, I extend my heartfelt congratulations to the entire team for this remarkable milestone. In a world that is changing at an unprecedented rate, where more data is generated each day than ever before, the role of a national statistical office is more critical than ever. Despite the surge in data, challenges remain in meeting the needs of policymakers for timely and granular data across a widening range of issues.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has positioned itself at the forefront of meeting this challenge – transforming itself into an organization which meets the needs of data users today and in the future. Under the dynamic leadership of Dr Mohd Uzir Mahidin, DOSM is not only meeting the data needs of policymakers and citizens in Malaysia, but also generously sharing its expertise and helping build capacity in other countries across the Asia-Pacific region.

Dr. Uzir's incredible passion and determination drive this transformation. Whether leading the department toward new heights of excellence or personally conquering marathons and scaling the peaks of Mount Kilimanjaro, his unwavering dedication shines through in everything he does. It's this spirit of determination that makes DOSM a beacon not only in the region but also on the global stage.

As we celebrate this 75th anniversary, we look ahead with great anticipation to the continued contributions of DOSM in shaping a data-driven future for Malaysia and beyond. May the department's passion and leadership inspire even greater achievements in the years to come!



Shailja Sharma

Director

United Nations Statistical Institute
for Asia and the Pacific

On behalf of the Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP), it is my great pleasure to extend heartfelt congratulations to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) on its remarkable 75th anniversary. This is an extraordinary milestone, reflecting decades of dedication, innovation, and leadership in the field of statistics.



For 75 years, DOSM has played a pivotal role in supporting Malaysia's development by providing accurate, timely, and high-quality statistics. Your work has laid the foundation for evidence-based policymaking, driving the nation's economic, social, and environmental progress. DOSM has consistently demonstrated excellence in statistical capacity, setting standards not only within Malaysia but also as a leader in the ASEAN region and beyond.

As Director of SIAP, I am especially proud of the strong partnership between our institutions. DOSM's unwavering commitment to international collaboration has been an inspiration to all of us working to strengthen statistical systems across Asia and the Pacific. Together, we have made great strides in building statistical expertise, sharing best practices, and advancing the global statistical agenda. I look forward to deepening our partnership as we continue to address the evolving challenges of the data revolution.

As we celebrate this remarkable achievement, let us also look to the future with optimism and purpose. The world is increasingly data-driven, and DOSM is well-positioned to navigate this new landscape. By embracing innovation, fostering collaboration, and upholding the highest standards of professionalism, DOSM will undoubtedly continue to shape the future of statistics in Malaysia and contribute to the global community.

Once again, congratulations on this extraordinary 75-year journey. May DOSM continue to grow, inspire, and lead for many more years to come.



Dr. Ahmad Zafarullah Abdul Jalil

Director of ASEAN Integration Monitoring
Directorate ASEAN Secretariat

On behalf of ASEANStats, I extend our warmest congratulations to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) on its remarkable 75th anniversary. For decades, DOSM has been a cornerstone in Malaysia's economic and social development and a key contributor to ASEAN's broader goals of integration and community building.

DOSM's unwavering dedication to statistical excellence has not only reinforced Malaysia's capacity for evidence-based policymaking but has also significantly advanced ASEAN's statistical cooperation. As an active and committed member of the ASEAN Community Statistical System (ACSS), DOSM has played a pivotal role in improving the availability, quality, and harmonization of data across ASEAN Member States. Your contributions have been essential in delivering timely, relevant, and comparable statistics, supporting evidence-based policymaking, and monitoring the progress of ASEAN's integration. DOSM's valuable expertise and leadership have also played a significant role in shaping key initiatives, from the harmonization of standards to the development of sustainable development indicators, furthering ASEAN's shared regional goals.

Looking ahead, as ASEAN embarks on its Post-2025 Vision, DOSM's role in regional statistical cooperation will continue to grow in importance. The challenges and opportunities ahead call for even greater collaboration in statistics to address emerging trends, leverage innovative technologies, and foster inclusive growth across the region.

As DOSM celebrates this significant milestone, I hope it serves as both a source of pride and inspiration for continued progress. May DOSM continue its journey with even greater momentum, modernizing statistical systems to meet the evolving needs of both Malaysia and ASEAN as we forge a shared future together.

Congratulations once again on this extraordinary achievement. We look forward to your continued leadership and partnership as ASEAN moves toward a future of shared prosperity, inclusivity, and resilience.



Xuming He

ISI President

International Statistical Institute

On behalf of the International Statistical Institute, I would like to extend our warmest congratulations to the Department of Statistics Malaysia on its 75th anniversary. Since its establishment in 1949, the Department has been dedicated to advancing statistics and data science, not only within Malaysia but also on the international stage.

The International Statistical Institute is proud to have supported and collaborated with the Department of Statistics Malaysia over the years on notable events such as the 2014 ISI Regional Statistics Conference and the 62nd ISI World Statistics Congress in Kuala Lumpur, Malaysia. We commend the Department for its decades of dedication to promoting excellence in the field.

We believe that the next 75 years will bring even greater innovation and contributions, shaping a future where statistics and data science continue to influence policymaking, drive economic growth, impact demographics, and foster national development.

May your legacy of excellence continue to inspire future generations of statisticians.

Congratulations once again!



H.E. Zehra Zümrüt SELÇUK

Director General

Statistical, Economic and Social Research and
Training Centre for Islamic Countries

On behalf of the Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC), I would like to extend our sincere congratulations to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) on the momentous occasion of its 75th anniversary.



Since its establishment, DOSM has played a pivotal role in Malaysia's development by providing reliable, timely, and high-quality statistical data. The comprehensive insights and analyses produced by DOSM have been instrumental in informing policy decisions, driving economic growth, and enhancing social welfare in Malaysia.

DOSM's active participation in the OIC Statistical Commission (OIC-StatCom) has significantly contributed to enhancing statistical cooperation among OIC member countries. Through the OIC-StatCom, which is the only OIC cooperation forum in the domain of statistics, DOSM has shared valuable expertise and best practices, fostering capacity building and promoting the harmonization of statistical methodologies across the Islamic world.

Moreover, the longstanding collaboration between DOSM and SESRIC has been invaluable in advancing our shared objectives of strengthening statistical capacities, promoting data-driven decision-making, and fostering sustainable development across the OIC region. Your active participation in SESRIC's Statistical Capacity Building (StatCaB) Programme has significantly enhanced statistical cooperation among OIC countries, fostering collaboration and strengthening our collective capabilities in the field of statistics.

SESRIC remains committed to strengthening our partnership with DOSM. We aspire to further enhance our collaborative efforts in capacity building, knowledge sharing, and the development of innovative statistical methodologies. Together, we can address emerging challenges, harness new opportunities, and make significant strides toward achieving the Sustainable Development Goals within our member countries.

Once again, please accept our sincerest congratulations on this significant anniversary. We wish the Department of Statistics Malaysia continued success in all its future endeavors and look forward to many more years of fruitful collaboration.



Dato' Seri Abdul Rasheed Ghaffour

Gabenor

Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia (BNM) ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas sambutan ulang tahun Jubli Intan ke-75 penubuhan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Kami amat menghargai peranan DOSM sebagai penjana statistik negara, khususnya dalam menyediakan perangkaan yang berkualiti serta relevan bagi pembentukan dasar negara.

Kerjasama strategik yang sedia ada di antara DOSM dan BNM telah terjalin sekian lama. Kerjasama ini merangkumi perkongsian data dan pengetahuan, pembangunan kapasiti serta penyelidikan. Hubungan kerjasama yang erat antara kedua-dua institusi juga telah berjaya menarik *International Statistical Institute* (ISI) untuk bersama-sama menganjurkan Kongres Statistik Dunia ke-62 (*62nd ISI World Statistics Congress*), sebuah persidangan bertaraf dunia di Malaysia pada tahun 2019. Di peringkat kebangsaan, kedua-dua institusi ini juga telah menjadi rakan penganjur utama bagi Persidangan Statistik Malaysia (*MyStats*) sejak tahun 2012. Kami amat berbesar hati dengan keberlangsungan inisiatif-inisiatif bersama ini yang bermanfaat kepada kedua-dua pihak dalam melaksanakan mandat masing-masing.

Semoga jalinan kerjasama ini akan menjadi semakin erat dan kukuh, dan DOSM akan terus memainkan peranan yang penting dalam menyokong pembentukan dasar-dasar dan pemantauan prestasi ekonomi, pembangunan sosial dan kelestarian alam sekitar yang lebih mampan.

Tahniah sekali lagi, dan semoga terus maju jaya.



Zuraidy Hj Zainal Abidin

Presiden Persatuan Perangkawan
Jabatan Perangkaan Malaysia (PPJPM)
Sesi 2024-2026

Sepanjang tempoh 75 tahun, DOSM telah membuktikan peranan utamanya dalam memacu perubahan kepada Sistem Statistik Negara dan turut memacu dalam usaha pembangunan negara. Rentetan sejarah yang panjang dan cemerlang ini adalah hasil dari kualiti, komitmen dan iltizam bukan sahaja oleh kepimpinan DOSM dahulu dan sekarang tetapi juga turut melibatkan semua warga DOSM daripada pelbagai gred dan perkhidmatan.

DOSM telah menunjukkan kematangannya dengan mencetuskan perubahan-perubahan positif dan drastik bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan statistik negara. DOSM mempunyai peranan yang besar lagi penting selaku agensi pusat statistik negara yang unggul untuk terus mengekalkan tempo perubahan yang diperlukan bagi menghadapi cabaran yang mendatang. Untuk itu, PPJPM terus komited berdiri teguh dalam menyokong usaha perubahan yang dilaksanakan DOSM.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh Warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atas sambutan Jubli Intan 75 Tahun, Jabatan Perangkaan Malaysia, segala pencapaian cemerlang yang telah diraih, baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. DOSM juga berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi globalisasi dan terus dinobatkan sebagai agensi pembekal data.

Saya amat yakin dengan semangat dan iltizam yang ada, DOSM akan terus menjadi peneraju dalam pengeluaran statistik rasmi negara. Saya percaya dengan kerjasama warga DOSM, juga usaha dan sokongan padu daripada semua pihak, DOSM akan terus cemerlang dalam menghasilkan statistik yang relevan selari dengan tema Statistik Nadi Kehidupan.



Asri Shajarah bin Hassan

Pengerusi Persatuan Penolong Pegawai
Perangkaan Malaysia

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sempena sambutan Jubli Intan 75 Tahun, Jabatan Perangkaan Malaysia. Sebagai wakil Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan Malaysia, saya ingin merakamkan penghargaan yang mendalam atas sumbangan besar DOSM dalam menyediakan statistik berkualiti yang menjadi asas kepada pelbagai keputusan strategik negara. Sepanjang 75 tahun, DOSM telah membina nama sebagai peneraju statistik rasmi negara.

Akhir kata, tahniah sekali lagi kepada DOSM atas kejayaan yang gemilang selama 75 tahun dan semoga terus maju dalam menyumbang kepada kejayaan Malaysia.

Assalamualaikum wbt.,

“Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atas sumbangan yang tidak ternilai dalam menyediakan statistik yang berkualiti dan menyokong dasar-dasar negara.” Tahniah atas pencapaian gemilang sepanjang 75 tahun, yang pastinya mencerminkan dedikasi dan komitmen seluruh warga jabatan ini. Harapan saya agar DOSM sentiasa maju dalam menongkah arus pendigitalan dan bidang perangkaan khususnya akan terus menjadi sumber rujukan pihak Kerajaan dalam merangka dasar-dasar awam bagi memastikan perkhidmatan terus diterima oleh rakyat. Semoga DOSM terus cemerlang dalam usaha untuk membangunkan negara dan memperkukuhkan kemampanan dan kelestarian masa hadapan. Selamat maju jaya dalam penghasilan statistik yang berkualiti dan berintegriti. Selamat Hari Ulang Tahun Jubli Intan DOSM!

Datin Seri Rozita Talha

Mantan Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi

2 Januari 1990 – 28 Jun 2024



Azman bin Ahmad

Presiden Kesatuan Perkhidmatan
Pelaksana, Jabatan Perangkaan Malaysia

Dr. Abd. Latib bin Talib

Mantan Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi
15 Mac 1990 – 7 Oktober 2020

Assalamualaikum wbt.

Selama 75 tahun, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan perancangan negara. Statistik yang dihasilkan bukan sahaja membantu Kerajaan membuat keputusan berasaskan bukti, tetapi juga memberikan manfaat dalam pelbagai aspek sosial dan ekonomi.

Saya berharap semua anggota DOSM akan terus berjuang untuk memartabatkan jabatan ini dengan menyediakan statistik yang berintegriti, walaupun dalam situasi yang semakin mencabar.

Semoga DOSM terus cemerlang dalam menghasilkan statistik yang berkualiti dan dapat mengadaptasi pendekatan baru untuk menghadapi cabaran kompleks di masa hadapan.

Selamat menyambut ulang tahun ke-75 Jabatan Perangkaan Malaysia!

Pada era globalisasi ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendepani pelbagai cabaran dalam mengeluarkan pelbagai maklumat, seiring dengan keperluan pelanggan disamping menepati piagam pelanggan yang ditetapkan. Namun setelah menjangkau usia 75 tahun, DOSM menjadi semakin penting. Kepentingan maklumat amat wajar diarkibkan sebagai pangkalan data untuk kegunaan, bagi keperluan perbandingan dan penilaian kemajuan Negara daripada aspek social, ekonomi dan politik, lebih-lebih lagi untuk perancangan masa akan datang.

Berkat kegigihan semua warga jabatan di semua peringkat, DOSM telah berjaya menyahut cabaran ini. Ucapan syabas dan tahniah saya kepada semua warga atas komitmen yang tinggi kerjasama yang padu sehingga berjaya menjadikan agenda bertindak demi merealisasikan aspirasi dan hala tuju Negara.

Ismail Bin Yusoff

Mantan Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi
30 Disember 1980 – 2 September 2016

Azahari bin Mohd Raslan

Mantan Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi
16 Jun 1981 – 23 Julai 2018

“Sempena sambutan 75 tahun DOSM, saya ingin merakamkan setinggi tinggi tahniah kepada seluruh warga dan bekas Warga DOSM yang telah bersama sama menyumbangkan bakti dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan menjana pembangunan negara.

Sebagai mantan warga DOSM, saya amat berbesar hati kerana telah diberi peluang selama lebih 37 tahun bersama sama menjayakan visi dan misi DOSM sehinggalah kita mencapai ke tahap yang begitu matang dan gemilang pada hari ini.

Saya juga sentiasa mendoakan semoga anggota DOSM yang masih berkhidmat supaya terus menyumbang keringat dan memastikan DOSM terus unggul dan menjadi agensi utama dalam menjana pembangunan Malaysia Madani dengan cemerlang dan gemilang.”

Omi Kelsom Hj Elias

Mantan Timbalan Ketua Perangkawan
Program Ekonomi
1 Ogos 1979 – 9 September 2014

Perkenalan saya dengan Jabatan Perangkaan Malaysia bermula pada pertengahan 1970an melalui Laporan Tahunan Akaun Negara, buku berkulit kad manila berwarna biru muda setebal hampir 1 cm. Laporan ini diperkenalkan oleh pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM. Di zaman itu statistik agak tidak popular sebagai subjek pengkhususan. Evolusi dalam proses, penambahan statistik dan penyampaianya adalah selaras dengan kemajuan Perkhidmatan awam keseluruhan.

Tahniah DOSM, daripada laporan statistik yang sangat simple kepada laman web yang dikunjungi ramai. Daripada komputer kad tebuk kepada kutipan dan proses data online, membolehkan DOSM menepati aspirasi negara dan dunia. Semoga DOSM maju ke hadapan dan memenuhi aspirasi negara dan dunia.

Zainal Abidin bin Abu Bakar

Pesara Penolong Pegawai Perangkaan
Mantan Timbalan Pengerusi Persatuan
Penolong Pegawai Perangkaan
1980 – 2015

Saya amat berterima kasih dan berbangga kerana Jabatan Perangkaan telah memberi saya peluang berkhidmat dalam pelbagai kapasiti. Bermula sebagai pegawai kader pada 15 Disember 1980 di Kementerian Pertanian Malaysia dan kemudian berkhidmat di Sarawak (Kuching, 1994-1999) dan Bintulu (2012-2014), Melaka (2000-2001) dan Johor (2014-2015) telah membolehkan saya menimba pengalaman termasuk human management.

Berkhidmat selama lebih kurang 37 tahun, saya juga berkesempatan untuk melalui fasa-fasa dan proses 'permodenan' yang berlaku di DOSM selari dengan Jabatan dan Kementerian lain.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada DOSM atas sambutan ulangtahan ke 75 tahun dan selamat maju jaya.

Jabatan Perangkaan Malaysia atau DOSM adalah sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul, mentafsir dan menyebarkan statistik terkini bagi perancangan pembangunan ekonomi dan sosial negara. Dalam usia 75 tahun DOSM telah melalui banyak perubahan dan peningkatan dari segi proses kerja mahu pun peralatan yang digunakan. Terkini dalam era globalisasi dan teknologi canggih, DOSM perlu menyesuaikan diri dengan perubahan ini supaya ianya terus menjadi agensi unggul dalam penyediaan dan pembekalan data terkini.

Saya amat beruntung kerana sepanjang berkhidmat lebih daripada 40 tahun, saya dapat melalui proses permodenan DOSM iaitu dari kaedah kerja secara manual hinggalah semuanya dibuat menggunakan teknologi pengkomputeraan serta perisian yang canggih.

Syabas dan tahniah DOSM serta semua peringkat warganya sama ada yang masih berkhidmat atau bersara di atas komitmen dan usaha gigih bagi memastikan DOSM berjaya dan dikenali merentasi seantero dunia.

Mohamad Karim Khalid

Pesara DOSM
2 Julai 1979 – 31 Mac 2019

Selamat menyambut ulang tahun ke-75 Jabatan Perangkaan Malaysia!

Hari ini, kita meraikan satu perjalanan yang penuh kejayaan dan sumbangan yang tidak ternilai dalam menyediakan data dan statistik yang tepat untuk pembangunan negara. Tahniah kepada semua anggota Jabatan yang telah berusaha keras dalam memastikan maklumat yang tepat dan relevan tersedia bagi membantu penggubalan dasar dan perancangan strategik.

Semoga Jabatan Perangkaan Malaysia terus maju dan memberi impak positif kepada masyarakat serta negara. Bersama-sama, mari kita bina masa depan yang lebih cemerlang dengan data yang berkualiti!

Hj. Roslan bin Nordin

Pesara DOSM
22 Ogos 1980 – 11 Januari 2021

Saya ucapkan setinggi Tahniah kepada Jabatan Perangkaan Malaysia yang menyambut ke 75 tahun penubuhannya. Buat masa ini Jabatan ini sangat dikenali ramai bukan saja dikalangan segenap lapisan masyarakat. Saya mula berkhidmat di Jabatan ini pada tahun 1976 dan bersara 2016. Banyak kenangan yang telah dilalui, yang paling manis telah menjadi Penguasa Daerah Banci sebanyak tiga kali, iaitu 1991 (Kelantan) 2000 (Terangganu) dan 2010 (Kelantan).

Akhirnya saya berdoa semoga Jabatan terus maju jaya bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia.

Mahmud bin Jamaludin

Pesara Pembantu Perangkaan E26
1976 – 2016

Saadiah binti Ahmad

Presiden KLASIK

Mantan Timbalan Pengarah

1 April 1980 – 6 Disember 2016

Alumni Statistik atau Klasik ditubuhkan pada tahun 2018 yang terdiri daripada pesara Jabatan / Skim Perkhidmatan Lain, Jabatan Perangkaan Malaysia. Kewujudan Klasik secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada anggota jabatan yang sedang berkhidmat dalam perkongsian pengalaman bekerja dan juga dapat melibatkan diri dalam aktiviti Jabatan yang dijalankan.

Klasik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia atas sumbangan, usaha gigih, dan dedikasi yang tidak ternilai sepanjang 75 tahun ini. Pencapaian Jubli Intan ini melambangkan keteguhan dan komitmen jabatan dalam menyediakan data berkualiti tinggi yang menjadi asas kepada pembangunan dan kemajuan negara. Kita telah memainkan peranan penting dalam memastikan setiap keputusan dasar berdasarkan fakta yang tepat dan relevan. Semoga jabatan ini terus unggul, berinovasi, dan menjadi nadi kepada keputusan berwawasan yang membawa negara ke arah masa depan yang lebih gemilang. Terima kasih, dan teruskan kecemerlangan!

Jumlli bin Md. Tahar

Pembantu Operasi

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang kini terletak di bawah Kementerian Ekonomi, adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk mengumpul, mentafsir dan menyebarkan data yang di percayai, cepat dan tepat bagi tujuan pembangunan negara.

Bermula dari Kuala Lumpur ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus melakar banyak kemajuan sejajar dengan arus pembangunan negara.

Semoga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus cemerlang di masa hadapan.

Tahniah kepada DOSM telah berdiri bertambah kukuh mematangkan perkhidmatan statistik untuk Malaysia. Kemunculan DOSM yang dulunya dikenali sebagai Jabatan Banci oleh orang ramai kini telah berkembang menjadi Jabatan yang juga peduli ekonomi negara. Masa berlalu, DOSM juga terus menempuh dan menongkah teknologi pengumpulan, pemprosesan, penyebaran data, bukan sahaja untuk kepentingan membentuk dasar-dasar pentadbiran kerajaan, malah menjadi tumpuan para penyelidik untuk menganalisis impak dari data-data yang telah dijadikan tulang belakang penyediaan setiap dasar-dasar Kerajaan.

Syabas, atas pencapaian yang mendahului tempoh khidmat DOSM. Teruskan menyemai kesedaran masyarakat atas kepentingan data dan bina keyakinan kepada masyarakat untuk maksud-maksud data yang disebar.

Mohamad Ali bin Abdullah

Pengerusi

Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan
Sesi 2004-2017

Saya ucapkan setinggi-tinggi Tahniah kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menyambut Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 tahun penubuhannya. Kini, DOSM lebih dikenali sebagai sebuah Agensi Kerajaan yang menghasilkan statistik yang sangat bermanfaat kepada pembentukan dasar dan ekonomi Negara. Saya mula berkhidmat di DOSM mulai tahun 2014 sebagai Kader di Pejabat Ketua Keselamatan Kerajaan (CGSO).

Saya berdoa semoga DOSM terus maju jaya demi kemajuan dan sosio-ekonomi Malaysia dan terus melangkah ke hadapan di persada antarabangsa. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia serta Warga DOSM yang telah mengharumkan nama DOSM dan merakytakan statistik di kalangan masyarakat.

Sazali bin Hassim

Pengawal Keselamatan KP11

ILTIZAM PASCA 75 TAHUN DOSM

Masyarakat dan negara akan melalui fasa dunia yang semakin cepat berubah, kompleks dan ketidaktentuan dalam pelbagai aspek seperti geopolitik, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Bagi mengharungi senario yang semakin mencabar ini, dasar pembangunan negara telah memberi keutamaan kepada usaha membangunkan negara yang makmur, membina masyarakat yang progresif dan sejahtera, menjamin daya tahan ekonomi, pembangunan wilayah yang seimbang, menjamin kelestarian alam sekitar, memartabatkan tatakelola yang baik (*good governance*), memastikan pengagihan kekayaan yang lebih adil dan saksama, mengharungi era digitalisasi dan mencapai status negara berpendapatan tinggi (*high income nation*).

Di peringkat dunia, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) masih menjadi garis panduan kerangka pembangunan global sehingga 2030. Sementara itu, di peringkat serantau, Wawasan Ekonomi ASEAN 2025 masih berlangsung dan Malaysia akan menerajui lembaran baharu di bawah "Visi Komuniti ASEAN 2045" yang menggariskan hala tuju masa depan ASEAN untuk dua dekad akan datang.

Data dan maklumat statistik semakin diperlukan dan memainkan peranan yang penting bagi memandu arah memenuhi keperluan membuat keputusan berasaskan bukti serta merencanakan pelan pembangunan berpacuan data. Pasti nya bidang perkhidmatan perangkaan akan lebih mencabar dan kompleks bagi tempoh mendatang. Di peringkat antarabangsa, antara bidang baharu yang menjadi keutamaan adalah Kepimpinan Data (*Data Leadership*), Kepengurusan Data (*Data Stewardship*), Strategi Data, Tadbir Urus dan Pengurusan Data, Statistik Bencana Alam & Perubahan Iklim, *System of National Accounts 2025*, *Balance of Payments Manual and International Investment Position Manual* Edisi ke-7, *Standard Industrial Classification of All Economic Activities Revision 5* (ISIC Rev.5), *Beyond GDP*, Integrasi Statistik & Maklumat Geospasial, statistik berkaitan Penuaan Penduduk serta indikator SDGs 2030.

Di peringkat nasional, lonjakan penjanaan data dan statistik yang lebih terperinci oleh pengeluar statistik rasmi dalam Sistem Statistik Negara (SSN) diperlukan bagi menyokong kerangka dasar pembangunan seperti Ekonomi MADANI, Belanjawan MADANI 2025, Rancangan Malaysia Ke-13, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Rangka Tindakan Digital Ekonomi Malaysia, Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga dan lain-lain dasar kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

Sehubungan itu, bagi mendepani cabaran Pasca 75 tahun usia penubuhannya, DOSM bersama-sama pemegang taruh komited untuk terus menerajui dan memperkasa SSN yang inklusif dan mampan dengan meningkatkan penjanaan data dan statistik rasmi berkualiti untuk memenuhi aspirasi negara, masyarakat dan komuniti sejagat. Data dan maklumat statistik akan dipertingkatkan penghasilannya bagi memacu pembangunan negara dengan memperkasa keupayaan membuat keputusan berteraskan data, meningkatkan kebolehcapaian dan ketersediaan data serta membina kapasiti DOSM dan SSN yang berwibawa dan mampan.

Pengukuhan Sistem Statistik Negara akan terus dilaksanakan dengan menumpukan kepada aspek (i) Pemeraksanaan Tadbir Urus Sistem Statistik Negara; (ii) Pengukuhan Tadbir Urus Pengurusan Data Negara; (iii) Pembudayaan Pembuatan Keputusan Berasaskan Data dan Bukti; (iv) Pemeraksanaan Kapasiti Perkhidmatan Statistik Negara dan (v) Penyediaan Pelan Strategik DOSM 2026-2030.

An aerial photograph showing a multi-lane highway bridge spanning a deep, forested valley. The bridge curves through the landscape, with several vehicles visible on its surface. In the background, rolling hills and mountains are visible under a hazy sky. To the right of the bridge, there is a small industrial or commercial area with some buildings and smoke rising from one of them. The overall scene is a mix of natural beauty and human infrastructure.

Aspirasi untuk memperkasa **Sistem Statistik Negara yang berwibawa dan mampan adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk membawa Malaysia menggapai satu tahap yang lebih tinggi dalam pembangunan** serta memastikan setiap individu merasai impak positif daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. DOSM ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang keringat dan idea dalam penghasilan data dan statistik yang telah banyak berjasa kepada pembangunan negara, kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran sejagat. DOSM akan terus meningkatkan usaha memartabatkan sistem statistik negara yang akan memacu pembudayaan pembuatan keputusan berasaskan bukti demi kesejahteraan sejagat.

Sekalung Budi & Penghargaan

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin
YBrs. Puan Hajah Nazaria Baharudin
YBrs. Puan Siti Asiah Ahmad
YBrs. Puan Norhayati Jantan
YBrs. Puan Ezatul Nisha Abdul Rahman
Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekalung budi dan setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung, memberi sokongan, motivasi dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Ahli Jawatankuasa

Encik Mohd Yazid Kasim
Encik Herzie Mohamed Nordin
Encik Wan Azhar Wan Mokhtar
Encik Minson Majimbun
Encik Masrol Hafizal Ismail
Puan 'Arifah Abdul Malik
Encik Muhamad Faizal Hamid
Puan Norasyikin Abdul Mubin
Puan Norazlinda Mili @ Hassim
Puan Mashitah Mahmor
Puan Noor Hayati Dahari
Puan Norhayati Yahya
Puan Naimah Abdul Wahab
Encik Muhamad Haziq Aqil Hanafie
Cik Nurina Damia Rashid
Cik Nurul Haizum Farahdiyana Latjatih

Sidang Redaksi

Puan Jamia Aznita Jamal
Puan Rusnani Hussin @ Isa
Puan Salmiah Ponggot
Puan Siti Faizah Hanim Md Matar
Puan Norul Anisa Abu Safran
Cik Mazliana Mustafa
Puan Halina Abdul Hamid
Puan Nur Surya Ab. Razak

75

TAHUN MERENTASI Z A M A N

Mengukir Kehidupan



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62514 Putrajaya

Tel.: 603-8885 7000

Faks: 603-8888 9248

E-mel: info@dosm.gov.my

<https://www.dosm.gov.my>